

جورنل معاملات

JURNAL MUAMALAT

Bil. 2 • 2009/1430H

ISSN: 1985-6156

Pengurusan Harta Keluarga Mengikut Islam dan Realiti Semasa di Malaysia
AHMAD HIDAYAT BUANG

Sukuk Mudarabah and Sukuk Musharakah in The Light of Accounting
and Auditing Organization for Islamic Institutions (AAOIFI)
Pronouncement 2008: Challenges and Opportunities
ENGKU RABIAH ADAWIAH ENGKU ALI

Leverage Dalam Urus Niaga Mata Wang Asing/Foreign
Exchange (Forex): Satu Analisis daripada Perspektif Syariah
MOHD ZAMEREY ABDUL RAZAK

Fiqh Awlawiyyat In Retakafu- Between RBC (Risk-Based Capital)
Standards and Islamic Institutions
AZMAN ISMAIL

Seigniorage of Fiat Money and the Maqasid al-Shari'ah:
The Compatibility of the Gold Dinar with the Maqasid
AHAMED KAMEEL MYDIN MEERA & MOUSSA LARBANI

Hukum Penyaluran Harta Tidak Patuh Syariah ke Baitulmal
MOHAMAD ZARIFI MOHAMAD DAUD

Peranan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
dalam Pembangunan Pasaran Modal Islam di Malaysia
MD NURDIN NGADIMON

Surat Jaminan Bank : Hukum Menjadikannya Sebagai Aset
untuk Jual Beli dalam Pembiayaan
*MOHD NASRAN BIN MOHAMAD DAN
NIK ABDUL RAHIM NIK ABDUL GHANI*

Hukum Pewarisan bagi Kes Kematian Serentak
SYAHNAZ SULAIMAN

Instrumen Hibah : Analisis Hukum dan Aplikasi di Malaysia
MOHD ZAMRO MUDA



جهاز ترويج الإسلام في ماليزيا

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA





Sidang Redaksi Jurnal Muamalat

Penasihat

DATO' HAJI WAN MOHAMAD BIN DATO' SHEIKH ABD AZIZ
Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

Ketua Editor

HAJI RAZALI BIN HAJI SHAHABUDIN
Pengarah Bahagian Penyelidikan

Penolong Ketua Editor

HAJI MUNIR BIN HAJI MD. SALLEH
Ketua Penolong Pengarah Cawangan Muamalat dan Sosio Ekonomi
Bahagian Penyelidikan

Sidang Editor

Syahnaz binti Sulaiman • Norhalina binti Othman
Ahmad Zaky bin Md Ali @ Tahir
Abdul Muhaimin bin Mahmood • Mohd Kamil bin Abu Talib
Abdullah bin Haji Abd Rahman • Halim bin Ahmad
Fatimah binti Saad • Hasni binti Mohd Ali • Taqwa binti Zabidi
Siti Khumaizah binti M. Moideen • Saiful Nizam bin Che Wani

Penasihat Bahasa: Dr. Haji Abdul Razak bin Haji Dali dan Hajah Sharifah Shipak binti Syed Hassan Aidid

Ahli Jawatankuasa: Zainur Akmar binti Abdul Adi, Sofiah Noor binti Yahya, Selamah binti Mat Saman, Nor Azlina binti Osman, Maznah binti Md Nor, Fariyah binti Ibrahim.

Penerbit: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Aras 6, Blok D7, Kompleks D, Pusat Pentabiran Kerajaan Persekutuan, 62519 Putrajaya.

Konsep & Rekabentuk: Visual Print Sdn. Bhd. A-1-7A, 2, Jln 12/144A, Tmn Bkt. Cheras, 56000 Kuala Lumpur. Tel: 03-9100 2420/9100 2389 Fax: 03-9102 1389

Percetakan: TradeXS Sdn. Bhd. 32-M Wisma Ukhwah, Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur. Tel: 03-20324898, Faks: 03-20325898.

Penafian: Rencana yang terdapat dalam jurnal ini adalah milik penulis dan tidak menggambarkan pendapat Sidang Editor, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

JURNAL MUAMALAT (ISSN:1985-6156) diterbitkan setahun sekali oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia sebagai platform penyebaran maklumat tentang aspek teori, aplikasi dan penyelidikan dalam bidang muamalat dan ekonomi Islam.

SUMBANGAN ARTIKEL Segala pertanyaan mengenai jurnal dan sumbangan artikel hendaklah dialamatkan kepada Ketua Editor Jurnal Muamalat, Bahagian Penyelidikan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Aras 6, Blok D7, Kompleks D, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62519 Putrajaya.

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan cetak mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 62519 Putrajaya. Perundingan tertakluk kepada royalti atau honorarium.

© Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2009
[Http://www.islam.gov.my](http://www.islam.gov.my)





JURNAL MUAMALAT

BIL. 2 • 2009/1430H



Jabatan Kemajuan Islam Malaysia







KANDUNGAN

- Pengurusan Harta Keluarga Mengikut Islam dan Realiti Semasa di Malaysia 1
AHMAD HIDAYAT BUANG
- Sukuk Mudarabah and Sukuk Musharakah in The Light of Accounting and Auditing Organization for Islamic Institutions (AAIOFI) Pronouncement 2008: Challenges and Opportunities 17
ENGKU RABIAH ADAWIAH ENGKU ALI
- Leverage Dalam Urus Niaga Mata Wang Asing/Foreign Exchange (Forex): Satu Analisis Dari Perspektif Syariah 39
MOHD ZAMEREY ABDUL RAZAK
- Fiqh Awlawiyyat In Retakaful- Between RBC (Risk-Based Capital) Standards and Islamic Institutions 59
AZMAN ISMAIL
- Seigniorage of Fiat Money and the Maqasid al-Shari'ah: The Compatibility of the Gold Dinar with the Maqasid 93
AHAMED KAMEEL MYDIN MEERA & MOUSSA LARBANI
- Hukum Penyaluran Harta Tidak Patuh Syariah ke Baitulmal 117
MOHAMAD ZARIFI MOHAMAD DAUD
- Peranan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dalam Pembangunan Pasaran Modal Islam di Malaysia 133
MD NURDIN NGADIMON
- Surat Jaminan Bank : Hukum Menjadikannya Sebagai Aset Untuk Jual Beli dalam Pembiayaan 153
*MOHD NASRAN MOHAMAD &
NIK ABDUL RAHIM NIK ABDUL GHANI*
- Hukum Pewarisan bagi Kes Kematian Serentak 171
SYAHNAZ SULAIMAN
- Instrumen Hibah : Analisis Hukum dan Aplikasi di Malaysia 187
MOHD ZAMRO MUDA







Biodata Penulis

AHAMED KAMEEL MYDIN MEERA berkelulusan Ijazah Kedoktoran dalam bidang Kewangan (*Finance*) dari University of North Texas, Denton, Texas, U.S.A. Pasaran kewangan, analisa pelaburan, ekonomi makro, isu-isu sosio ekonomi dan kaedah kuantitatif merupakan minat serta pengkhususan beliau. Beliau mempunyai banyak pengalaman mengajar dan mengendalikan kursus-kursus dalam bidang-bidang tersebut. Penyelidikan beliau yang terkini fokus terhadap sistem-sistem kewangan termasuk penggunaan dinar emas. Beliau merupakan bekas Dekan Pusat Pengajian Siswazah (*Centre for Postgraduate Studies*) dan Institut Perbankan dan Kewangan Islam, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

AHMAD HIDAYAT BUANG ialah Profesor di Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Mempunyai kelulusan ijazah Sarjana Muda Syariah Universiti Malaya, Sarjana Undang-Undang (LLM) dan Doktor Falsafah dari School Of Oriental & African Studies di London. Beliau dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa Penasihat Syariah bagi Majlis Agama Islam Pulau Pinang dan penasihat Syariah Syarikat Takaful Ikhlas Sdn Bhd. Pernah mendapat anugerah dan penghargaan daripada universiti terkemuka dunia seperti Visiting Fellow, Institute of Advanced Legal Studies, University of London, 2006, Visiting Research Associates, Oxford Centre For Islamic Studies, 2005, dan Visiting Lecturer, Malay Chair, Victoria University, Wellington, New Zealand, 2001.

AZMAN ISMAIL merupakan CEO, IIFIN Planners Sdn. Bhd., sebuah syarikat yang menyediakan khidmat nasihat Syariah yang dilesenkan oleh Suruhanjaya Sekuriti dan merupakan ahli kepada Panel Maklumat, Amanah Raya Berhad. Beliau memulakan kerjayanya di salah sebuah syarikat takaful yang terawal ditubuhkan di Malaysia pada tahun 1985. Semenjak tahun 1999 beliau telah melibatkan telah menceburi melaksanakan program latihan dan khidmat konsultansi di kebanyakan syarikat takaful di Malaysia dan di beberapa negara luar seperti Singapura, Brunei, Indonesia, Qatar dan Arad Saudi. Pada masa sekarang beliau merupakan ahli kumpulan penyelidik Islamic Insurance-Takaful of the Chartered Insurance Institute yang berpusat di London.





ENGKU RABIAH ADAWIAH ENGKU ALI ialah pensyarah di Kuliyyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Berkelulusan LLB (Kelas Pertama) dan LLB Syariah (Kelas Pertama) dari UIAM dan memiliki ijazah Sarjana Perbandingan Undang-Undang (MCL) dengan kepujian. Beliau memperolehi Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang undang-undang sekuriti dari Universiti Aberdeen, United Kingdom. Pada ketika ini, beliau merupakan salah seorang ahli Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia, Labuan Re dan Penasihat Syariah berdaftar untuk terbitan Bon Islam dari Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Beliau juga merupakan ahli lembaga pengarah ILIM dan terlibat sama sebagai ahli Panel Kajian Syariah JAKIM.

MD. NURDIN NGADIMON ialah Penolong Pengurus Besar di Jabatan Pasaran Modal Islam Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Tanggungjawab utama beliau antara lain adalah mengetuai dan menyelenggara penyelidikan dan pembangunan berkaitan dengan Syariah untuk produk Pasaran Modal Islam. Di samping itu beliau juga mengetuai dan menyelenggara pembentukan polisi dan garis panduan bagi Pasaran Modal Islam Di Malaysia. Beliau juga terlibat dari sudut menganalisa cadangan korporat untuk penerbitan sukuk, Produk Berstruktur dan REIT Islam. Sebelum bertugas di Suruhanjaya Sekuriti pada Oktober 1995, beliau ialah pensyarah dalam bidang Fiqh Muamalat di Akademi Islam Universiti Malaya. Beliau memperolehi ijazah Sarjana Muda dari Akademi Islam, Universiti Malaya (1986) dan ijazah Sarjana *Fiqh* dan *Usul* dari Universiti Jordan (1993). Kemudiannya pada tahun 2006 beliau telah menyempurnakan Ijazah Doktor Falsafah dari Universiti Birmingham United Kingdom.

MOHD NASRAN MOHAMAD ialah Profesor di Jabatan Syariah dan Dekan Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Dilahirkan pada 25 Oktober 1965 di Kuala Terengganu. Mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Manir (1972 – 1977), Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Tok Jiring Kuala Terengganu (1978) Sekolah Menengah Agama Sultan Ismail Dungun (1979-1980) dan seterusnya KUSZA (1981-1982 & 1983 - 1986). Manakala di peringkat pengajian tinggi beliau memperoleh Sarjana Muda Pengajian Islam UKM (1989), Masters of Comparative Law UIAM (1992) dan Ph.D University of Manchester, UK (2000).





MOHD ZAMEREY ABDUL RAZAK merupakan Naib Presiden merangkap Ketua Syariah di Asian Finance Bank Berhad (AFB). Berkelulusan ijazah Sarjana Pengajian Islam (Syariah), Universiti Kebangsaan Malaysia dan memperolehi ijazah Sarjana Muda Syariah (Fiqh & Perundangan Islam) dari Universiti Yarmouk, Jordan. Sebelum menyertai AFB, beliau pernah bertugas sebagai Ketua Jabatan Syariah di Takaful Ikhlas Sdn Bhd selama lima tahun.

MOHAMAD ZARIFI HAJI MOHAMAD DAUD berkelulusan ijazah Sarjana Muda Ilmu Wahyu (Fiqh dan Usul Fiqh), Universiti Islam Antarabangsa. Beliau pernah memegang jawatan sebagai pegawai Syariah di Jabatan Pematuhan Syariah Takaful Ikhlas Sdn Bhd. Beliau sekarang berkhidmat sebagai Penolong Pengarah di Bahagian Penyelidikan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

MOHD ZAMRO MUDA ialah pensyarah kanan di Jabatan Syariah Fakulti Pendidikan Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau memperolehi Diploma Pengajian Islam (Syariah) daripada Kolej Agama Zainal Abidin dan kemudiannya memperolehi ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam dan Sarjana Pengajian Islam (Syariah). Bidang kepakaran beliau ialah undang-undang pusaka Islam, undang-undang harta Islam meliputi wasiat, wakaf dan hibah dan fiqh muqaran/perbandingan.

SYAHNAZ SULAIMAN berkelulusan ijazah Sarjana Muda Syariah & Undang-Undang, Universiti Malaya dan Masters of Comparative Laws (MCL), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Beliau sekarang berkhidmat sebagai Penolong Pengarah di Bahagian Penyelidikan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).





Kata-kata Aluan

KETUA PENGARAH JAKIM



Segala pujian dirafakkan ke hadrat Allah SWT, Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam buat junjungan besar Nabi Muhammad SAW.

Penerbitan sulung Jurnal Muamalat JAKIM pada tahun yang lalu telah membuka lembaran baru terhadap peranan JAKIM dalam mendukung inisiatif Kerajaan menjadikan Malaysia sebagai hub kewangan Islam. Rentetan daripada penghasilan jurnal tersebut, JAKIM telah banyak menerima respon positif tentang kepentingan Jurnal Muamalat sebagai wadah penyampaian ilmu pengetahuan kepada umat Islam di segenap peringkat. Alhamdulillah, berkat sokongan padu, usaha gigih dan kerjasama pelbagai pihak, Jurnal Muamalat kembali mengisi persada ilmiah tanah air untuk tahun kedua.

Sebagai agensi agama yang menyelaras hal ehwal agama Islam di negara ini, JAKIM mempunyai kapasiti yang luas untuk menyampaikan maklumat tentang muamalat Islam kepada masyarakat sehingga ke peringkat akar umbi. Justeru, sejajar dengan perkembangan landskap kewangan Islam, JAKIM akan terus komited memberikan sokongan mempromosikan sistem kewangan Islam seiring dengan keperluan dan tuntutan semasa. Penerbitan jurnal ini dilihat sebagai suatu manifestasi tindakan proaktif JAKIM dalam menghimpunkan artikel-artikel ilmiah sebagai santapan minda dan pengisian jiwa ke arah meningkatkan kefahaman dan penghayatan mengenai pensyariatan transaksi kewangan Islam.

Akhirnya, tahniah dan syabas diucapkan kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, JAKIM selaku sekretariat tetap kerana telah berjaya menerbitkan Jurnal Muamalat Bil.2, Tahun 2009. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih juga dikalungkan buat para penulis dan pengkaji yang telah menyumbangkan artikel. Mudah-mudahan usaha murni ini akan dapat diteruskan pada masa hadapan dan beroleh limpahan rahmat dan keberkatan daripada Allah SWT.

Sekian, terima kasih.

DATO' HAJI WAN MOHAMAD BIN DATO' SHEIKH ABD. AZIZ
Ketua Pengarah
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia





Kata Pengantar

KETUA EDITOR

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Alhamdulillah, jutaan kesyukuran saya panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan keizinan-Nya Jurnal Muamalat JAKIM telah berjaya diterbitkan untuk kali kedua. Krisis kewangan global yang melanda sewajarnya dijadikan iktibar oleh masyarakat kewangan antarabangsa bahawa sistem kewangan yang bertunjangkan mekanisme riba dan tekanan faedah yang berganda telah membawa malapetaka yang besar kepada ekonomi dunia. Lantaran itu, umat Islam sewajarnya lebih komited untuk menjana penyelidikan dan pembangunan berkualiti bagi mengenalpasti kaedah untuk menangani kemelut tersebut menerusi pendekatan teori dan aplikasi kewangan yang Islamik.

Selaras dengan usaha untuk mendidik dan memberikan pendedahan kepada masyarakat tentang kesyumulan dan survival sistem ekonomi dan kewangan Islam, Jurnal Muamalat pada kali ini tampil dengan memaparkan tajuk-tajuk seperti pengurusan harta keluarga, sukuk mudarabah dan musharakah, *leverage* dalam urus niaga matawang dan hibah. Diharapkan menerusi garapan idea dan hasil penyelidikan yang mantap yang diketengahkan dalam Jurnal ini dapat membuka minda masyarakat tentang peri pentingnya bermuamalah dengan instrumen kewangan Islam. Penerbitan jurnal ini juga merupakan salah satu wasilah untuk menggalakkan aktiviti penyelidikan berkualiti ke arah penambahbaikan sistem kewangan Islam yang dilaksanakan sekarang ini.

JAKIM merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas kerjasama semua pihak dalam menjayakan penerbitan Jurnal Muamalat pada kali ini khususnya kepada Dr. Haji Abdul Razak bin Haji Dali dan Hajah Sharifah Shipak binti Syed Hassan Aidid atas pandangan dan komentar ke arah memantapkan penerbitan jurnal ini. Semoga tautan kerjasama dan penggabungan usaha akan terus mekar di atas landasan mengembangkan syiar Islam demi kemaslahatan ummah sejagat.

HAJI RAZALI BIN HAJI SHAHABUDIN

Pengarah

Bahagian Penyelidikan

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia





Pengurusan Harta Keluarga Mengikut Islam dan Realiti Semasa di Malaysia

AHMAD HIDAYAT BUANG

Abstrak

Bersama keteguhan dan kemakmuran yang dinikmati Malaysia kebelakangan ini serta dengan pengenalan kemudahan simpanan dan pelaburan secara Islam, masyarakat Islam di Malaysia telah memperoleh dan memiliki harta dan kekayaan melebihi daripada dahulu secara perbandingannya dengan tempoh masa sebelum kemerdekaan. Kekayaan yang baru ini juga menimbulkan beberapa isu yang berkaitan dengan pengurusan harta dan agihan harta pusaka. Artikel ini merupakan satu percubaan untuk membincang isu-isu ini daripada perspektif perundangan Islam terutama tentang penggunaan prinsip Syariah yang lain secara inovatif dalam pengurusan harta dan agihan pusaka orang Islam di Malaysia.

Family Wealth Management From Islam Perspective and Current Scenario In Malaysia

Abstract

With economic stability and prosperity in recent years together with the introduction of Islamic financial facilities in savings and investments, Muslims in Malaysia have acquired and possessed properties and wealth much more than before in comparison to the period before independence. Together with this new wealth are issues and problems in property management and estate distribution. The paper attempts to discuss these issues from the perspective of Islamic jurisprudence on the use of other alternative and innovative Shar'iah principles in property management and estate distribution.





Pendahuluan

Allah SWT berfirman dalam surah al-Nur ayat 32 yang bermaksud: “Dan kahwinkanlah dari kalangan kamu orang bujang (lelaki dan perempuan) dan orang-orang yang salih daripada hamba-hamba kamu (lelaki dan perempuan) dan sekiranya mereka berada dalam kemiskinan, Allah akan memberikan kekayaan kepada mereka daripada limpah kurnia-Nya”. Ayat boleh difahami sebagai menjelaskan bahawa hidup berkeluarga melalui perkahwinan yang sah akan dijamin rezekinya oleh Allah SWT. Mengikut Imam Qurtubi di dalam tafsirnya, *al-Jami‘ li Ahkam al-Qur’an*, ayat ini ialah satu janji jaminan rezeki daripada Allah SWT kepada mereka yang mendirikan rumahtangga kerana mengharapkan keredaan Allah dan untuk mengelakkan diri daripada terjerumus kepada maksiat¹. Oleh yang demikian ayat ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa penghidupan keluarga itu sebenarnya satu aspek yang produktif dalam sesuatu masyarakat. Ini adalah kerana hidup berkeluarga adalah satu insentif kepada seseorang dalam ahli keluarga itu, baik sama ada suami atau isteri, untuk menjana pendapatan bagi kelangsungan dan keselesaan hidup ahli-ahli keluarga tersebut. Ini ialah sesuatu yang tabi‘i.

Realiti Semasa Masyarakat Melayu Islam

Dalam masyarakat Melayu Islam sudah menjadi amalan sejak dari dahulu lagi suami dan isteri berkerja bersama-sama di ladang dan kebun untuk mencari mata pencarian. Ini terbukti melalui amalan adat yang dikenali sebagai harta sepencarian yang diiktiraf oleh Mahkamah sejak dari dahulu lagi². Pada masa kini, suami dan isteri, masih terus sama-sama bekerja untuk menampung perbelanjaan keluarga. Dan sekiranya ada antara isteri yang menjadi suri rumah sepenuh masa, sesetengahnya masih membuat pekerjaan sendiri secara sambilan seperti mengambil upah menjahit, menjual kuih muih dan sebagainya. Kebiasaan sebegini akan membawa kepada pengumpulan harta kepada pasangan suami isteri itu sama ada secara disedari ataupun tidak.

Harta yang terkumpul daripada usaha tadi ada yang hanya sekadar mencukupi untuk meneruskan penghidupan. Namun begitu berdasarkan cara hidup masa kini yang bersifat konsumerisme, di mana harta seperti rumah, kereta, peralatan rumah dan pelbagai lagi boleh dimiliki secara





kredit maka lambat-laun pasangan suami isteri tersebut akan memiliki aset-aset tertentu pada hari tua mereka. Ini ditambah lagi dengan skim-skim wang simpanan, pelaburan, insurans serta takaful sama ada yang diwajibkan oleh undang-undang atau secara sukarela akan menyebabkan harta-harta dalam bentuk tunai akan terkumpul akhirnya. Malah dalam keadaan ekonomi dunia pada masa sekarang yang dikatakan menghadapi masalah, masih terdapat lebih pendapatan di kalangan sesetengah umat Islam di dalam negara ini. Pemilikan aset dan lebih tunai ini baik sama ada yang terkumpul secara beransur-ansur atau secara “durian runtuh” dalam Islam, perlu dibelanjakan sesuai dengan firman Allah SWT yang bermaksud “Dan apa yang Kami kurniakan kepada mereka daripada rezeki hendaklah mereka membelanjakannya” (Surah al-Baqarah, ayat 3). Kenyataan ini tidak bermakna umat Islam tidak perlu menyimpan atau mengumpul harta, bahkan itu yang sewajarnya sebagai persediaan untuk menghadapi hari-hari malang jika berlaku sebagaimana kisah Nabi Allah Yusuf a.s. semasa baginda menjadi menteri kewangan Mesir (Surah Yusuf, ayat 47-49). Oleh yang demikian yang dimaksudkan dengan perbelanjaan di sini adalah yang berkaitan dengan keperluan hidup manusia sebagai pemegang amanah kepada harta dan kekayaan yang dikurniakan oleh Allah SWT.

Perbelanjaan dan Perancangan Pengurusan Harta

Perbelanjaan harta-harta di dalam Islam adalah dalam dua bentuk iaitu perbelanjaan wajib dan perbelanjaan sukarela. Perbelanjaan wajib harta seseorang Islam baik sama ada dia berkeluarga ataupun tidak, ialah bayaran zakat sebagaimana yang telah dimaklumi. Manakala bagi individu yang berkeluarga terutama suami ialah bayaran nafkah kepada isteri dan anak-anak serta orang yang dia bertanggung. Selain itu ialah perbelanjaan sukarela yang terbit baik sama ada daripada akad seperti jual beli, hibah, sewaan dan sebagainya. Perbelanjaan keluarga ini adalah pelbagai untuk menampung keperluan hidup seperti makanan, pakaian, tempat tinggal dan kenderaan. Dalam konteks penghidupan masa kini ialah perbelanjaan pendidikan, kesihatan dan rekreasi. Desakan hidup zaman sekarang tidak seperti dahulu, di mana kesemua aspek penghidupan memerlukan perbelanjaan. Begitu juga struktur masyarakat sudah juga berubah, di mana bantuan kepada





keluarga yang ditimpa kemalangan atau bagi tujuan mencari pekerjaan bukanlah mudah untuk diperoleh pada masa sekarang. Memang benar bahawa kesusahan seseorang Islam yang lain itu akan ditanggung oleh saudaranya seagama. Begitu juga institusi zakat, baitulmal dan wakaf sentiasa boleh membantu orang Islam yang dalam kesusahan. Namun begitu realiti hidup masa kini, tidaklah boleh menjadikan umat Islam itu bergantung semata-mata kepada institusi tersebut kerana proses pentadbiran dan dana yang sedikit jika dibandingkan dengan dana percukaian negara³. Oleh yang demikian umat Islam sendiri terutama kepada yang berkeluarga mesti merancang perbelanjaan mereka untuk mengelak dari ditimpa kesusahan pada masa hadapan.

Bentuk pendapatan masa kini yang bersifat bayaran wang menyebabkan amalan menyimpan atau menabung begitu mudah dilakukan. Bagi pasangan yang baharu mendirikan rumah tangga amatlah penting mereka menyediakan tabungan atau simpanan bagi perbelanjaan keluarga. Gambaran yang selalu terpapar di fikiran ramai di kalangan masyarakat ialah hanya mereka yang pendapatan tinggi mampu untuk menabung dan menyimpan. Tidak dinafikan bahawa pendapatan seseorang yang sedikit itu tidak memungkinkan dia untuk menabung. Namun begitu, apa yang ingin ditekankan di sini adalah seseorang itu tidak perlu untuk menunggu menjadi senang atau kaya baharu akan bermula hendak menabung atau menyimpan. Apa yang perlu difahami ialah menabung itu perlu apabila sahaja seseorang itu mampu melakukannya. Malah seharusnya disemai satu kefahaman bahawa menyimpan dan menabung itu adalah satu kewajipan atau keperluan yang sama seperti makan dan minum. Mungkin pada masa dahulu amat susah untuk menyimpan kerana ketiadaan kemudahan. Jika ada pun kebanyakannya tidaklah berbentuk Islamik⁴. Namun pada masa kini terlalu banyak kemudahan yang selaras dengan ajaran Islam seperti skim simpanan dan pelaburan secara Islam serta takaful. Maka dengan itu tidak ada alasan lagi mengapa setiap orang Islam di negara ini tidak boleh menyimpan atau menabung di dalam mana-mana kemudahan perbankan dan skim pelaburan atau insurans secara Islam. Perbelanjaan keluarga seperti pendidikan dan kesihatan serta bantuan pada waktu kecemasan boleh dirancang melalui usaha menabung dan menyimpan di institusi kewangan Islam sebegini.

Amalan menabung atau menyimpan dikatakan sesuatu perkara





yang agak sukar dilakukan, terlebih lagi di dalam masyarakat yang suka berhutang. Amalan berhutang bukanlah sesuatu yang buruk atau ditegah di dalam Islam. Ia ialah satu keperluan terutama dalam masyarakat yang bersifat konsumerisme pada masa sekarang sebagaimana yang dinyatakan di atas. Apa yang perlu dilakukan adalah untuk menggunakan kemudahan berhutang itu kepada perkara-perkara perlu seperti perumahan, kenderaan, pendidikan dan seumpamanya. Dengan kata lain hutang perlu dirancang dan digunakan kepada perkara perlu⁵. Oleh yang demikian, kemungkinan tidaklah salah untuk menyatakan bahawa kesukaran atau ketiadaan minat untuk menabung di kalangan anggota masyarakat sedikit sebanyak ada kaitan dengan budaya suka berhutang terutama kepada perkara yang tidak perlu. Tabiat untuk menyimpan dan menabung hasil pendapatan tidak syak lagi memerlukan keazaman yang bersungguh-sungguh dan kesabaran yang tinggi. Oleh yang demikian, amalan menyimpan ini dapat dianggap satu jihad kerana kesukaran untuk melakukannya. Begitu juga sebaliknya budaya suka berhutang kepada perkara yang tidak perlu, dapat dianggap sebagai satu bentuk pembaziran yang ditentang oleh Islam kerana ia menghalang amalan menyimpan dan menabung yang terbukti mempunyai faedah yang besar kepada keluarga dan umat Islam.

Apabila harta sudah terkumpul dan tanggungjawab kewangan keluarga sudah selesai atau stabil, maka lazimnya akan timbul keinginan untuk menyerahkan harta itu sebagai hadiah atau pemberian kepada ahli keluarga yang dekat. Perbuatan memberi hadiah atau pemberian ini (*hibah*) ialah suatu yang digalakkan dalam Islam sebagai tanda kasih sayang seseorang itu. Rasulullah SAW pernah bersabda yang maksudnya “berilah hadiah kerana ia akan menambah kasih sayang”⁶. Pemberian atau hadiah ini tidak dilihat sebagai suatu yang merugikan tetapi sesuatu yang memuaskan orang yang memberi kerana dalam perbuatan tersebut Allah SWT campakkan dalam hati manusia perasaan kasih sayang. Perasaan kasih sayang seseorang kepada ahli keluarga yang dekat itu mengatasi perasaan kerugian akibat kehilangan harta tadi, kerana ia akan diganti dengan perasaan gembira dan sukacita kerana dapat memberi harta tersebut kepada orang yang dicintai atau disayangi. Begitu juga perasaan manusia yang bersedekah atau menderma hartanya kepada mereka yang memerlukan, tidaklah dilihat perbuatan itu merugikan, tetapi





hati-hati yang memberi itu penuh dengan kepuasan dan pengharapan pahala daripada Allah SWT. Namun begitu dalam memberi hadiah atau pemberian ini Islam telah menetapkan beberapa etika. Antaranya pemberian seseorang ayah atau ibu kepada anak-anaknya adalah *afdal* disamaratakan. Makruh seseorang ayah atau ibu itu melebih-lebihkan pemberian harta kepada anak yang tertentu sahaja. Bahkan ada ulama yang berpendapat haram tidak menyamakan pemberian kepada anak-anak⁷. Tujuan *Syarak* menganjurkan agar disamakan pemberian antara anak-anak adalah supaya tidak timbul perasaan prejudis anak kepada kedua-dua orang tuanya dan perseteruan atau rasa tidak puas hati sesama anak itu. Perkara ini adalah jelas dan tidak perlu kepada penerangan dan boleh difahami secara mudah.

Persoalan seterusnya yang lebih banyak diperkatakan ialah bagaimana harta itu hendak ditinggalkan kepada waris-waris atau ahli keluarga selepas kematian seseorang. Sekali lagi, sebagaimana sikap acuh tidak acuh masyarakat Islam kepada perancangan untuk menabung dan menyimpan pendapatan pada hari muda sebagai persiapan hari tua, maka begitu jugalah sikap mereka terhadap perancangan bagaimana harta tersebut sebaiknya ditinggalkan kepada waris. Lumrahnya ramai yang beranggapan apa yang ditinggalkan oleh seseorang yang telah meninggal dunia itu kepada warisnya bukanlah urusan yang perlu dirisaukan, apatah lagi perlu dirancang bagaimana patut ia ditinggalkan kepada ahli keluarga. Kefahaman ini diperkuatkan lagi dengan dakwaan bahawa dalam Islam, harta yang ditinggalkan kepada waris-waris itu mesti diagihkan secara faraid sahaja dan tiada cara lain lagi. Oleh itu, kenapa perlu dirancang harta seseorang selepas kematiannya kerana sistem agihannya sudah tersedia melalui faraid, bahkan jika dirancang mungkin boleh menyebabkan berlawanan dengan hukum faraid. Dan hukum faraid adalah hukum Allah SWT yang jelas termaktub dalam al-Quran, mengapa perlu bentuk yang lain?

Hujah-hujah ini jika diperhatikan secara mendatar, tanpa renungan dan tersendiri yang terpisah daripada faktor-faktor sosial, persekitaran dan perubahan masa mempunyai asas-asas dan logiknya serta tidak mudah untuk disangkal. Namun sebagaimana kata ulama mujaddid terkenal, Sheikh Waliullah al-Dahlawi (m.1718 Masehi) di





dalam kitabnya *Hujjatul Allah al-Balighah* setiap hukum yang Allah SWT turunkan itu ada hikmat dan tujuannya yang tertentu.⁸ Tujuan hukum faraid adalah untuk memudahkan agihan harta selepas kematian kerana bahagian pusaka ahli-ahli keluarga yang berhak sudah ditentukan sendiri oleh al-Quran. Hukum faraid jika dilihat dari sudut sejarah ialah satu revolusi agihan harta selepas kematian dalam masyarakat dunia ketika itu, iaitu memberi hak kepada mereka yang berhak berasaskan perhubungan kekeluargaan tanpa mengira sama ada mereka itu lemah atau kuat, kaya atau miskin, lelaki atau wanita, kecil atau besar dan sebagainya.⁹ Sudah tentu sistem agihan faraid ialah suatu yang sangat berfaedah kepada masyarakat manusia ketika itu dan juga kini. Asas hukum faraid dari segi hukumnya, adalah *qat'i* baik dari segi *dilalah* atau *thubut*. Ini bermaksud asas hukumnya tidak boleh dipertikaikan dari segi peruntukan hukumnya dan sabitnya sebagai benar dan betul. Oleh yang demikian, cadangan sesetengah pihak untuk mengkaji semula hukum faraid terutama yang berkaitan dengan agihan antara lelaki dan wanita adalah tidak selaras dengan kaedah hukum Syariah yang telah diterima secara konsensus.¹⁰ Namun begitu, ramai yang tidak mengetahui bahawa selepas penentuan bahagian waris ini mengikut apa yang ditetapkan oleh Syarak, waris-waris berkenaan boleh melepaskan hak-hak tersebut. Mereka tidak semestinya wajib menerima ketentuan tersebut setelah hak tersebut menjadi milik mereka.

Keadaan masyarakat, sistem ekonomi dan pentadbiran negara mengalami berbagai-bagai perubahan jika hendak dibandingkan dengan masa lalu. Perubahan ini secara tidak langsung memberi sedikit cabaran kepada sistem agihan pusaka secara faraid. Antara contoh daripada pengalaman pegawai yang menguruskan agihan pusaka orang-orang Islam yang boleh ditunjukkan di sini ialah pemecahan tanah atau perkongsian tanah atas satu daftar tanah akibat penyelesaian secara faraid.¹¹ Pemecahan tanah atau perkongsian tanah yang kecil saiznya secara ramai mengikut ilmu ekonomi ialah suatu amalan yang merugikan kerana masalah pengurusan dalam membangunkan tanah tersebut. Agihan secara faraid ini juga dikatakan menyebabkan kelewatan memproses penurunan tanah daripada si mati kepada waris-warisnya, sekiranya terdapat pertikaian tentang agihan tersebut. Beberapa sarjana perundangan Syariah di Malaysia cuba mempertahankan sistem faraid





dengan menyatakan kelemahan dan kelewatan sistem pentadbiran pusaka berpunca daripada waris-waris itu sendiri dan bukan daripada sistem faraid.¹² Mengikut mereka selepas penentuan hak waris-waris mengikut faraid mereka perlu berbincang bagaimana jalan terbaik untuk mengagihkan harta mereka. Lazimnya perbincangan yang dicadangkan oleh sarjana-sarjana ini sukar untuk dilaksanakan kerana psikologi manusia itu terlalu cintakan kepada harta, walaupun sedikit serta sanggup mengorbankan perhubungan silaturahim sesama kaum keluarga.¹³

Terdapat masalah-masalah lain yang memberi cabaran kepada sistem faraid, namun oleh sebab kesempitan ruang masalah tersebut tidak dapat dibincangkan di sini. Apa yang perlu ditekankan di sini adalah kerana terdapat rungutan-rungutan baik daripada pihak yang mentadbir mahupun daripada masyarakat itu sendiri tentang masalah-masalah agihan pusaka secara faraid.¹⁴ Penyelesaian kepada masalah ini perlu dicadangkan dan dilaksanakan supaya imej Islam sebagai agama yang amat mementingkan kemaslahatan umat manusia tidak tercemar. Terdapat banyak kekuatiran terutama dari kalangan ulama bahawa cadangan yang dikemukakan oleh sesetengah pihak bagi menyelesaikan masalah ini merupakan satu percubaan untuk mengelakkan hukum faraid. Kekuatiran ini mungkin berpunca dengan hanya melihat kepada pelaksanaan hukum faraid secara mikro dan simplistik tanpa menimbang faktor-faktor sosial, ekonomi dan masyarakat Islam masa kini. Hakikatnya hukum Syariah itu ibarat lautan dan mutiaranya itu tidak terhitung untuk dikutip dan digilap bagi kegunaan dan kemaslahatan manusia. Hukum Syariah tidak bermaksud untuk menutup peluang-peluang yang boleh digunakan bagi kemaslahatan dan kebajikan manusia sesuai sebagaimana kata yang masyhur di dalam hadith yang bermaksud: “apa-apa yang dirasai baik oleh umat Islam, maka itulah yang baik di sisi Allah”.¹⁵ Kenyataan ini bermaksud dalam ruang lingkup yang dibenarkan oleh Syariah, inovasi dan kreativiti kepada masalah yang dihadapi perlu dicari dan digalakkan. Prinsip-prinsip agihan dan perancangan harta keluarga dalam hukum Syariah selain faraid seperti hibah, wasiat, wakaf dan nazar perlu dikembangkan.¹⁶

Pengembangan prinsip-prinsip di atas, tidak harus dilihat sebagai pengelakan atau pengabaian kepada hukum faraid, tetapi sebagai satu pelengkap atau komplementari. Prinsip-prinsip ini hendaklah





dikembangkan sejajar dengan hukum faraid bagi membolehkan masyarakat Islam merancang agihan harta mereka secara yang lebih baik, sesuai dengan perkembangan dan cabaran semasa. Sungguhpun demikian, dari perspektif jurisprudens Islam, prinsip-prinsip ini adalah independen kepada faraid itu sendiri. Yang dimaksudkan pelengkap atau komplementari di sini digunakan bagi tujuan untuk mengelakkan kontroversi dakwaan pihak-pihak yang menyatakan pengembangan prinsip ini adalah sebagai satu pengabaian atau pengelakkan kepada hukum faraid. Oleh yang demikian, sungguhpun terdapat ciri-ciri agihan harta prinsip-prinsip di atas yang secara zahirnya berbeza dengan hukum faraid, ini tidak bermakna pengabaian hukum Syariah kerana prinsip-prinsip itu sendiri ialah hukum Syariah. Bagaimana hukum Syariah boleh dianggap mengabai hukum Syariah sendiri? Dalam hukum jual beli, sebagai contoh, amalan riba dilarang, terdapat ulama yang membenarkan *bay' al-'inah* sebagai alternatif kepada pinjaman peribadi konvensional. *Bay' al-'inah* dibenarkan sungguhpun asas Syariahnya dipertikaikan secara keras oleh sesetengah ulama yang lain.¹⁷ Maka di atas analogi yang sama adalah tidak wajar prinsip-prinsip Syariah dalam perancangan harta orang Islam seperti hibah, wasiat, wakaf dan nazar dipertikaikan kerana kesemuanya mempunyai asas Syariah yang kukuh.

Mungkin ada yang mempertikaikan bahawa prinsip tersebut sudah melalui proses pengubahsuaian yang menyebabkan konsep asal prinsip tersebut berubah dan mungkin bertentangan dengan hukum faraid dan juga wasiat Islam.¹⁸ Hujah begini bukanlah sesuatu yang asing dalam sejarah perkembangan fiqh Islam, kerana ia sering dibangkitkan apabila sahaja timbul sesuatu konsep baharu yang hendak diperkenalkan sejak dari dahulu lagi. Bagi pelajar undang-undang Syariah sudah tentu biasa mendengar kaedah yang berbunyi “asal sesuatu itu harus hukumnya kecuali terdapat dalil yang melarangnya”.¹⁹ Menggunakan kaedah ini, prinsip-prinsip fiqh tersebut wajar dikembangkan sesuai dengan perkembangan zaman. Perkembangan prinsip-prinsip ini tidak harus diketatkan, bahkan perlu digalakkan. Imaginasi, inovasi dan kreativiti dalam fiqh Islam tidak harus disekat dengan alasan ia bercanggah dengan konsep-konsep yang dibina melalui perantara fiqh atau *ijtihad*. Yang harus disekat ialah kelemahan, kebuntuan, retorik serta apologetik fiqh yang boleh dianggap berkonfrontasi dengan persoalan semasa.





Dalam konteks pengurusan harta orang-orang Islam, sudah sampai masanya produk-produk perancangan harta orang Islam seperti wasiat, hibah harta atau amanah hibah dan seumpamanya dalam bentuk yang baharu dan bersesuaian dengan konsep semasa disokong oleh masyarakat dan sarjana Islam. Produk-produk ini bukan sahaja sebagai bukti kepada kedinamikan Syariah Islam dalam menyelesaikan masalah ummah, tetapi juga mampu memperkukuh kedudukan ekonomi umat Islam di tanah air yang merupakan satu-satunya aspek, selain daripada ilmu pengetahuan, yang mampu dikuasai oleh umat Islam di Malaysia kini. Umat Islam di Malaysia dan juga di dunia harus bangun menggunakan senjata ekonomi bagi mencemerlangkan dan mengemilangkan kembali maruah Islam, kerana inilah senjata yang termampu diperjuangkan oleh umat Islam pada masa kini.²⁰

Penutup

Daripada perbincangan di atas dapat disimpulkan bahawa terdapat keperluan untuk mengadakan modul atau skim perancangan harta di dalam Islam terutama yang melibatkan selepas kematian. Keperluan ini timbul akibat daripada peningkatan dan kemajuan dalam ekonomi umat Islam terutama di Malaysia dan permasalahan yang timbul daripada pentadbiran harta pusaka. Gabungan antara dua faktor ini menyebabkan beberapa cadangan dikemukakan untuk merancang harta orang-orang Islam mengikut cara atau kaedah yang dibenarkan oleh Syariah. Namun begitu penyelesaian perkara ini tidaklah mudah memandangkan terdapat beberapa cabaran terutama penggunaan kaedah yang sesuai selaras dengan Hukum Syarak untuk merancang harta berkenaan. Oleh yang demikian amatlah penting usaha-usaha untuk memberi cadangan mengenai kaedah dan yang sesuai bagi perancangan harta orang-orang Islam yang selaras dengan Syariah diteruskan pada masa hadapan.





Nota hujung

- 1 Imam Qurtubi, (2003), *al-Jami' Li Ahkam al-Qur'an*, Riyadh: Dar A'lam al-Kutub, Jilid. 12, hlm.239-240.
- 2 Lihat kes *Roberts @ Kamarulzaman v. Umi Kalthom* (1966) 1 MLJ 153; (1402/1981) 1 JH 82; *Haji Abdul Rahim v. Isngatun* (1402/1981) 2 JH, 264; *Hajjah Lijah bte Jamal v. Fatimah bte Mat Diah* (1977) MLJ 90; *Sopiah bte Sulaiman v. Abdullah bin Mat Amin* (1977) MLJ 90; *Wan Mahaton v. Hj. Abdul Samat* (1937) Vol. 15, Part I JMBRAS, 25 dan; *Habshah bte Mat v. Abdullah bin Jusoh* (1950) MLJ 60. Bagi perbincangan lebih mendalam lihat Suwaid Tapah (2003), "Harta Sepencarian dan Wang Simpanan KWSP: Satu Perbincangan Dari Sudut Sumbangan Secara Tidak Langsung", *Jurnal Syariah*, Jilid 11, Bilangan 1, hlm.1-22 dan Mohd Ridzuan Awang (2002), "Harta Sepencarian: Perkembangannya dan Kajian Kes", *Isu Syariah dan Undang-undang Siri 11*, Bangi, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, UKM, hlm.14-31.
- 3 Kajian oleh Muhamad Syukri Salleh menyifatkan masalah ini sebagai "jurang perhubungan antara pusat-pusat pengurusan zakat dengan asnaf-asnafnya". Lihat Muhamad Syukri Salleh (2006), "Lokalisasi Zakat: Satu Cadangan Teoritis", dalam Abdul Ghafar Ismail dan Hailani Muji Tahir (eds.), *Zakat: Pensyariatan, Perekonomian dan Perundangan*, Bangi: Penerbit UKM, hlm.214-215 dan Ahmad Hidayat Buang, (1999), "Kutipan dan Agihan Zakat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Bagi Tempoh 1985-1995: Satu Pemerhatian", *Jurnal Syariah*, Jilid. 7, Bilangan 2, hlm.152.
- 4 Laporan daripada Bendahari Negeri Perak pada masa sebelum peperangan dunia kedua menyatakan bahawa di Perak tidak ada satu pun simpanan tetap atas nama Melayu di cawangan Chartered Bank tempatan ...", lihat William R. Roff (1984), *Kerjasama dan Koperasi di Semenanjung 1910-1941*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, hlm.39. Untuk perbincangan yang berkaitan lihat juga Shirle Gordon, "Contradictions in the Malay Economic Structure", *Intisari*, hlm.30-32. Manakala perbincangan cara-cara tabungan pada masa dahulu lihat Swift, M.G. (1964), "Capital, Saving and Credit in a Malay Peasant Economy", dalam Raymond Firth dan B.S Yamey (eds.), *Capital, Saving and Credit in Peasant Societies: Studies From Asia, Ocenia, The Caribbean dan Middle America*, London: George Allen and Unwin Ltd., hlm.134-141
- 5 Surtahman Kastin Hasan (2002), "Perbelanjaan Bermanfaat dan Tidak Membazir Mengikut Perspektif Islam", *Jurnal Syariah*, Jilid 10, Bilangan 2, Julai 2002, hlm.87-96.





- 6 al-San'ani (t.t.), *Subul al-Salam*, Bandung Pustaka Dahlan, juzuk 3, hlm.92.
- 7 Lihat sebagai contoh al-Syawkani (t.t.), *Nayl al-Awtar*, Beirut: Dar al-Ihya' al-Turath, juzuk 6, hlm.9.
- 8 Wali Allah al-Dahlawi, *Hujjatul Allah al-Balighah* (diedit oleh Sayyid Sabiq), Kaherah: Dar al-Kutub al-Hadithah, juzuk 1, hlm.9.
- 9 Jasni Sulong (2006), "Kedudukan Wanita Dalam Pembahagian Pusaka", *Jurnal Syariah*, Jilid 14, Bilangan2, hlm.126-127.
- 10 Sebagai contoh kenyataan Sandra Balchin, seorang ahli pertubuhan Musawah, sebagai berkata: "the rules of inheritance are outdated because they are interpreted according to historical context... this does not reflect the reality of the situation...". *New Straits Times*, 13 Disember 2009, hlm. 13.
- 11 Ahmad Hidayat Buang (2005), "Perkembangan dan Isu-isu Undang-undang Pusaka dan Wasiat di Malaysia", dalam Ibidem (ed.), *Mahkamah Syariah di Malaysia: Pencapaian dan Cabaran*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, hlm.147-149.
- 12 Nik Mohd Zain bin Haji Nik Yusof, (1999), "Pentadbiran Harta: Pembangunan Harta Pusaka", dalam Abdul Monir Yaacob dan Mohd Fauzi Mustaffa (eds.), *Pentadbiran Harta Menurut Islam*, Kuala Lumpur: IKIM, hlm.61
- 13 Lihat "Anak gagal tuntutan harta ayah RM1.7 juta daripada ibu", *Utusan Malaysia*, 24 Disember 2003 dan "Anak Shaikh Dawood tuntutan harta pusaka RM1 bilion" *Utusan Malaysia*, 28 Julai 2005.-71.
- 14 Nik Mohd Zain bin Haji Nik Yusof, *op.cit.* hlm.147-148. Lihat juga Ahmad Hidayat Buang (2005), *op.cit.*
- 15 *Musnad Imam Ahmad bin Hanbal* (diedit oleh Ahmad Muhammad Syakir), Mesir: Dar al-Ma'arif, jilid 5, 1949, hlm.211.
- 16 Siti Zalikah Md Nor (2002), "Pengurusan Wakaf, Wasiat dan Hibah di Malaysia", *Isu Syariah dan Undang-undang Siri 11*, Bangi: Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, UKM, hlm.1-12, Mohd Ridzuan Awang (2003, "Pelaksanaan Harta Hibah", *Isu Syariah dan Undang-undang Siri 12*, Bangi: Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, UKM, hlm.89-103 dan Jasni Sulong (2005), Wasiat Kepada Waris: Pembaharuan Undang-undang dan Penggubalan di Selangor, Malaysia", *Jurnal Syariah*, Jilid 13, Bilangan 2, hlm.47-64.





- 17 Mahmood Sanusi dan Saiful Azhar Rosly (2001), "Some Issue of Bay' al-'Inah in Islamic Financial Markets", *The Arab Law Quarterly*, vol. 16, no. 3, hlm.264.
- 18 Lucy Carol, "Life Interest and Inter-Generational Transfer of Property Avoiding the Law of Succession", *Islamic Law and Society*, 8:2, 2001, hlm.269.
- 19 al-Sayuti, *Al-Asybah wa al-Naza'ir*, Lubnan: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, jil.1, hlm. 60.
- 20 Ahmad Zahid bin Hamidi, (2008), "Membangun Ekonomi Ummah Menerusi Instrumen Faraid dan Hibah", *Jurnal Muamalat*, Bilangan 1, hlm.1-7.





RUJUKAN

- Ahmad Hidayat Buang (2005), “Perkembangan dan Isu-isu Undang-undang Pusaka dan Wasiat di Malaysia”, dalam *Mahkamah Syariah di Malaysia: Pencapaian dan Cabaran*, Kuala Lumpur, Penerbit Universiti Malaya.
- Ahmad Hidayat Buang, (1999), “Kutipan dan Agihan Zakat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Bagi Tempoh 1985-1995: Satu Pemerhatian”, *Jurnal Syariah*, Jilid. 7, Bilangan 2, Kuala Lumpur, Penerbit Universiti Malaya.
- Ahmad Zahid bin Hamidi, (2008), “Membangun Ekonomi Ummah Menerusi Instrumen Faraid dan Hibah”, *Jurnal Muamalat*, Bilangan 1, Kuala Lumpur, JAKIM.
- Al-San‘ani (t.t), *Subul al-Salam*, Bandung, Pustaka Dahlan.
- Al-Sayuti (1998), *Al-Asybah wa al-Nazā’ir*, Beirut, Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- A-Syawkani (t.t.), *Nayl al-Awtar*, Beirut, Dar al-Ihya’ al-Turath.
- Imam Qurtubi (2003), *al-Jami‘ Li Ahkam al-Qur’an*, Riyadh: Dar A‘lam al-Kutub.
- Jasni Sulong (2005), Wasiat Kepada Waris: Pembaharuan Undang-undang dan Penggubalan di Selangor, Malaysia”, *Jurnal Syariah*, Jilid 13, Bilangan 2, Kuala Lumpur, Penerbit UKM.
- Jasni Sulong (2006), “Kedudukan Wanita Dalam Pembahagian Pusaka”, *Jurnal Syariah*, Jilid 14, Bilangan 2, Kuala Lumpur, Penerbit Universiti Malaya.
- Kastin Hasan (2002), “Perbelanjaan Bermanfaat dan Tidak Membazir Mengikut Perspektif Islam”, *Jurnal Syariah*, Jilid 10, Bilangan 2, Julai 2002, Kuala Lumpur, Penerbit Universiti Malaya.
- Lucy Carol, “Life Interest and Inter-Generational Transfer of Property Avoiding the Law of Succession”, *Islamic Law and Society*, 8:2, 2001.
- Mahmood Sanusi dan Saiful Azhar Rosly (2001), “Some Issue of Bay’ al-‘Inah in Islamic Financial Markets”, *The Arab Law Quarterly*, vol. 16, no. 3.
- Mohd Ridzuan Awang (2002), “Harta Sepencarian: Perkembangannya dan Kajian Kes”, *Isu Syariah dan Undang-undang Siri 11*, Bangi, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, UKM.
- Mohd Ridzuan Awang (2003), “Pelaksanaan Harta Hibah”, *Isu Syariah dan Undang-undang Siri 12*, Bangi: Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, UKM.





Muhamad Syukri Salleh (2006), “Lokalisasi Zakat: Satu Cadangan Teoritis”, dalam Abdul Ghafar Ismail dan Hailani Muji Tahir (eds.), *Zakat: Pensyariatan, Perekonomian dan Perundangan*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Musnad Imam Ahmad bin Hanbal (1949) (diedit oleh Ahmad Muhammad Syakir), Mesir, Dar al-Ma‘arif.

Nik Mohd Zain bin Haji Nik Yusof, (1999), “Pentadbiran Harta: Pembangunan Harta Pusaka”, dalam Abdul Monir Yaacob dan Mohd Fauzi Mustaffa (eds.), *Pentadbiran Harta Menurut Islam*, Kuala Lumpur, IKIM.

Shirle Gordon, “Contradictions in the Malay Economic Structure”, *Intisari*.

Siti Zalikah Md Nor (2002), “Pengurusan Wakaf, Wasiat dan Hibah di Malaysia”, *Isu Syariah dan Undang-undang Siri 11*, Bangi: Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Suwaid Tapah (2003), “Harta Sepencarian dan Wang Simpanan KWSP: Satu Perbincangan Dari Sudut Sumbangan Secara Tidak Langsung”, *Jurnal Syariah*, Jilid 11, Bilangan 1, Kuala Lumpur, Penerbit Universiti Malaya.

Swift, M.G. (1964), “Capital, Saving and Credit in a Malay Peasant Economy”, dalam Raymond Firth dan B.S Yamey (eds.), *Capital, Saving and Credit in Peasant Societies: Studies From Asia, Oceania, The Caribbean dan Middle America*, London, George Allen and Unwin Ltd.

Wali Allah al-Dahlawi, *Hujjatul Allah al-Balighah* (diedit oleh Sayyid Sabiq), jld. 1, Kaherah, Dar al-Kutub al-Hadithah.

William R. Roff (1984), *Kerjasama dan Koperasi di Semenanjung 1910-1941*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

New Straits Times
Utusan Malaysia.



صكوك المضاربة والمشاركة في ضوء البيان الصادر عن هيئة المحاسبة والمراجعة للمؤسسات المالية الإسلامية لعام 2008 : التحديات والفرص¹

أنكو رابعة عدوية بنت أنكو علي²

***Sukuk Mudarabah and Sukuk Musharakah In The Light of
Accounting and Auditing Organization for Islamic
Institutions (AAIOFI) Pronouncement 2008:
Challenges and Opportunities***

ENGKU RABIAH AWAWIAH ENGKU ALI

Abstract

This article attempts to highlight some recent developments and issues in the sukuk market, especially in the light of the AAOIFI Shari'ah pronouncement of February 2008. In general, the market tends to understand and expect sukuk to be within the "fixed income" types of investment with minimal or controlled risks and capital preservation features. In short, they expect sukuk to behave like conventional bonds in terms of capital preservation, periodic distribution frequency and rate of return. When sukuk use debt-based structures and lease-based structures, it is not that difficult to meet this fixed income characterisation. However, when sukuk start to use equity contracts like mudarabah and musharakah, such fixed income characteristic created some anomalous situations and conflicts. There are apparently inherent contradictions in the nature of mudarabah and musharakah as equity contracts, and capital preservation and fixed income nature of debt market environment in which sukuk are expected to operate. Thus, additional "credit enhancements" and strategies

were introduced to the *mudarabah* and *musharakah* *sukuk* structures to achieve capital protection and predictable periodic returns similar with other fixed income or bonds instruments. These credit enhancements to equity-based *sukuk* had been the subject of strong criticisms by various parties in terms of their compliance with the *Shari`ah* requirements of *mudarabah* and *musharakah* contracts. This had led to the practices being reviewed by the *Shari`ah* Board of AAOIFI. They finally came up with the February 2008 AAOIFI pronouncement that highlighted in unequivocal terms that *sukuk* are inherently different from conventional bonds and fixed income instruments, and thus, should behave differently. It was also understood from the pronouncement that when the *sukuk* structure is equity-based, certain basic rules of equity cannot be compromised for the sake of meeting the commercial demand of the market, which actually is conditioned by the prevalent interest-based economy and philosophy. The AAOIFI pronouncement gave rise to a re-examination of market perception of *sukuk*. *Sukuk* should not and could no longer be perceived as strictly fixed income instruments with capital preservation features. If the pronouncement is stringently adhered to, the equity-based *sukuk* should behave like equity instruments and not to be tweaked to fit into the “fixed income box”.

مقدمة

It is not surprising, therefore, that with the above characteristics (Table 3) gold naturally dominated as the global currency in history. No one had to force others to accept gold as money, unlike fiat money that had to be made a 'legal tender'.²⁹ By the time of the advent of Prophet Muhammad (peace be upon him), gold coins of the Roman Byzantine empire were already in circulation and were fully accepted by the Arabian community. The gold coins of the Muslim world were called 'dinar', deriving from the Latin *denarius*.³⁰ While the Prophet (peace be upon him) brought many changes to the social institutions of the time, the Roman denarius was, however, fully accepted as money in the new Islamic community. In that, is profound *Hikmah*. Indeed, the first Islamic *dinar*³¹ was not minted until about fifty years after the demise of the Prophet (peace be upon him), by the caliph Abd al-Malik ibn Marwān in 75 Hijrah (696 CE). The caliphs were very concerned over the quality of the gold dinar and imposed severe punishments for crimes like coin clipping, etc. As the Islamic world expanded, these precautions along with the high moral standards of the Muslims of the past made the dinar the dominant and desired international currency, even replacing the Roman gold coin throughout Europe³². The dinar remained the currency of the Muslim world for centuries until the fall of the Ottoman caliphate in the early 20th century³³.

A commodity money like gold, therefore, is superior and desirable





money compared to fiat money. It promises a just and stable monetary system while protecting the wealth (*al-māl*), sovereignty, culture and religion of the people. It also does not impose a 'hidden tax' on the people, which particularly affects the poor and the wage earners, as discussed in the Part I paper. All in all, commodity monies are, therefore, compatible with the *maqāsid al-Shari'ah*.

Negative Interest Rates

We mentioned elsewhere earlier that negative interest rates discourages hoarding and instead encourages the circulation of money that has benefits for the economy. Many Muslim scholars have written on the issue of interest and *riba*. El-Diwany (1997), for example, argues excellently the inherent problems brought about by interest charges. Therein he argues that creation of money out of thin air by the banking system and the subsequent lending of it at interest to be an important cause of economic injustice. Of course, the money creation process is made possible by the fractional reserve banking system. Lietaer (2001) argues that positive interest rates as being counter to sustainable development and that negative interest rates (eg. demurrage charges) are instead compatible with or necessary for sustainable use of resources and hence development. To quote him³⁴:

"...interest rates create a built-in tendency to disregard the future, the higher the interest rate, the more that tendency prevails which create a direct conflict between financial criteria and ecological sustainability under our present money system..."

Lietaer argues that there is indeed a connection between currencies with demurrage charges and the remarkable prosperity during the First European Renaissance and the Pharaonic period in Egypt³⁵.

In the Islamic monetary system the negative interest rate function is, indeed, played by *zakāt* which 'taxes' the Muslim who has had in his possession a minimum *zakātable* wealth for one full year. Therefore, unlike in the present monetary system, unutilized savings are not only not rewarded in Islam but instead are 'taxed' and distributed away to the sections of the economy that need them most, i.e. the poor, orphans, those





in debt etc. This section of the economy indeed has a high propensity to consume and would keep the aggregate demand high and the economic engine working. Since gold is a physical item that can neither be created out of thin air nor destroyed, it is, therefore, compatible with a 100 percent reserve requirement. Hence, it's obvious that the real money system of Islam with the institution of zakāt is diametrically opposite to the present monetary system of fiat money, fractional reserve banking and positive interest rates.

Some Common Queries and Objections to the Gold Dinar³⁶

The talk about returning to gold, of course, is likely to rekindle our memory on past experiences with gold and raise some questions. For example, if gold standard failed, why return to it again?³⁷ With gold standard, why did the Great Depression of the 1930's take place? To answer questions like these, one needs to analyze why a system that lasted for centuries failed? Chances are that the failure is not due to the system itself but rather due to the distortion of the existing system. Indications show, for example, that the cause of the Great Depression was, indeed, fiscal in nature, i.e. due to high tax rates of the Smoot-Hawley Tariff Act of 1930³⁸. Also governments printed more money than the gold reserves they had³⁹.

The possible volatility of gold price is another common objection. Gold price may fluctuate for many reasons. It may not necessarily be due to changes in the demand and supply of gold alone, but also could be due to changes in fiat money itself. For example, if a government prints too much of its currency, then the gold price in that currency will rise simply indicating the falling value of that fiat currency. Nevertheless, historically, gold has proven to be more stable than most currencies including the dollar, in terms of keeping its value.⁴⁰

Since the gold payment system is fundamentally a 'barter' system for every transaction involves mutual exchange of values, gold producing countries need not be necessarily placed at an advantageous position relative to non-gold producing countries⁴¹. Having gold deposits is, therefore, not necessarily better than a fertile land that produces lush vegetation and fruits for example. The produce of land could then be





exchanged for gold. Similarly, knowledge, skills and technological know-how are just as valuable as gold.

Some also argue that the global supply of gold is not sufficient to support the ever growing international trade. Also, since in most cases gold would only play the role as a unit of account, the same gold can be used again and again in many transactions. This is basically the velocity of money circulation. The higher the velocity, the lesser the amount of money needed to support a given amount of exchange⁴². Meera and Larbani (2004) also showed that in international trade, a lot of transactions would cancel-out thereby requiring a much smaller amount of gold for settlement.

Some also query that new discoveries of gold may cause high inflation. Actually, it is fiat money that can be easily created or counterfeited and hence is more likely to cause inflation⁴³. Gold production, nonetheless entails technical know-how and heavy investment. Hence there are automatic checks on overproduction since miners know that overproduction would only invite inflation, i.e. why waste investment and effort that would only prove futile and translate into inflation?

Using gold for settling international trade balances would truly be a great step forward⁴⁴. For Muslims, it would be a significant step that would complement the establishment of a true Islamic economics and financial system itself. The gold dinar promises a just and stable global monetary system while providing a stable international unit of account, which is lacking in the current global monetary system. It promises to check excessive currency speculation, manipulation and arbitrage while reducing transaction costs. Most importantly, it promises to protect countries from the threat of losing their national wealth and sovereignty to international financial powers through the interest-based fiat money system⁴⁵. In the current system, the Islamic bank is also caught up in the law-of-one-price that causes it to refer to the market interest rate in designing and pricing its financial products⁴⁶.

A gold payment system needs to be implemented in a gradual manner. One cannot and should not attempt to overturn the present system overnight. Therefore, a practical way to introduce a gold payment





system is to begin with a dual system, i.e. the gold dinar co-existing with the national currencies. This is desirable considering the fact that not every individual may be convinced by the gold argument.⁴⁷ The best area to start is probably to implement the gold dinar for settling bilateral and multilateral trade arrangements⁴⁸, since this has the least implications for the existing national currencies. Concurrently, a small but parallel gold dinar economy should be established. This refers to a set of businesses that accept gold for payments in the domestic economy. This gold economy would form the nucleus for the implementation of a gold payment system domestically⁴⁹.

Conclusion

In this Part II paper we argued in favor of commodity monies, like the gold dinar for the elimination of the negative socioeconomic effects of fiat money. We argued that the gold dinar is compatible with the *maqāsid al-Shari'ah* for it protects wealth (or *māl*), a *daruriyyah* component of the *maqāsid*, while fiat money prevents the attainment of the *maqāsid*. Further some common objections to the gold dinar were addressed. Finally, the initial steps for the implementation of the gold dinar were discussed. The paper asserts that commodity monies like the gold dinar, which is compatible with a 100 percent reserve requirement and the replacement of interest by *zakat* (technically a negative of interest rate) are characteristics of an Islamic money system; indispensable for solving the problems inherent in the present interest-based fiat money system and for the attainment of a true Islamic economics and finance system.

Therefore, we conclude that the Islamic economic system being fundamentally a 'barter' system, i.e. an exchange economy where goods and services are exchanged value for value solves the problems associated with barter by taking some of the commodities exchanged in the economy, that have the characteristics of money, as money. Commodity monies were argued as being compatible with the *maqāsid al-Shari'ah* while fiat money as being counterproductive to the *maqāsid*. The best of these commodities are, indeed, gold and silver.





Endnotes

1. Perbezaan antara nilai yang tertera pada wang dengan kos pengeluaran wang tersebut. Misalannya, jika kos pengeluaran sekeping wang kertas RM50 adalah 50 sen, maka seignioragenya ialah RM49.50.
2. *The authors are grateful to Mustafa Omar Mohammed, Kulliyyah of Economics and Management Sciences, International Islamic University Malaysia, for his valuable comments.
3. Meera and Larbani (2004), 'Seigniorage of Fiat Money and the *Maqāsid al-Sharī'ah*: The Unattainableness of the *Maqāsid*'.
4. Demand deposits created through fractional reserve banking.
5. When borrowers pay back loans or default on loans, for example.
6. That is, the need for one party to find a counter party who would be willing to accept what one has to offer and in return has what one wants, in agreed proportions.
7. In a barter economy with one hundred goods for example, 4,950 pairs of prices need to be quoted, i.e. C_2^{100} . With money, however, the 100 items will have their respective price each, and therefore, only 100 prices need to be there.
8. Of course, relative to that basket of goods.
9. See Meera (2002) for further elaboration.
10. Many past Muslim scholars and contemporary works like Choudhury (1997 & 2002) and Meera (2002) assert the importance of real money and 100 percent reserve requirement in order to truly match the monetary sector with the real sector. Lietaer (2001) and Meera (2004), for example, show the importance of replacing positive interest rates with negative interest rate. Lietaer (2001) and Greco (2001), for example, show how alternative real money systems have been used by communities around the world to foster sustainable development.
11. Source: Meera (2002) and Meera (2004a).
12. Some may argue that sudden discoveries of gold can be inflationary. Please see section 4 for a counter argument.
13. Particularly the vulnerable developing nations.
14. As argued in Part I paper.





15. See Lietaer and Nerb (2002).
16. Examples include the Austrian Worgle, Thai Bia, German WARA, Swiss WIR, New Zealand 'Green Dollar' and Local Exchange Trading Systems (LETS). For a discussion on these, see Bernard Lietaer, *The Future of Money*, Century, 2001.
17. See Bawany (2002).
18. Aisha Bewley (trans.) (1989). *Al-Muwatta*. p.256.
19. In fact, gold is the only commodity held by central banks as reserve asset.
20. See Sanusi (2002).
21. Mustafa Omar Mohammed (1998), p61.
22. Ibid. pp.61-63.
23. Aisha Bewley (trans.) (1989). *Al-Muwatta*. p.256.
24. See Farishta Zayas (2003), pp. 69-72.
25. Tariqullah Khan (2004).
26. History repeating itself but on a much larger scale involving global Muslim world.
27. Source: Meera (2004).
28. Debasement etc. are of course attempts to benefit from seigniorage.
29. Realizing that it is the lack of money in circulation that is behind many socio-economic problems, particularly unemployment, some societies world-wide have resorted to their own community currencies to solve their problems. Lietaer (2001) and Greco (2001) discuss some of these successful community currencies.
30. Since paper money and other fiat money have no intrinsic value, governments had to make their people accept them as money through legal means. This is what 'legal tender' is all about. The 'legal tender' status is precisely where a serious fault lies in the current monetary system. It denies the right of a community to decide on its medium of exchange.
31. The word *dinar* refers to a standard weight of gold, i.e. 4.25 grams of a gold alloy that contains 91.6 per cent gold (also known as 916 gold or 22 Karat), just as the British sovereign that weighs 8 grams (also of 916 gold). *Dinar* does not refer not to the shape of the coin or the inscriptions on it.





32. The Islamic dinar simply had the Roman inscriptions replaced with Qur'anic and Arabic verses instead.
33. See Bernstein (2000), p.??
34. Which thereafter accelerated the degradation, backwardness and humiliation of Muslims to an unthinkable position relative to their glorious past in terms of knowledge, power and progress.
35. Lietaer (2001), p.243.
36. Ibid, footnote 271.
37. In the course of arguing in favor of gold, the authors and other proponents of gold get queries and objections that are somewhat similar as summarized in this section. See for example, Meera (2002), El-Diwani (2002), Meera (2004) and materials on the web, e.g. <http://polynomics.com>
38. Backing fiat currencies by gold as proposed by gold proponents is simply like returning to the gold standard of the past. See Mundell (1997), for example.
39. Wanniski (1978), p.136.
40. The US, for example, printed much more dollar notes than her gold reserves would permit, to finance the Vietnam war. This ultimately brought about the collapse of the Bretton Woods in 1971.
41. See for example, Jastram (1977).
42. On the contrary, in the current system where the dollar is the dominant international currency, only the US benefits because it enjoys a monopoly over its issuance. However, no single country has a monopoly over the production of gold.
43. This is easy to see from the equation of exchange $MV = PY$. For a given national output PY , the higher the velocity V , the smaller the money supply, M , is needed.
44. For example, Mundell (1997) regards the Federal Reserve as the greatest engine of inflation ever created and Milton Friedman's opinion that inflation is predominantly a monetary phenomenon.
45. Meera and Larbani (2004) discusses this in detail.
46. See Part I paper.





47. See Meera and Larbani (2004).
48. Disagreement on this matter is, therefore, a blessing. Those who disagree need to be convinced by a working and successful implementation. Their gradual acceptance would also provide the gradual growth necessary for a smoother transition.
49. Meera and Larbani (2004) discusses a non-linear mathematical programming technique of determining an efficient trade matrix among nations that would require the minimum amount of gold for settlement.
50. See Meera (2004) for further discussion on the implementation of the gold dinar.





References

- Abidin, Hj. Zainal, 2002. 'Sejarah Penggunaan Matawang Dinar' in the Proceedings of the National Dinar Conference. Kuala Lumpur 2002.
- Abu Saud, Mahmud, 1980. "Money, Interest and Qirad" in *Studies in Islamic Economics*, Khurshid Ahmad, ed., United Kingdom: International Centre for Research in Islamic Economics, King Abdulaziz University, Jeddah and Islamic Foundation, pp. 59-84.
- Aisha Abdur Rahman Bewley (1989). *Al-Muwatta of Imam Malik ibn Anas – The first formation of Islamic Law*. Madinah Press Inverness: Scotland.
- Bawany, Zakaria A., 2002. "Interest and Loan Free International Trade Import & Exports through R.M.U.", in the Proceeding of the *2002 International Conference on Stable and Just Global Monetary System, Kuala Lumpur, August 19 & 20, 2002*. pg. 229-233.
- Bernstein, Peter L. (2000). *The Power of Gold*. John Wiley.
- Chapra, Umer (1992). *Islam and the Economic Challenge*. United Kingdom: The Islamic Foundation.
- Choudhury, Masudul Alam (1997). *Money in Islam: a study in Islamic political economy*. London: Routledge.
- Cooper, Russell and Hubert Kempf (2003). '**Commitment and the adoption of a common currency**', *International Economic Review*, Feb 2003, 44(1), pp. 119-142.
- Cronin, David and Kevin Dowd (2001). '**Does monetary policy have a future?**', *Cato Journal*, Fall 2001, 21(2), pp. 227-244.
- Diwany, Tarek el-, 1997. *The Problem With Interest*, United Kingdom: TA-HA Publishers.
- Diwany, Tarek el-, 2002. "History of Banking : An Analysis", , in the Proceeding of the *2002 International Conference on Stable and Just Global Monetary System, Kuala Lumpur, August 19 & 20, 2002*. pg. 1-33.
- Duncan, Richard (2003). *The Dollar Crisis*. Singapore: John Wiley.
- Furstenberg, George M. Von (2003). '**Price insurance aspects of monetary union**', *Journal Of Common Market Studies*, Jun 2003, 41(3), pp. 519-539.
- Greco, Thomas H. (2001). *Money – Understanding and Creating Alternatives to Legal Tender*. Canada: Chelsea Green.
- Hassan, Mohammad Kabir and Masudul Alam Choudhury, (2002). 'Micro-



Money and Real Economic Relationship in the 100 Per Cent Reserve Requirement Monetary System', in the *Proceedings of the 2002 International Conference on Stable and Just Global Monetary System*, August 19 & 20, 2002, Kuala Lumpur. pp. 47-71.

Janssen, Norbert, Charles Nolan, Ryland Thomas (2002). '**Money, debt and prices in the United Kingdom, 1705-1996**', *Economica*, Aug 2002, 69(275), pp. 461-479.

Jastram, Roy W., 1977. *The Golden Constant*. New York: John Wiley & Sons.

Khan, Tariqullah, 'Principles of Islamic Finance', Videoconferencing Lecture, Management Center, International Islamic University Malaysia, May 17, 2004.

Khaw, Robert (2000). 'ASEAN Common Currency: From Dream to Reality', *Akauntan Nasional*, January 2000, pp. 18-24.

Lietaer, Bernard (2001). *The Future of Money*. Century.

Lietaer, Bernard and Gernot Nerb, 2002. 'Terra: A Countercyclical Reference Currency to Stabilize the Business Cycle.', in the *Proceeding of the 2002 International Conference on Stable and Just Global Monetary System, Kuala Lumpur, August 19 & 20, 2002*. pg. 35-45.

Lopez-Cordova, J. Ernesto and Christopher M. Meissner (2003). '**Exchange-rate regimes and international trade: Evidence from the classical gold standard era**', *The American Economic Review*, Nashville: March 2003, 93(1), pp. 344-353.

Meera, Ahamed Kameel Mydin (2002a). *The Islamic Gold Dinar*. Subang Jaya, Malaysia: Pelanduk Publications

Meera, Ahamed Kameel Mydin (2002b). *Hedging with Gold Dinar*. Article published in the *EDGE Businessdaily*, 19-26 August 2002, p. 58.

Meera, Ahamed Kameel Mydin (2002c). *Gold Dinar in Multilateral Trade*. Paper presented at the International Seminar on Gold Dinar in Multilateral Trade, organized by the Institute of Islamic Understanding Malaysia, 22-23 October 2002, Kuala Lumpur

Meera, Ahamed Kameel Mydin (2004). *The Theft of Nations*. Subang Jaya, Malaysia: Pelanduk Publications.

Meera, Ahamed Kameel Mydin and Moussa Larbani (2004). "Part I. Seigniorage of Fiat Money and the Maqāsid al-Sharī'ah: The Unattainableness of the Maqāsid". Goes with the present paper.



- Mundell, Robert A. (1997). *Could gold make a comeback?*. University of Columbia.
- _____ (2000). 'The Relationship between Currencies and Gold'. Paper presented at the conference The Euro, the Dollar and Gold, organized by the World Gold Council, 17th November 2000, Rome.
- _____ (2001). '**Currency areas and international monetary reform at the dawn of a new century**', *Review Of International Economics*, Nov 2001, 9(4), pp. 595-607.
- _____ (2002). '**After 40 years: Towards a more stable monetary world**', *Organisation For Economic Cooperation And Development. The OECD Observer*, Dec 2002, 235, pp. 9-10.
- Mustafa Omar Mohammed (1998), *al-Asfahani's Economic Ideas: Explanation and Analysis*, Masters Thesis (unpublished). International Islamic University Malaysia, July 1998
- Ricardo, David (1817). *On the Principles of Political Economy and Taxation*. Rod Hay's Archive for the History of Economic Thought, McMaster University, Canada, 2002.
- Rose, Andrew K. and Charles Engel (2002). '**Currency unions and international integration**', *Journal of Money, Credit and Banking*, Nov 2002, 34(4), pp. 1067-1089.
- Sanusi, Mahmood M., 2002. "Gold Dinar, Paper Currency and Monetary Stability: An Islamic View", in the Proceeding of the *2002 International Conference on Stable and Just Global Monetary System*, Kuala Lumpur, August 19 & 20, 2002. pp. 73-89.
- Stiglitz, Joseph E. (2002). *Globalization and its Discontents*. London: Penguin Books.
- Taggart, James and Jennifer Taggart (1999). '**International competitiveness and the single currency**', *Business Strategy Review*, Summer 1999, 10(2), pp. 25-36.
- Wanniski, Jude (1978). *The Way the World Works*. Washington: Gateway, 1998.
- Yacop, Nor Mohamad (2002). 'Trade and the Gold Dinar: The Next Component in the International Islamic Financial System'. A keynote address presented at the *2002 International Conference on Stable and Just Global Monetary System*, 19th and 20th August 2002, Kuala Lumpur.
- Zayas, Farishta G. de (2003). *The Law and Institution of Zakat*, Kuala Lumpur: The Other Press.





Hukum Penyaluran Harta Tidak Patuh Syariah ke Baitulmal

MOHAMAD ZARIFI MOHAMAD DAUD

Abstrak

Islam mempunyai pandangan yang tersendiri tentang konsep pemilikan harta. Syariah telah meletakkan syarat bahawa harta yang dimiliki oleh orang Islam perlulah diperolehi daripada jalan yang dibenarkan oleh agama. Harta- harta yang dimiliki melalui cara yang bercanggah daripada Islam adalah diiktiraf sebagai harta yang tidak patuh Syariah. Timbul beberapa persoalan apakah diberikan keizinan oleh Syariah untuk disalurkan harta tersebut ke Baitulmal atau sebaliknya. Kertas ini akan membincangkan apakah takrif dan status harta tidak patuh Syariah menurut perspektif Islam dan seterusnya mengemukakan garis panduan mentadbir harta tidak patuh Syariah berpandukan kepada keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan.

Islamic Legal Ruling on the Contribution of Shariah Non-Compliant Property to Bayt al-Mal

Abstract

Islam has its own perspective on the concept of property ownership. Shariah has prescribed that Muslim's property should be acquired through permissible means. Hence, Islam does not recognize the properties which are not in accordance with Shariah. There are inquiries whether Shariah permits those properties to be channeled to Baitulmal. This paper will discuss the definition and status of Shariah non-compliant properties from Islamic perspective. Besides, this paper also will give outline to administer the properties based on the decision by National Fatwa Committee Forum.





Pendahuluan

Islam adalah agama yang syumul, telah menetapkan peraturan bagi sesuatu perkara termasuklah dalam pengurusan harta tidak patuh Syariah. Isu penyaluran wang tidak patuh Syariah yang disalurkan ke Baitulmal telah mendapat perhatian beberapa pihak berwajib. Isu yang dikemukakan ini mempunyai beberapa isu Syariah yang memerlukan pandangan hukum. Isu- isu yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

- i) Apakah takrif dan status harta tidak patuh Syariah pada perspektif Syarak?
- ii) Apakah kaedah mentadbir dan mengurus harta tidak patuh Syariah pada perspektif Syarak?

Justeru, kertas ini akan mengemukakan pandangan ahli-ahli sarjana fiqh silam dan semasa di dalam isu ini disamping meneliti Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 (Akta 505) dan beberapa Enakmen Pentadbiran Agama Islam di Negeri-negeri serta input- input tambahan berkaitan pengurusan semasa harta tidak patuh Syariah.

Takrif Harta Tidak Patuh Syariah

Prof. Dr. Muhammad Nabil Ghanayim, Profesor di Kuliyyah Syariah Universiti Kahirah, telah mentakrifkan harta tidak patuh Syariah adalah harta haram yang diperolehi melalui jalan-jalan yang tidak syar'ie iaitu mengambil harta yang terdapat larangan ke atasnya, atau terdapat balasan (had) ke atas pelakunya, atau terdapat janji buruk berkaitannya, atau yang dinamakan sebagai batil oleh Allah SWT¹.

Imam al-Syafie, secara terperinci telah memberikan pandangan bahawa Syariah telah melarang 8 perkara pokok seperti berikut²;

- i. Riba
- ii. Gharar
- iii. Perjudian
- iv. Penipuan
- v. Rampasan





- vi. Ihtikar (Monopoli Barangan Keperluan Asasi Manusia)
- vii. Rasuah
- viii. Perniagaan “*subject matter*” yang tidak patuh Syariah dan mendatangkan kemudharatan seperti arak, babi, bangkai, makanan yang memudaratkan, hasil penjualan anjing, pendapatan daripada pelacuran dan seumpamanya,

Berpandukan kepada kefahaman yang dipandu oleh para fuqaha di atas, dapatlah dirumuskan bahawa:

- i. Harta yang tidak patuh Syariah merupakan harta yang dimiliki dan diperolehi melalui wasilah yang tidak diiktiraf oleh Syariah seperti rompakan, rampasan, hasil jualan barang curi, rasuah, perjudian, loteri, transaksi riba, perlindungan insurans konvensional, keuntungan bon konvensional, keuntungan pelaburan di dalam sekuriti tidak patuh Syariah, dan seumpamanya.

Hujah dan Dalil

Pandangan Fuqaha Berkaitan Kaedah Pelupusan Harta Tidak Patuh Syariah

Menurut pendapat Imam al-Nawawi dalam kitab al-Majmu’ Syarh al-Muhazzab menyatakan kaedah penyelesaian harta haram³ telah menukulkan pandangan al-Ghazali yang menyatakan jika seseorang lelaki itu memiliki harta haram dan hendak bertaubat serta melepaskan tanggungan daripada harta haram tersebut, maka harta tersebut mestilah diserahkan kepada pemiliknya atau wakil pemilik tersebut. Sekiranya pemilik tersebut telah meninggal dunia, berkewajipan untuk menyerahkan kepada ahli warisnya. Sekiranya pemilik harta tersebut tidak dapat dikenal pasti, maka harta tersebut mestilah diserahkan (dibelanjakan) kepada masalah-masalah umum umat Islam seperti (membiayai pembinaan atau menyelenggara) jambatan, masjid-masjid, dan seumpamanya yang bersangkutan-paut dengan urusan orang Islam. Sekiranya tidak digunakan untuk tujuan kemaslahatan umat Islam, harta haram tersebut diserahkan kepada golongan fakir.





Imam al-Ghazali juga menjelaskan bahawa jika harta haram tersebut tidak dapat dikenalpasti siapakah pemiliknya, bolehlah diserahkan kepada pemerintah sebagai wakil untuk melaksanakan tanggungjawab yang bersangkut-paut dengan masalah umat Islam⁴.

Imam al-Zuhri pula telah memberikan fatwa apabila ditanyakan perihal seorang lelaki yang memperolehi harta haram, beliau telah mengeluarkan ijtihad bahawa lelaki muslim tersebut hendaklah membersihkan (tazkiah) harta haram tersebut dengan mendermakan keseluruhan harta haram tersebut kepada golongan fakir dan miskin ataupun menggunakan harta tersebut untuk tujuan kemaslahatan umum masyarakat muslimin seperti pembinaan sekolah, hospital, membaiki jalan dan seumpamanya⁵.

Imam al-Zuhri menambah, adalah tidak dihalalkan kepada lelaki tersebut untuk mengambil manfaat daripada hasil harta tersebut samada kepada dirinya sendiri, ahli keluarga dan tanggungannya. Ini adalah kerana harta tersebut dimiliki bukan melalui peruntukan seperti yang diizinkan oleh Islam.

Sheikh Atiyyah Saqar, mantan Ketua Lajnah Fatwa al-Azhar telah menyatakan kaedah melupakan harta haram ketika bertaubat mengikut kaedah seperti berikut⁶;

- i. Memulangkan kembali harta itu kepada si pemilik asal ataupun waris pemilik apabila diketahui pemilik harta tersebut.
- ii. Apabila tidak diketahui si pemilik asal harta tersebut, maka harta tersebut perlulah diserahkan kepada ahli fakir bagi memisahkan dirinya dengan harta haram yang diperolehinya. Penyerahan harta tersebut kepada ahli fakir bukanlah untuk mendapatkan pahala daripada serahan tersebut.

Sandaran hukum kewajipan memulangkan kembali harta yang diketahui pemiliknya dapatlah dipandukan kepada hadith Nabi SAW yang direkodkan oleh Imam al-Bukhari:





عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ كَانَتْ لَهُ مَظْلَمَةٌ لِأَخِيهِ مِنْ عَرْضِهِ أَوْ شَيْءٍ فَلْيَتَحَلَّلْهُ مِنْهُ الْيَوْمَ قَبْلَ أَنْ لَا يَكُونَ دِينَارٌ وَلَا دِرْهَمٌ إِنْ كَانَ لَهُ عَمَلٌ صَالِحٌ أُخِذَ مِنْهُ بِقَدَرٍ مَظْلَمَتِهِ وَإِنْ لَمْ تَكُنْ لَهُ حَسَنَاتٌ أُخِذَ مِنْ سَيِّئَاتٍ صَاحِبِهِ فَحُمِلَ عَلَيْهِ

Maksud:

Daripada Abu Hurairah r.a. katanya Rasulullah SAW telah bersabda, “Sesiapa yang menzalimi kehormatan atau apa sahaja harta saudaranya hendaklah ia meminta halal daripadanya pada hari ini sehingga jangan berbaki satu dinar atau dirham. Jika tidak, sekiranya dia mempunyai amal soleh, maka akan diambil amal solehnya dengan kadar kezaliman yang dilakukannya, dan kiranya tiada lagi kebaikan, maka akan dipertanggungjawabkan kejahatan orang yang dizaliminya itu pula.”

(Riwayat al-Bukhari, hadith no. 2269)

عَنْ سَمُرَةَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ عَلَى الْيَدِ مَا أَخَذْتَ حَتَّى تُؤَدِّيَ

Maksud:

Daripada Samurah katanya Nabi SAW bersabda, kewajipan di atas tangan (mencuri) apa-apa yang diambilnya, sehinggalah ia memulangkannya.

(Riwayat al-Tirmizi, hadith no. 1187)

Sheikh Prof. Dr. Yusuf al-Qaradhwai pula apabila ditanya bagaimana mengurus faedah yang terkumpul di dalam bank konvensional, samada hanya perlu dibiarkan sahaja berada di dalam bank konvensional tersebut atau sebaliknya⁷. Beliau telah menyatakan bahawa;

- i. Faedah-faedah bank yang terkumpul hukumnya adalah sama seperti harta-harta lain yang diperolehi melalui jalan yang haram.





- ii. Tidak harus seseorang menggunakannya (wang faedah) tersebut kerana tindakan menggunakan wang tersebut adalah termasuk di dalam kategori memakan harta yang diperolehi melalui jalan kezaliman. Tidak boleh dimanfaatkan melalui jalan makanan, minuman, tempat tinggal, membayar cukai dan seumpamanya.
- iii. Meninggalkan wang faedah itu di dalam bank konvensional adalah haram secara muhtamad. Dasar ini telah dipersetujui di dalam Mukhtamar Bank Islam Kedua di Kuwait oleh ulama secara ijmak. Tindakan tersebut hanya akan mengukuhkan lagi ekonomi bank riba dan dikira sebagai menolong dalam urusan maksiat. Menolong perkara yang haram adalah haram.

Bagi melupuskan harta haram dalam kes seumpama ini, Sheikh Prof. Dr. Yusuf al- Qaradhawi telah mengemukakan penyelesaian Syariah seperti berikut:

- i. Menyalurkan harta haram ke arah jalan kebajikan seperti diberikan kepada fakir miskin, anak-anak yatim, perantau, jihad pada jalan Allah, program menyebarkan dakwah Islamiah, membina masjid dan pusat-pusat Islam, melatih para pendakwah, mencetak kitab-kitab Islam dan seumpamanya.

Sheikh Jaddul Haq Ali Jaddul Haq, mantan Sheikhul Azhar (1982-1996), telah memberikan fatwa berkaitan permasalahan wang faedah dengan menyatakan wang faedah adalah haram dan tidak boleh dimanfaatkan sama sekali. Wang faedah tersebut mestilah dibersihkan dengan disedekahkan kepada ahli fakir atau mana-mana badan kebajikan. Beliau juga berpesan supaya setiap muslim mendapatkan rezeki daripada sumber yang halal, dan menjauhi perkara yang syubhah kepada haram⁸.

Prof. Dr. Muhammad Nabil Ghanayim, Profesor di Kuliyyah Syariah, Universiti Kaherah juga telah memberikan solusi serta kaedah menguruskan harta haram iaitu pembersihan pemilikan keseluruhan harta haram atau sebahagian harta haram melalui kaedah memulangkan kembali harta tersebut kepada si empunya (pemilik), atau menggantikan sejumlah harta yang diperolehi dengan cara penipuan, helah dan seumpamanya⁹.





Prof. Dr. Muhammad Nabil Ghanayim juga menambah seluruh kaedah pembersihan yang dinyatakan sebelum ini adalah diasaskan kepada taubat nasuha. Selain itu, beliau juga menyatakan setiap pendapatan yang bercampur dengan transaksi riba adalah perlu dibersihkan pendapatan tersebut dengan bersedekah ke arah kebaikan dan badan-badan kemasyarakatan.

Keputusan Badan Fatwa Berkaitan Kaedah Pelupusan Harta Tidak Patuh Syariah

Setelah diteliti, terdapat beberapa keputusan fatwa yang telah diputuskan oleh Badan Fatwa Antarabangsa, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan serta Mufti dan Jawatankuasa Fatwa Negeri-Negeri berkaitan pengurusan harta haram. Sighah keputusan fatwa yang dimaksudkan adalah seperti berikut;

i. Resolusi Rabitah Alam Islami¹⁰

Dalam sesi yang ke sembilan Mesyuarat Jawatankuasa Akademi Fiqh Dunia, Rabitah Alam Islami yang berlangsung di Mekah pada 12 Rejab 1406H ada menyatakan bahawa;

“Duit yang diperolehi dari riba adalah haram. Seseorang Islam tidak boleh membelanjakan duit tersebut untuk dirinya atau kepada sesiapa yang dia beri, tetapi duit tersebut hendaklah dibelanjakan bagi kepentingan awam seperti membina hospital, sekolah dan sebagainya. Ini tidaklah dianggap sebagai sedekah, akan tetapi pemberian itu merupakan proses pembersihan diri seseorang dari perkara yang diharamkan Syarak.

Malahan, tidak dibenarkan untuk meninggalkan duit tersebut di bank oleh kerana dengan duit tersebut, bank tersebut akan menjadi bertambah kukuh. Bank juga biasanya menggunakan duit riba tersebut untuk menyokong projek- projek orang Kristian dan institusi Yahudi. Dalam kata lain, wang riba ini juga menjadi senjata memusnahkan orang Islam.”





ii. **Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Kali ke-tiga**¹¹

Ketika membincangkan isu wang faedah pada 21-22 Januari 1971, ahli-ahli Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa:

- i. Faedah yang diambil daripada wang simpanan oleh institusi Islam atau perniagaan atau badan kebajikan yang dianggotai oleh orang-orang Islam dalam mana-mana bank adalah harus atas alasan kecemasan ekonomi orang-orang Islam pada masa ini.
- ii. Faedah yang diperolehi daripada wang simpanan oleh seseorang Muslim dalam mana-mana bank adalah harus alasan kerana kecemasan tetapi wang faedah itu hendaklah dimasukkan dalam Baitulmal atau untuk kegunaan masalah umum.

iii. **Keputusan Fatwa Negeri Kedah**¹²

“Wang faedah bank boleh samada disalurkan ke Baitulmal atau dibelanjakan kepada jalan-jalan kebajikan am termasuk kebajikan kepada masjid”

iv. **Keputusan Fatwa Negeri Terengganu**¹³

“Wang faedah simpanan bank adalah haram, segala faedah yang diterima itu hendaklah diserahkan kepada Baitulmal”

v. **Jawatankuasa Undang-Undang Islam Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Wilayah Persekutuan**¹⁴

“Menerima faedah dari wang simpanan tetap dan simpanan biasa adalah haram hukumnya, wang itu hendaklah diserahkan kepada Baitulmal”

vi. **Keputusan Mufti Kelantan**¹⁵

“Faedah yang datang daripada wang simpanan yang dibuat oleh orang-orang Islam perseorangan dalam mana-mana bank boleh diterima oleh orang itu, kerana kecemasan itu juga (kecemasan ekonomi orang-orang Islam pada masa ini) tetapi wang faedah itu hendaklah dimasukkan dalam Baitulmal atau dibelanja untuk kegunaan masalah am.”





vii. **Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Selangor¹⁶**

Ketika membincangkan isu Pelaksanaan Penyaluran Wang Syubhah Ke Baitulmal Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Selangor telah bersetuju memutuskan seperti berikut;

- i. Wang syubhah yang diperolehi boleh dijadikan sumber Baitulmal dan harus dimasukkan ke dalam akaun Baitulmal
- ii. Penggunaan wang syubhah harus untuk kegunaan menjalankan operasi perjalanan kerja di MAIS seperti pembinaan, penyelenggaraan bangunan, emolumen, pendidikan, pertanian, penyelidikan, perubatan, kemudahan asas seperti pembinaan dewan, tandas, jambatan dan lain- lain lagi untuk kegunaan umum.

viii. **Himpunan Fatwa Negeri Johor¹⁷**

Ketika diajukan soalan apakah hukum menyerahkan wang bunga yang diperolehi di pejabat pos kepada masjid, S.S. Dato' Syed Alwi bin Tahir al-Haddad, bekas Mufti Johor telah menjawab seperti berikut;

"Seperti harta yang tersebut itu hendaklah terlebih dahulu diserahkan kepada Baitulmal atau diserahkan kepada beberapa orang yang amanah dipercayai supaya dibelanjakan untuk masalah Islam."

vix. **Keputusan Mufti Perak¹⁸**

Wang riba (faedah bank) boleh digunakan untuk perkara-perkara yang dianggap hina dan digunakan untuk kepentingan awam seperti membuat jalan, tandas, titi dan sebagainya. Jika berhasrat untuk didermakan kepada masjid pastikan duit itu digunakan untuk tujuan-tujuan yang berkenaan.

Berpandukan kepada pendapat fuqaha silam dan semasa serta pandangan yang dikemukakan oleh badan- badan kefatwaan di dalam isu ini, dapatlah dirumuskan bahawa:

- i. Para ulamak telah bersetuju bahawa harta yang diperolehi dengan cara yang tidak syar'ie adalah dikira sebagai harta tidak patuh Syariah (haram) dan perlu dilupuskan.





- ii. Harta yang tidak patuh Syariah tidak boleh digunakan untuk kepentingan dan manfaat peribadi.

Kaedah-kaedah pelupusan yang dikemukakan oleh para fuqaha adalah seperti berikut;

- i. Jika harta tersebut merupakan harta yang dirompak, curi dan seumpamanya, harta tersebut perlu diserahkan semula kepada si pemiliknya atau ahli warisnya.
- ii. Disedekahkan kepada golongan fakir miskin.
- iii. Diserahkan kepada pihak pemerintah (Baitulmal) ataupun mana-mana institusi kebajikan yang dipercayai untuk digunakan untuk bagi kepentingan masalah umum umat Islam.

Praktis Semasa Berkaitan Harta Tidak Patuh Syariah di Baitulmal

Setelah diteliti di dalam beberapa Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-Negeri didapati bahawa peruntukan untuk menerima harta tidak patuh Syariah adalah tidak dinyatakan secara jelas di dalam Enakmen tersebut. Sebagai contoh di dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 Seksyen 81(2)¹⁹:

“Baitulmal hendaklah terdiri daripada semua wang dan harta, alih atau tidak alih, yang menurut hukum Syarak atau dibawah Enakmen ini atau peraturan-peraturan atau kaedah-kaedah yang dibuat dibawahnya, terakru, atau disumbangkan oleh mana-mana orang, kepada Baitulmal.”

Di peringkat Wilayah Persekutuan pula, Seksyen 60 (1), Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993²⁰ telah memperuntukkan bahawa:

“Suatu Kumpulan Wang yang dikenali sebagai Baitulmal adalah dengan ini ditubuhkan. Kumpulan wang itu hendaklah terdiri daripada semua wang dan harta, alih atau tak alih, yang menurut hukum Syarak atau di bawah peruntukan-peruntukan Akta ini atau kaedah-kaedah yang dibuat dibawahnya terakru, atau disumbangkan oleh mana-mana orang, kepada Kumpulan Wang.”





Di negeri Perak pula, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Perak) 1992 Peruntukan 75²¹ telah menjelaskan;

“Sumber am Baitulmal termasuk sumbangan dan pemberian; fida dan kaffarah; wang dan harta orang Islam yang tidak dituntut; Wasiat am; harta pusaka yang tidak diwarisi; Harta-harta tercicir (luqatah); dan lain-lain sumber Baitulmal mengikut Enakmen ini atau hukum Syarak.”

Walau bagaimanapun, di dalam Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Negeri Sabah) 1997, Seksyen 20 (2) (e)²² telah menyatakan dengan jelas peruntukan menerima harta tidak patuh Syariah seperti berikut;

“Baitulmal hendaklah terdiri daripada wang tunai dan harta samada yang boleh dipindah milik atau tidak mengikut hukum Syarak seperti berikut;

(e) “Apa-apa faedah yang diterima oleh orang Islam di Negeri ini yang menyimpan wang di bank dan tidak mahu melibatkan diri dengan riba dan apa-apa bentuk riba yang lain bolehlah diserahkan kepada Baitulmal”

Pihak pengurusan Baitulmal Selangor²³ telah memaklumkan bahawa mengikut praktis semasa, pihak Baitulmal sedia menerima harta dan wang tidak patuh Syariah. Begitu juga di Baitulmal Wilayah Persekutuan²⁴, Baitulmal Perak²⁵ serta Perbadanan Baitulmal Sabah²⁶.

Kesimpulan

Setelah diteliti pandangan serta pendapat pada fuqaha silam dan semasa di dalam permasalahan ini berserta peruntukan undang-undang adalah dapat dikemukakan perkara-perkara penting seperti berikut:

- i. Para fuqaha bersetuju dengan premis bahawa harta yang diperolehi dengan cara yang tidak patuh Syariah adalah haram di sisi Islam dan perlu dibersihkan.
- ii. Harta tidak patuh Syariah tidak boleh dimanfaatkan untuk tujuan kepentingan diri sendiri.





- iii. Kaedah-kaedah pelupusan yang dikemukakan oleh para fuqaha adalah seperti berikut:
- i. Jika harta tersebut merupakan harta yang dirompak, curi dan seumpamanya, harta tersebut perlu diserahkan semula kepada si pemiliknya. Jika si pemilik telah meninggal dunia atau tidak dapat dijumpai, harta tersebut mestilah dikembalikan kepada ahli warisnya.
 - ii. Disedekahkan kepada golongan fakir miskin.
 - iii. Diserahkan kepada pihak pemerintah (Baitulmal) ataupun mana-mana institusi kebajikan yang dipercayai untuk digunakan bagi kepentingan masalah umum umat Islam seperti tandas, jambatan, dan seumpamanya.
 - iv. Peruntukan untuk menyalurkan harta tidak patuh Syariah tidak dinyatakan secara jelas di dalam Akta dan Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-Negeri kecuali di dalam Enakmen Pentadbiran Islam Negeri Sabah yang memberikan peruntukan secara jelas. Walau bagaimanapun, mengikut praktis semasa, di kebanyakan Baitulmal Negeri sudah pun menerima harta tidak patuh Syariah untuk diakaunkan di dalam Baitulmal²⁷

Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Kali Ke-87 yang bersidang pada 23-25 Jun 2009 telah membuat keputusan mengenai hukum penyaluran harta tidak patuh Syariah ke Baitulmal atau institusi Islam lain seperti berikut:

“Setelah meneliti keterangan, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, Muzakarah berpandangan bahawa di dalam Islam harta-harta yang diperolehi dengan cara yang tidak mematuhi Syariah seperti riba, gharar, perjudian, penipuan, rompakan, rampasan, rasuah, dan seumpamanya adalah haram dan tidak boleh digunakan untuk manfaat dan kepentingan diri sendiri serta perlu dibersihkan melalui kaedah-kaedah berikut:





- i. Diserahkan kepada Baitulmal untuk masalah-masalah umum umat Islam seperti membiayai pembinaan atau penyelenggaraan jambatan, jalan, tandas dan seumpamanya;
- ii. Diserahkan kepada golongan fakir miskin; atau
- iii. Jika harta tersebut merupakan harta rompakan, curi dan seumpamanya, maka harta tersebut perlu diserahkan semula kepada pemiliknya. Jika pemiliknya telah meninggal dunia atau tidak dapat dijumpai, maka harta tersebut mestilah dikembalikan kepada ahli warisnya. Sekiranya tidak dapat diketahui pemilik atau ahli waris pemilik, maka harta tersebut hendaklah diserahkan kepada Baitulmal.”





Nota hujung

1. Muhammad Nabil Ghanayim, 2003. Qhadaya Muasirah Dirasah Fiqhiyyah Ijtima'iyyah, Kaherah: Dar-alhidayah. h. 140
2. Ibid h. 141
3. al Nawawi, (t.t). al-Majmu' Syarh al-Muhazzab, Kaherah: Dar-alfikr. h. 332- 333
4. Ibid hal. 332
5. <http://www.islamfeqh.com/Nawazel/NawazelItem.aspx?NawazelItemID=78>
6. Atiyyah Saqar, (t.t). Ahsanul Kalam Fi al-Fatawa Wal Ahkam, Kaherah: Dar- alGhad al-Arabi. h. 95-96
7. http://www.qaradawi.net/site/topics/article.asp?cu_no=2&item_no=5545&version=1&template_id=130&parent_id=17
8. Jaddul Haq Ali Jaddul Haq, 2005. Buhuth Wa Fatawa Islamiyyah Fi Qhadaya Muasirah, Kaherah: Dar-alhadith. h. 265-266
9. Muhammad Nabil Ghanayim, 2003. Qhadaya Muasirah Dirasah Fiqhiyyah Ijtima'iyyah, Kaherah: Dar-alhidayah. h. 146-147
10. http://www.islamonline.net/servlet/Satellite?pagename=IslamOnline-English-Ask_Scholar/FatwaE/FatwaE&cid=1119503547894
11. Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Siri-1, Jakim
12. Diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah dan dibukukan di dalam buku Himpunan Fatwa Negeri Kedah
13. Diputuskan oleh S.S. Dato' Indera Guru Hj. Wan Abdul Manan bin Hj. Wan Yaakob, Mufti Terengganu melalui soal jawab agama
14. Diputuskan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Undang-Undang Islam Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan 1978
15. Diputuskan oleh S.S Dato' Hj. Ismail bin Hj. Yusoff, Mufti Kelantan pada 4 Januari 1977 melalui soal jawab agama
16. Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Selangor Bil. 1/2009 yang telah bersidang pada 18 Mac 2009
17. Himpunan Fatwa Kerajaan Johor yang telah difatwakan oleh Allahyarham al-Allamah Dato' Syed Alwi bin Tahir al-Haddad, Mufti Kerajaan Johor





18. Diputuskan oleh Mufti Perak dalam soal jawab agama di internet di <http://mufti.perak.gov.my/kemusykilan/zakathartapusaka.htm>
19. Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003
20. Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993
21. Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Perak) 1992
22. Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Negeri Sabah) 1997 (Lampiran 16)
23. Temubual telefon bersama Us. Suhaimi Ismail, Penolong Setiausaha Bahagian Mal, Baitulmal Selangor pada 28 Mei 2009 jam 4.45 petang
24. Temubual telefon bersama Dr. Muhammad Yamin Ismail, Pengurus Bahagian Baitulmal, Baitulmal Wilayah Persekutuan pada 28 Mei 2009, jam 3.30 petang
25. Temubual telefon bersama Ustazah Nurulhuda bt. Mohd, Pembantu Tadbir, Baitulmal Perak pada 28 Mei 2009, jam 5.00 petang
26. Temubual telefon bersama Cik Norina Abd. Hamid, Pegawai Undang-Undang, Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah pada 29 Mei, jam 11.10 pagi.
27. Temubual telefon bersama En. Murid Fadzli bin Musa, Penolong Pengarah Bahagian Mal, JAWHAR pada 29 Mei 2009, jam 3.58 petang.





Rujukan

Abdul Halim Mahmud, *Fatawa Al-Imam Abdul Halim Mahmud*, Kaherah: Dar al-Maarif

Abi Zakariyya Mahyuddin bin Sharaf al-Nawawi, *al-Majmu' Syarh al-Muhazzab*, Kaherah: Dar-alfikr

Ahmad al-Syarbasi, *Yasalunaka Fiddin Wal Hayah*, Beirut: Dar al-Jil

Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah- Wilayah Persekutuan) 1993, Akta 505

Atiyyah Saqar, *Ahsanul Kalam Fi Al-Fatawa Wal Ahkam*, Kaherah: Dar-alGhad al-Arabi

Himpunan Fatwa 1 Negeri Kedah Darul Aman, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah Darul Aman

Jaddul Haq Ali Jaddul Haq, *Buhuth Wa Fatawa Islamiyyah Fi Qhadhaya Muasirah*, Kaherah: Dar al-Hadith, 2005

Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

Muhammad Nabil Ghanayim, *Qhadhaya Muasirah Dirasah Fiqhiyyah Ijtima'iyyah*, Kaherah: Dar al-Hidayah, 2003

Nik Mustapha Hj. Nik Hassan, *Ke Arah Pembangunan Baitulmal Kebangsaan*, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, 2003

Wahbah Mustafa al-Zuhaili, *Fatawa Muasirah*, Dimasyq: Dar al-Fikr Dasar, 2003

www.islamonline.net

www.islamfeqh.com

www.muftiperak.gov.my

www.qaradawi.net





- iii. Bank mungkin menghendaki pelanggan meletakkan sejumlah deposit berlandaskan hukum *al-wadi'ah*.
- iv. Bank juga akan mengenakan komisyen atau bayaran perkhidmatan kerana urusan pengeluaran jaminan ini.¹⁴

Prinsip *al-Kafalah* Menurut Syariah

Al-Kafalah juga disebut sebagai *al-hamalah*, *al-za'amah* dan *al-dhaman*. Menurut mazhab Hanafi, *al-kafalah* ialah:

ضم الذمة إلى ذمة في المطالبة مطلقاً¹⁵

Maksudnya:

Menggabungkan suatu *dzimmah* (tanggungjawab) kepada satu *dzimmah* lain dalam tuntutan tertentu secara mutlak.

Mazhab Maliki pula mendefinisikan *al-kafalah* atau *al-dhaman* sebagai:

شغل ذمة أخرى بالحق¹⁶

Maksudnya:

Mengambil *dzimmah* orang lain berkenaan suatu hak.

Mazhab al-Shafie pula mentakrifkannya dengan:

الالتزام حق ثابت في ذمة الغير أو إحضار من هو عليه أو عين مضمونة¹⁷





Maksudnya: Mewajibkan suatu hak yang sabit pada *dzimmah* orang lain atau menghadirkan orang yang wajib hadir atasnya atau menghadirkan suatu benda yang dijamin.

Manakala mazhab Hanbali disebut oleh Ibn Qudamah bahawa *al-dhaman* ialah

ضم ذمة الضامن إلى ذمة المضمون عنه في التزام الحق¹⁸

Maksudnya: Menggabungkan *dzimmah* penjamin kepada *dzimmah* orang yang dijaminnya dalam memenuhi tanggungjawab suatu hak.

Melalui definisi-definisi di atas difahami bahawa *kafalah* ialah satu kontrak perjanjian antara A dengan B dalam memberi jaminan kepada pihak C agar A memenuhi tanggungjawab terhadap pihak C. *Al-Kafalah* terbahagi kepada *al-Kafalah bi al-Mal* dan *al-Kafalah bi al-Nafs*.¹⁹ Dalam Islam, prinsip *kafalah* ialah akad *irfaq* dan *ihsan*. Oleh kerana itu ulama mensyaratkan *al-kafil* atau penjamin adalah yang berkelayakan untuk memberi sumbangan (*ahliyyat al-tabarru*).²⁰

Al-Zuhayli menyebut bahawa disyaratkan pada *al-kafil* (penjamin) mempunyai kelayakan *tabarru* iaitu baligh dan berakal kerana *kafalah* adalah kontrak *tabarru*. *Al-Makful bihi* (benda yang dijamin sama ada diri atau harta) disyaratkan boleh diserahkan oleh *al-kafil*. Maka tidak sah *kafalah* dalam bab *hudud* dan *qisas* kerana penjamin tidak boleh memenuhi tanggungan tersebut. Ini kerana *al-niyabah* (penggantian) tidak berlaku dalam bab *uqubat*. Begitu juga *al-makful bihi* mestilah hutang yang lazim iaitu hutang yang tidak akan gugur kecuali dengan pembayaran balik atau *ibra'* (pelepasan hutang). Manakala syarat bagi *al-makful lahu* (orang yang dijamin) mesti berakal dan *mumayyiz*. Di sisi mazhab Hanafi mestilah seorang yang diketahui dan hadir (ada ketika akad).²¹

Adakah Surat Jaminan Dianggap Sebagai Harta?

Harta dari segi bahasa ialah suatu yang disimpan dan dikawal oleh manusia sama ada *ain* seperti emas dan perak, atau manfaat sesuatu





barang seperti menunggang, memakai dan mendiami. Manakala suatu yang tidak boleh dikawal oleh manusia, ia bukan harta seperti burung di udara dan ikan di dalam air.²²

Jumhur fuqaha mendefinisikan harta sebagai setiap perkara yang ada nilai dan jika dirosakkan hendaklah diganti. Manakala mazhab Hanafi mengatakan harta merupakan benda atau barang yang boleh dikawal dan kebiasaannya boleh diambil faedah daripadanya. Di sini terdapat dua elemen penting iaitu:

- a. Harta tersebut mestilah boleh dikawal (*hiyazah*). Maka barang yang tidak boleh dikawal adalah bukan harta.
- b. Boleh diambil faedah atau manfaat daripadanya pada adat kebiasaan. Sesuatu yang tidak boleh diambil manfaat adalah bukan harta.

Apabila merujuk kepada surat jaminan bank yang dikeluarkan oleh bank, terdapat dua jenis surat. Jenis pertama iaitu tanpa cagaran ialah surat yang mengandungi prinsip *kafalah* seperti mana yang disebutkan dalam buku-buku fiqh. Maka surat tersebut tidak boleh dianggap harta dan tidak boleh dijual beli. Ini kerana ia hanya satu surat biasa yang menyatakan hak mendapat jaminan daripada bank.

Kedua ialah surat jaminan bercagaran atau berasaskan aset. Maka hubungan di antara bank dan pelanggan boleh dianggap sebagai *wakalah*. Justeru bank mengeluarkan surat hanya kerana ada aset yang dicagarkan dan bank akan menjaga aset cagaran tersebut. Surat jaminan itu mempunyai nilai yang sama dengan aset yang dicagarkan. Namun, aset yang dicagarkan hendaklah terdiri daripada aset tunai atau aset tetap. Oleh itu, mungkin boleh dibezakan antara aset tunai dengan aset tetap.

Jika surat jaminan yang mempunyai cagaran aset tunai (cagaran penuh), maka prinsip Syariah yang mungkin wujud ialah prinsip *wakalah* dan *wadi'ah*. Hubungan antara pelanggan (pemohon surat jaminan) dan pihak bank ialah hubungan *muwakkil* (pelanggan) dengan wakil (bank). Maka surat jaminan tersebut hanya melambangkan wang yang berada dalam akaun pelanggan. Justeru, surat tersebut tidak boleh dijual beli kecuali dengan syarat *al-taqabud* (serah terima dalam majlis) dan *al-tamathul* (persamaan nilai).





Sekiranya, surat jaminan tersebut berasaskan aset tetap (tanah atau bangunan, maka akad yang wujud ialah akad *al-rahn* dan *wakalah*. Ini kerana pelanggan mencagarkan asetnya sama ada saham atau bangunan kepada bank. Surat jaminan itu semata-mata tidak boleh dianggap harta kerana ia hanya kertas biasa yang tidak boleh diambil manfaat daripadanya. Namun jika apa yang dimaksudkan ialah cagaran di sebalik surat tersebut, maka surat jaminan tersebut adalah dianggap sebagai harta kerana:

- a. Surat tersebut menyatakan hak pemilik asal kepada aset cagarannya dan aset yang menjadi sandarannya disimpan oleh pihak bank.
- b. Surat itu boleh diambil faedah daripadanya. Iaitu seseorang yang memegang surat boleh menuntut aset yang menjadi sandarannya.
- c. Seseorang yang mempunyai surat jaminan tersebut dianggap mempunyai aset yang menjadi sandarannya. Oleh sebab itu, sekiranya seseorang yang membeli surat jaminan dapat menunaikan segala tanggungjawabnya maka ia boleh menuntut kembali aset daripada bank.
- d. Surat jaminan tersebut dianggap sebagai hak *mali* iaitu hak menunjukkan kepada harta dan manfaatnya. Seseorang yang memegang surat jaminan tadi berhak memiliki aset cagaran melalui beberapa prosedur dan Syarak mengiktiraf *haqq al-tamalluk* (hak memiliki).

Adakah surat jaminan boleh digunakan sebagai aset untuk jual beli?

Isu ini perlu dilihat dari beberapa sudut. Sekiranya surat jaminan tiada cagaran, maka hukumnya adalah jelas tidak boleh. Sekiranya ada cagaran dan ia hanya wang tunai yang didepositkan oleh pelanggan dalam akaun bank pengeluar surat, maka ia termasuk dalam jual beli *al-sarf* (pertukaran wang). Jual beli *al-sarf* tidak dibolehkan kecuali dengan syarat *al-taqabud* dan *al-tamathul*.





Sekiranya aset cagaran bukan wang tunai, perlu dibezakan antara saham atau aset tetap (tanah atau bangunan).

a. Aset cagaran ialah saham.

Antara syarat *al-mabi* (objek jual beli) ialah ia boleh diambil faedah atau manfaat daripadanya. Adakah sijil saham boleh dianggap barang dagangan (*urud al-tijarah*)? Apabila sijil-sijil saham dianggap sebagai barang dagangan, maka persoalan di sini, di manakah berlakunya akad jual beli (*mahall al-aqd*)? Adakah pada sijil tersebut atau nilainya atau benda lain? Sekiranya semata-mata sijil sahaja, maka ia bukan harta kerana ia hanyalah kertas atau dokumen biasa yang tidak mempunyai nilai. Namun apabila yang dianggap *mahall al-aqd* di sini ialah nilainya, ia termasuk dalam jual beli wang dengan wang (*bay al-naqd bi al-naqd*). Jika dimaksudkan dengan *mahall al-aqd* benda lain, apakah benda tersebut? Apabila berlaku jual beli, apakah yang perlu diserahkan oleh penjual tersebut dan bagaimanakah pembeli boleh mengambil manfaat daripadanya?²³ Kesimpulannya, jika syarat-syarat *al-mabi* memenuhi pada saham, maka sah jual beli. Sebaliknya, jika tidak wujud syarat, maka tidak sah jual beli tersebut. Apabila saham boleh dijual beli maka ia juga boleh dicagarkan. Apabila menjual saham tersebut ia juga bermakna menjual apa yang diwakili oleh saham tersebut. Persoalannya adakah harus pemilik cagaran menjual barang cagarannya? Ini akan disebutkan nanti dalam hukum *tasarruf al-rahin bi al-marhun*.

b. Aset cagaran ialah aset tetap.

Aset tetap telah dijadikan aset cagaran (*al-rahin*) bagi pengeluaran surat jaminan. *Al-rahin* ialah harta yang dijadikan satu *wathiqah* (sandaran mengikat) hutang untuk dibayar hutang tersebut daripada harganya jika hutang tidak dapat dijelaskan. Fuqaha menyatakan setiap perkara yang boleh dijual beli, maka boleh dijadikan barang cagaran (*al-rahin*).²⁴ Sebaliknya, adakah barang yang dicagarkan boleh dijual beli? Ia disebut oleh fuqaha dalam masalah *tasarruf* pemilik cagaran terhadap barang cagarannya.





Berikut ialah perincian mazhab berkenaan masalah tersebut:

Masalah *tasarruf* pemilik cagaran (*al-rahin* / الرهن)

Maksud *al-tasarruf* ialah setiap pekerjaan yang mendatangkan suatu *iltizam* lain dan mendatangkan kesan Syarak seperti hibah, jual beli, wakaf dan pembebasan (bagi hamba) dan sebagainya.

Apabila pemilik cagaran melakukan *tasarruf*, maka di sana ada dua keadaan:

a. *Tasarruf* tanpa izin pemegang cagaran (*al-murtahin*)

Menurut mazhab al-Shafie dan Hanbali, pemilik cagaran tidak boleh melakukan sebarang *tasarruf* yang menghilangkan hak pemilikannya seperti hibah, jual beli dan wakaf. Jika dia tetap melakukannya, *tasarruf* ini adalah terbatal dan tidak akan wujud apa-apa kesan Syarak. Tidak harus *tasarruf* kerana barang cagaran tersebut adalah *wathiqah* (pengikat hutang) yang berada di bawah kuasa pemegang cagaran. Sekiranya, diharuskan *tasarruf*, nescaya hilanglah *wathiqah* tersebut.

Sebagaimana tidak harus dilakukan *tasarruf* yang menghilangkan hak milik, begitu juga tidak harus dilakukan *tasarruf* yang mengurangkan nilai barangan cagaran seperti menyewakannya dalam tempoh hutang. Ini kerana ia boleh mengurangkan kehendak orang untuk membeli barang tersebut. Demikian juga tidak harus ia mencagarkan barang itu kepada pihak lain, kerana akan berlaku pertembungan hak dan ini boleh meluputkan matlamat cagaran.

Al-Sharbini dalam *Mughni al-Muhtaj* menyebut:

(وَلَيْسَ لِلرَّاهِنِ الْمُقْبِضِ) (تَصَرُّفٌ) مَعَ غَيْرِ الْمُرْتَهِنِ بِغَيْرِ إِذْنِهِ (يُزِيلُ الْمِلْكَ) كَالْهَبَةِ وَالْبَيْعِ وَالْوَقْفِ لِأَنَّهُ لَوْ صَحَّ لَفَاتَتْ الْوَثِيقَةُ ، وَأَمَّا مَعَهُ فَمُسِيئَاتِي أَنَّهُ يَصَحُّ²⁵

Maksudnya: Dan tidak harus bagi *al-rahin* yang memberi barang cagaran melakukan *tasarruf* kepada pihak (bukan *al-murtahin*) tanpa izinnya (*al-murtahin*), yang boleh menghilangkan hak





milik seperti hibah, jual, dan wakaf. Kerana jika sah, nescaya akan luput *wathiqah*, dan adapun (*tasarruf*) bersamanya atau dengan izinnya, maka akan disebutkan nanti ia sah.

Mazhab Hanafi memperincikan masalah *tasarruf al-rahin* kepada beberapa keadaan:

Jika *tasarruf* itu ialah aktiviti jual beli, jual beli dikira sah secara *mawquf* (digantung), sama ada pembeli mengetahui tentang hal itu atau tidak. Ia perlu digantung kerana pemilik cagaran melakukan *tasarruf* pada barangan yang bukan hak sepenuhnya. Ini kerana ia juga berkait dengan hak pemegang cagaran (iaitu *haqq al-habs*), maka digantung kelulusannya pada keizinan pemegang cagaran.

Apabila pemegang cagaran mengizinkannya, maka jual beli itu akan diluluskan dan jika tidak diizinkan, maka jual beli itu batal.

Di dalam kitab al-Hidayah Sharh al-Bidayah dinyatakan :

وَإِذَا بَاعَ الرَّاهِنُ الرَّهْنَ بِغَيْرِ إِذْنِ الْمُرْتَهِنِ فَالْبَيْعُ مَوْقُوفٌ لِتَعَلُّقِ حَقِّ الْغَيْرِ بِهِ وَهُوَ الْمُرْتَهِنُ فَيُتَوَقَّفُ عَلَى إِجَازَتِهِ وَلَوْ كَانَ الرَّاهِنُ يَتَصَرَّفُ فِي مِلْكِهِ كَمَنْ أَوْصَى بِجَمِيعِ مَالِهِ تَقَفَّ عَلَى إِجَازَةِ الْوَرَثَةِ فِيمَا زَادَ عَلَى الثَّلَاثِ لِتَعَلُّقِ حَقِّهِمْ بِهِ فَإِنْ أَجَازَ الْمُرْتَهِنُ جَازَ لِأَنَّ التَّوَقُّفَ لِحَقِّهِ وَقَدْ رَضِيَ بِسُقُوطِهِ²⁶

Maksudnya: Dan apabila *al-rahin* menjual barang *rahn* tanpa izin *al-murtahin*, maka jual beli itu *mawquf* kerana hak orang lain bergantung dengannya iaitu *al-murtahin*. Justeru, digantung atas keizinannya, sekalipun *al-rahin* bertasarruf pada hak miliknya. Seperti hukum orang yang mewasiatkan semua hartanya, maka digantungkan kesahannya atas keizinan ahli waris lain pada bahagian yang lebih daripada 1/3 kerana hak mereka bergantung dengannya. Sekiranya *al-murtahin* mengizinkannya, maka ia harus kerana pergantungan tersebut bagi haknya dan dia telah setuju dengan menggugurkan haknya.





b. Tasarruf dengan izin pemegang cagaran

Mazhab al-Shafie berpendapat, apabila pemilik cagaran melakukan *tasarruf* dengan izin pemegang cagaran dan *tasarruf* itu menghilangkan hak milik (seperti jual beli), maka *tasarruf* ini sah dan akad *rahn* akan batal. Tetapi pemegang cagaran boleh menarik balik keizinan tersebut sebelum berlaku *tasarruf* kerana haknya masih kekal ketika itu.

Al-Sharbini dalam Mughni al-Muhtaj menjelaskan:

وَلَهُ (أَيُّ الرَّاهِنِ) بِإِذْنِ الْمُرْتَهِنِ مَا مَنَعْنَاهُ (مِنْ التَّصَرُّفَاتِ وَالْإِنْتِفَاعَاتِ مِنْ غَيْرِ بَدَلٍ ؛ لِأَنَّ الْمَنْعَ كَانَ لِحَقِّهِ وَقَدْ زَالَ بِإِذْنِهِ فَيَحِلُّ الْوُطْءُ ، فَإِنْ لَمْ تَجِبْ فَالرَّهْنُ بِحَالِهِ ، وَإِنْ أَحْبَلَهَا أَوْ أَعْتَقَ أَوْ بَاعَ أَوْ وَهَبَ نَفَذَ وَبَطَلَ الرَّهْنُ²⁷

Maksudnya: Dan harus baginya iaitu bagi *al-rahin* (dengan izin *al-murtahin* apa yang kami larang) iaitu apa-apa *tasarruf* dan tindakan mengambil manfaat tanpa gantian. Larangan dahulunya adalah kerana haknya, dan sekarang telah hilang haknya dengan sebab keizininannya, maka halal jimak. Jika (hambanya) tidak mengandung, maka *rahn* kekal dengan keadaannya. Jika mengandung atau dia membebaskannya atau menjualnya atau menghibahkannya, akan diluluskan dan batal *al-rahin*.

Kata beliau lagi:

وَلَهُ (أَيُّ الْمُرْتَهِنِ) (الرُّجُوعُ) عَنِ الْإِذْنِ (قَبْلَ تَصَرُّفِ الرَّاهِنِ) ؛ لِأَنَّ حَقَّهُ بَاقٍ كَمَا لِلْمَالِكِ أَنْ يَرْجِعَ قَبْلَ تَصَرُّفِ الْوَكِيلِ²⁸

Maksudnya: Dan boleh baginya iaitu bagi *al-murtahin* untuk menarik kembali izinnya sebelum *al-rahin* bertindak melakukan *tasarruf*. Kerana haknya masih kekal seperti mana seorang pemilik barang boleh menarik balik sebelum wakilnya melakukan *tasarruf*.





Mazhab Hanafi mengatakan sekiranya, dijual atau dihibahkan kepada pihak ketiga, maka barangan cagaran telah terkeluar dari akad *rahn* dan akan berpindah kepada harga barang cagaran yang dijual.

Al-Kasani menyebut (13/472);

وَيَخْرُجُ بِالْبَيْعِ بَأَنْ بَاعَهُ الرَّاهِنُ أَوْ الْمُرْتَهِنُ بِإِذْنِ الرَّاهِنِ أَوْ بَاعَهُ الْعَدْلُ ؛
لَأَنَّ مِلْكَ الْمُرْهُونِ قَدْ زَالَ بِالْبَيْعِ وَلَكِنْ لَا يَبْطُلُ الرَّهْنُ ؛ لِأَنَّهُ زَالَ إِلَى
خَلْفٍ وَهُوَ الثَّمَنُ فَبَقِيَ الْعَقْدُ عَلَيْهِ²⁹

Maksudnya: Dan terkeluar (*al-marhun* dari akad) dengan sebab jual beli iaitu apabila dia *al-rahin* menjualnya atau *al-murtahin* menjualnya dengan izin *al-rahin* atau seorang yang adil menjualnya. Ini kerana hak milik *al-marhun* telah hilang dengan sebab jual beli, akan tetapi tidak membatalkan *al-rahn* kerana ia telah berpindah ke belakang (iaitu harga barang) maka akad masih kekal atasnya.

Al-Marghinani menjelaskan:

(وَإِذَا نَفَذَ الْبَيْعُ بِإِجَازَةِ الْمُرْتَهِنِ يَنْتَقِلُ حَقُّهُ إِلَى بَدَلِهِ هُوَ الصَّحِيحُ) ؛
لَأَنَّ حَقَّهُ تَعَلَّقَ بِالمَالِيَّةِ، وَالبَدَلُ لَهُ حُكْمُ الْمُبْدَلِ³⁰

Maksudnya: Dan apabila jual beli lulus dengan keizinan *al-murtahin*, maka haknya akan berpindah kepada gantian (harga) ia adalah sah kerana haknya bergantung dengan harta dan *badal* (gantian) mengambil hukum *al-mubdal* (yang digantikan).

Berdasarkan kepada kenyataan di atas, ia menunjukkan seorang *al-rahin* tidak boleh melakukan *tasarruf* seperti jual beli pada barang cagarannya mengikut mazhab al-Shafie dan Hanbali. Namun mengikut mazhab Hanafi, hukum tersebut lebih longgar kerana kesahan jual beli barang cagaran bergantung pada pemegang cagaran. Dalam konteks surat jaminan, jika mengikut mazhab Hanafi, kesahan jual beli itu bergantung pada keizinan pihak bank (pengeluar surat jaminan). Bahkan





sebagaimana yang dinyatakan oleh al-Kasani, akad *al-rahn* tersebut juga tidak batal. Untuk lebih *ihtiyat* (berjaga-jaga) hendaklah kita mengikut pandangan mazhab al-Shafie dan Hanbali. Wallahualam.

Kesimpulan

Melalui perbincangan ini, diketahui bahawa *al-kafalah* ialah satu kontrak penting dalam Islam dan ia bertujuan untuk bantu-membantu serta tolong-menolong. Sistem muamalat pada masa sekarang perlu kepada sumbangan para sarjana Islam bagi mencari jalan penyelesaian terbaik yang menepati sistem muamalat Islam. Melihat kepada masalah yang diutarakan, surat jaminan yang mempunyai cagaran memang diiktiraf sebagai suatu harta jika dirujuk pada aset cagarannya. Prinsip yang mungkin wujud dalam surat jaminan ialah *al-wakalah*, *al-kafalah* dan *al-rahn* sebagaimana yang telah dijelaskan. Namun dalam kes menjadikan surat tersebut sebagai aset jual beli, ia termasuk dalam masalah *hukum tasarruf* pemilik cagaran terhadap barang cagaran. Sekiranya boleh mencari aset selain daripada aset cagaran tersebut, maka itu adalah yang terbaik. Cuma, dalam keadaan terpaksa dan darurat, bolehlah menggunakan pendapat mazhab Hanafi selepas mendapat keizinan pihak bank pengeluar surat terlebih dahulu. Itu pun dengan mengikut syarat-syarat yang ketat dan perlu dikaji dengan teliti.





Nota hujung

1. Bakr bin Abdullah Abu Zayd, *Fiqh al-nawazil qadaya fiqhiyyah mu'asirah*, Muassasah al-Risalah, hlm. 201.
2. Johnson Pang, *Banking business & international trade finance Malaysia and Singapore*, Federal Publication Sdn Bhd, Kuala Lumpur, 1997, hlm. 66.
3. Dr. al-Gharib Nasir, *Usul al-masrafiyyah al-Islamiyyah wa asalib al-tamwil al-mutawafiqah maaha,*, hlm. 200; Charles J. Gmur, *Trade Financing*, Publication Limited, hlm. 16.
4. Dr. al-Gharib Nasir, *Usul al-masrafiyyah al-Islamiyyah*, hlm. 199.
5. Dr. al-Gharib Nasir, *Usul al-masrafiyyah al-Islamiyyah*, hlm.199.
6. Dr. al-Gharib Nasir, *Usul al-masrafiyyah al-Islamiyyah*, hlm. 200.
7. Bakr bin Abdullah Abu Zayd, *Fiqh al-nawazil*, hlm. 210.
8. Al-Salus, *al-Iqtisad al-Islami wa al-qadaya al-fiqhiyyah al-mu'asirah*, Muassasah al-Rayyan, 1996M/1416H, jld. 2, hlm. 765.
9. Dr. al-Gharib Nasir, *Usul al-masrafiyyah al-Islamiyyah*, hlm. 200.
10. Al-Salus, *al-Iqtisad al-Islami*, jld. 2, hlm. 766.
11. Al-Salus, *al-Iqtisad al-Islami*, jld. 2, hlm. 766.
12. Sudin Haron dan Bala Shanmugam, *Islamic banking system concepts & applications*, Pelanduk Publications, Petaling Jaya, 1997M, hlm. 138.
13. Ab. Mumin Ab. Ghani, *Sistem kewangan Islam dan pelaksanaannya di Malaysia*, Jabatan Kemajuan Islam, Kuala Lumpur, hlm. 276.
14. al-Zuhayli, *al-Muamalat al-maliyyah al-mu'asirah*, hlm. 354; Sudin Haron dan Bala Shanmugam, hlm. 138-139.
15. Zayn bin Ibrahim bin Muhammad, *al-Bahr al-ra'iq sharh kanz al-daqa'iq*, Dar al-Marifah, Beirut, jld. 6, hlm. 221.
16. Muhammad bin Abdullah al-Maghribi, *Mawahib al-Jalil*, Dar al-Fikr, Beirut, jld. 5, 96.
17. Al-Sharbini, *Mughni al-muhtaj ila marifat mani alfaz al-minhaj*, Dar al-Fikr, t.th, jld. 2, hlm. 198.
18. Al-Ghamidi, *Ikhtiyarat Ibn Qudamah al-fiqhiyyah fi ashhar al-masa'il al-khilafiyah*, Dar Tayyibah, 1418H, jld. 2, hlm. 271.





19. *Kafalah bi al-nafs* ialah penjamin berjanji akan membawa pihak yang dijamin (*al-makful*) apabila dipanggil dalam perbicaraan kes-kes tertentu di mahkamah.
20. Al-Salus, *Fiqh al-bay wa al-istithaq wa al-tatbiq al-muasir*, Muassasah al-Rayyan, Beirut, 2003M/1423H, jld. 2, hlm. 1346.
21. Al-Zuhayli, *al-Muamalat al-maliyyah al-mu'asirah*, Dar al-Fikr, Damsheiq, 2006M, hlm. 96.
22. Al-Zuhayli, *al-Fiqh al-Islami wa adillatuhu*, Dar al-Fikr al-Muasir, Beirut, 1997M, 1418H, jld. 4, hlm. 2875.
23. Dr. Ahmad bin Muhammad al-Khalil, *al-Ashum wa al-sanadat wa ahkamuha fi al-fiqh al-Islami*, Dar Ibn al-Jawzi, Riyad, hlm. 8.
24. Al-Salus, *Fiqh al-bay wa al-istithaq*, jld. 2, hlm. 1218.
25. Al-Sharbini, *Mughni al-muhtaj*, jld. 2, hlm. 130.
26. Al-Marghinani, *al-Hidayah sharh al-bidayah*, al-Maktabah al-Islamiyyah, Beirut, jld. 4, hlm. 145.
27. Al-Sharbini, *Mughni al-muhtaj*, jld. 2, hlm. 132.
28. Al-Sharbini, *Mughni al-muhtaj*, jld. 2, hlm. 132.
29. Al-Kasani, *Bada'i al-Sana'i*, Dar al-Kitab al-Arabi, Beirut, 1982M, jld. 6, hlm. 171.
30. Al-Marghinani, *al-Hidayah sharh al-bidayah*, jld. 4, hlm. 145.





Rujukan

- Ab. Mumin Ab. Ghani. *Sistem kewangan Islam dan pelaksanaannya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam.
- Bakr bin Abdullah Abu Zayd. *Fiqh al-nawazil qadaya fiqhiyyah mu'asirah*. Muassasah al-Risalah.
- Charles J. Gmur. *Trade Financing*. Publication Limited.
- Dr. Ahmad bin Muhammad al-Khalil. *al-Ashum wa al-sanadat wa ahkamuha fi al-fiqh al-Islami*. Riyadh: Dar Ibn al-Jawzi.
- Al-Ghamidi. 1418H. *Ikhtiyarat Ibn Qudamah al-fiqhiyyah fi ashhar al-masa'il al-khilafiyah*. Dar Tayyibah.
- Johnson Pang. 1997. *Banking business & international trade finance Malaysia and Singapore*. Kuala Lumpur: Federal Publication Sdn Bhd.
- Al-Kasani. 1982M. *Bada'i al-Sana'i*. Beirut: Dar al-Kitab al-Arabi.
- Al-Marghinani. *al-Hidayah sharh al-bidayah*. Beirut: al-Maktabah al-Islamiyyah.
- Muhammad bin Abdullah al-Maghribi. *Mawahib al-Jalil*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Salus. 1996M/1416H. *al-Iqtisad al-Islami wa al-qadaya al-fiqhiyyah al-muasirah*. Muassasah al-Rayyan
- Al-Salus. 2003M/1423H. *Fiqh al-bay wa al-istithaq wa al-tatbiq al-muasir*. Beirut: Muassasah al-Rayyan.
- Al-Sharbini. t.th. *Mughni al-muhtaj ila ma'rifat mani al-faz al-minhaj*. Dar al-Fikr.
- Sudin Haron dan Bala Shanmugam. 1997M. *Islamic banking system concepts & applications*. Petaling Jaya: Pelanduk Publications.
- Zayn bin Ibrahim bin Muhammad. *al-Bahr al-ra'iq sharh kanz al-daqa'iq*. Beirut: Dar al-Marifah. Al-Zuhayli. 1997M/1418H. *al-Fiqh al-Islami wa adillatuhu*. Beirut: Dar al-Fikr al-Muasir.
- Al-Zuhayli. 2006M. *al-Muamalat al-maliyyah al-mu'asirah*. Damshiq: Dar al-Fikr.





Hukum Pewarisan bagi Kes Kematian Serentak

SYAHNAZ SULAIMAN

Abstrak

Kematian serentak ialah insiden yang melibatkan kehilangan nyawa seorang atau beberapa orang ahli keluarga yang berlaku secara serentak yang menyebabkan berlakunya kesukaran untuk menentukan siapa antara mereka yang mati dahulu dan kemudian bagi menentukan hak pewarisan. Artikel ini akan membincangkan isu berkenaan menurut perspektif hukum pewarisan Islam.

The Legal Ruling of Islamic Law of Inheritance in Simultaneous Death Case

Abstract

Simultaneous death is the occurrence of loss of life by two or more individuals in family members concurrently or pursuant to circumstances that render impossible to ascertain who predeceased whom. The issue of who died first frequently arises in cases determining the inheritance of property from spouses or family members who die simultaneously. This paper highlights the issue from the view of Islamic law of inheritance.

Pendahuluan

Insiden kematian serentak di kalangan ahli keluarga berkemungkinan berlaku dalam kes-kes kemalangan jalan raya, kebakaran, runtuh bangunan, bencana alam, lemas dan pembunuhan di mana dalam kejadian tersebut tidak dapat ditentukan siapa antara mereka meninggal





dunia terlebih dahulu dan kemudian bagi menentukan hak-hak pewarisan.

Dalam sesuatu insiden kematian, pegawai perubatan akan merekod dan mengisytiharkan waktu dan tarikh kematian. Walau bagaimanapun, terdapat kemungkinan di mana semua mangsa direkodkan mati secara serentak dalam sijil kematian. Justeru, timbul persoalan bagaimana pembahagian harta pusaka dapat dilaksanakan dalam kes ahli keluarga yang saling mewarisi harta antara satu sama lain meninggal dunia secara serentak.

Hujah dan Dalil

Islam telah menggariskan hukum dan peraturan berhubung hak-hak pewarisan apabila berlaku kematian dalam keluarga. Asas penentuan kadar pembahagian harta pusaka Islam (faraid) adalah berdasarkan dalil-dalil yang terkandung dalam al-Quran, al-Sunnah dan *ijmak* fuqaha.

Dalil al-Quran yang menjadi sumber undang-undang pusaka Islam boleh dikategorikan kepada dua iaitu ayat *mujmal* yang menerangkan hukum pusaka secara umum dan ayat *mufassal* yang menerangkan pembahagian pusaka secara khusus.

Ayat 7 surah al-Nisa' merupakan ayat *mujmal* yang menerangkan hukum pusaka secara umum. Firman Allah SWT :

لِّلرِّجَالِ نَصِيبٌ مِّمَّا تَرَكَ الْوَالِدَانِ وَالْأَقْرَبُونَ وَلِلنِّسَاءِ نَصِيبٌ
مِّمَّا تَرَكَ الْوَالِدَانِ وَالْأَقْرَبُونَ مِمَّا قَلَّ مِنْهُ أَوْ كَثُرَ نَصِيبًا
مَّفْرُوضًا

(Surah al-Nisa', ayat 7)

Maksud:

Orang lelaki ada bahagian pusaka dari peninggalan ibu bapa dan kerabat, dan orang perempuan pula ada bahagian pusaka dari peninggalan ibu bapa dan kerabat, sama ada sedikit atau



banyak dari harta yang ditinggalkan itu; iaitu bahagian yang telah diwajibkan (dan ditentukan oleh Allah).¹

Manakala ayat *mufassal* dengan lebih terperinci menerangkan waris-waris dan kadar bahagian masing-masing sebagaimana firman Allah dalam surah al-Nisa', ayat 11:

يُوصِيكُمُ اللَّهُ فِي أَوْلَادِكُمْ لِلَّذِي كَرِهَ مِثْلُ حَظِّ الْأُنثَيَيْنِ
فَإِنْ كُنَّ نِسَاءً فَوْقَ اثْنَتَيْنِ فَلَهُنَّ ثُلُثَا مَا تَرَكَ وَإِنْ كَانَتْ
وَاحِدَةً فَلَهَا النِّصْفُ وَلِأَبَوَيْهِ لِكُلِّ وَاحِدٍ مِّنْهُمَا الشُّدُسُ
مِمَّا تَرَكَ إِنْ كَانَ لَهُ وَلَدٌ فَإِنْ لَمْ يَكُنْ لَهُ وَلَدٌ وَوَرِثَهُ أَبَوَاهُ فَلِأُمِّهِ
الثُّلُثُ إِنْ كَانَ لَهُ إِخْوَةٌ فَلِأُمِّهِ الشُّدُسُ مِنْ بَعْدِ وَصِيَّةٍ يُوْصَى
بِهَا أَوْ دَيْنٍ ءَابَاؤُكُمْ وَأَبْنَاؤُكُمْ لَا تَدْرُونَ أَيُّهُمْ أَقْرَبُ
لَكُمْ نَفْعًا فَرِيضَةٌ مِنَ اللَّهِ إِنْ أَلَّهَ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلِيمًا حَكِيمًا ﴿١١﴾

(Surah al-Nisa', ayat 11)

Maksud:

Allah perintahkan kamu tentang (pembahagian harta pusaka untuk) anak-anak kamu, iaitu bahagian seorang anak lelaki menyamai bahagian dua anak perempuan. Tetapi jika anak-anak perempuan itu lebih daripada dua, maka bahagian mereka ialah dua pertiga daripada harta yang ditinggalkan oleh si mati. Dan jika anak perempuan itu seorang sahaja, maka bahagiannya ialah seperdua (separuh) harta itu. Dan bagi ibu bapa (si mati), tiap-tiap seorang daripada kedua-duanya: seperenam daripada harta yang ditinggalkan oleh si mati, jika si mati itu tidak mempunyai anak. Tetapi jika si mati tidak mempunyai anak, sedang yang mewarisinya hanyalah kedua-dua ibu bapanya, maka bahagian ibunya ialah sepertiga. Kalau pula si mati itu mempunyai beberapa



orang saudara (adik-beradik), maka bahagian ibunya ialah seperenam (pembahagian itu) sesudah diselesaikan wasiat yang telah diwasiatkan oleh si mati, dan sesudah dibayarkan hutangnya. Ibu bapa kamu dan anak-anak kamu, kamu tidak mengetahui siapa di antaranya yang lebih dekat serta banyak manfaatnya kepada kamu. (Pembahagian harta pusaka dan penentuan bahagian masing-masing seperti yang diterangkan itu ialah) ketetapan dari Allah; sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.”²

Selain nas-nas al-Quran, terdapat beberapa hadis Rasulullah SAW yang menerangkan tentang hukum faraid seperti berikut:

عن ابن عباس عن النبي صلى الله عليه وسلم قال : ألحقوا الفرائض بأهلها فما بقي فهو لأولى رجل ذكر. متفق عليه³

Maksud:

Daripada Ibn Abbas daripada Rasulullah SAW baginda bersabda: Berikanlah harta kepada orang-orang yang berhak, sesudah itu bakinya adalah untuk waris lelaki yang lebih utama. (Muttafaqun 'alaih)

عن أسامة بن زيد عن النبي صلى الله عليه وسلم قال : لا يرث المسلم الكافر، ولا الكافر المسلم. رواه الجماعة الا مسلما والنسائي⁴

Maksud:

Daripada Usamah bin Zaid daripada Nabi Muhammad SAW baginda bersabda: “Tidak mewarisi seorang muslim daripada seorang kafir, dan seorang kafir tidak mewarisi daripada seorang muslim.” (Diriwayatkan oleh al-Jama’ah kecuali Muslim dan al-Nasa’i).





Pandangan Mazhab Hanafi, Maliki dan Syafie

Bagi kes ahli keluarga yang meninggal secara serentak yang tidak dapat ditentukan siapa meninggal terlebih dahulu seperti kejadian kapal karam, kebakaran, tertimbus dalam runtuhan, kemalangan jalan raya Jumhur Fuqaha kecuali Mazhab Hanbali berpendapat bahawa mereka itu tidak saling mewarisi harta antara satu sama lain kerana syarat pewarisan ialah waris (*al-warith*) hendaklah masih hidup sewaktu kematian orang yang mewariskan hartanya (*al-muwarrith*) sedangkan dalam kes kematian serentak syarat tersebut tidak dipenuhi.⁵ Dalam kejadian yang tidak dapat ditentukan siapa yang mati terlebih dahulu di kalangan ahli keluarga, maka mereka tidak saling mewarisi harta antara satu sama lain.⁶

Diriwayatkan oleh Kharijah bin Zaid bin Thabit daripada bapanya dan dia telah berkata: *"Aku telah diarahkan oleh Abu Bakar al-Siddiq r.a. untuk membahagikan harta pusaka kepada penduduk Yamamah⁷, orang yang hidup mewarisi harta daripada orang yang mati. Manakala orang mati tidak mewarisi harta sesama mereka. Dan aku juga telah diperintahkan oleh Umar r.a. untuk membuat pembahagian pusaka kepada waris si mati yang meninggal akibat wabak taun yang melanda 'Amwas⁸ (sebuah kampung di Palestin). Terdapat kabilah tertentu yang seluruh anggota keluarganya meninggal dunia. Oleh itu, orang yang mati mewariskan harta mereka kepada warisnya yang hidup dan orang yang mati secara bersama-sama itu tidak saling mewarisi harta antara mereka."* Hal yang sedemikian turut dipraktikkan oleh Ali Karramallahu Wajhah selepas berlakunya peperangan Jamal dan Siffin.⁹

Berdasarkan pendapat Jumhur Fuqaha, harta pusaka si mati dibahagikan kepada waris yang hidup tanpa mengambil kira bahagian ahli keluarga yang mati bersama-samanya. Sebagai contoh, dua orang adik-beradik meninggal dunia secara serentak dalam kebakaran, setiap seorang daripada mereka meninggalkan wang simpanan berjumlah RM90,000.00 berserta seorang ibu, seorang anak perempuan dan seorang bapa saudara sebelah bapa. Persoalan yang timbul, bagaimana pembahagian harta pusaka dibuat bagi kes kematian serentak melibatkan dua orang adik beradik yang saling mewarisi harta ini?

Menurut pendapat Mazhab Hanafi, Maliki dan Syafie, harta tersebut akan diwarisi oleh ibu dan anak-anak perempuan mereka tanpa





mengambil kira bahagian saudara yang meninggal bersama. Dalam hal ini, anak perempuan mereka akan menerima 1/2 atau RM45,000.00 setiap seorang manakala ibu akan mendapat 1/6 atau RM15,000.00 daripada jumlah wang simpanan anak pertama dan anak kedua. Manakala selebihnya iaitu RM30,000.00 akan diperoleh oleh bapa saudara sebelah bapa mereka sebagai *'asabah* yang mengambil lebih harta pusaka.

Pandangan Mazhab Hanbali

Menurut Mazhab Hanbali, bagi kes yang melibatkan kematian serentak di kalangan ahli keluarga yang tidak diketahui siapa yang mati terlebih dahulu, anggota keluarga yang mati bersama-sama akan saling mewarisi harta antara satu sama lain. Imam Ahmad menegaskan bahawa sekiranya dua orang yang saling mewarisi harta meninggal dunia dan tidak diketahui siapa yang mati dahulu, maka mereka saling mewarisi harta itu antara satu sama lain sebagaimana yang dinyatakan oleh Umar, Ali, Syurairi, Ibrahim dan al-Sya'bi.¹⁰

Walau bagaimanapun, harta yang boleh diwariskan itu mestilah harta yang secara hakiki ialah milik si mati (*talad/qadim*)¹¹ dan bukan harta yang baharu diwarisi (*tariff/jadid*)¹² daripada orang yang mati bersama-samanya. Harta (*tarif*) yang diwarisi daripada waris yang meninggal secara serentak hanya boleh diwariskan kepada waris yang hidup sahaja. Misalnya dalam kejadian tanah runtuh, berlaku kematian suami, isteri dan seorang anak lelaki, maka suami yang meninggal dunia, akan mewariskan harta miliknya (*talad*) kepada isteri dan anak lelaki yang mati bersama. Begitu juga isteri dan anak lelaki yang mati bersama-sama akan turut mewariskan harta (*talad*) kepada suami atau bapa tanpa mengambil kira bahagian harta yang diwarisi daripada suami atau bapa yang meninggal bersama-sama. Manakala harta yang baharu diwarisi (*tarif*) hanya boleh diwariskan kepada waris yang masih hidup sahaja.¹³

Pandangan Mazhab Hanbali ini juga merujuk kepada kisah yang diriwayatkan oleh Iyyas bin Abdullah al-Muzani, 'Ata', al-Hasan, Hamid al-A'raj, Abdullah bin 'Utbah, Ibn Abi Laila, Hasan bin Salih, Syuraik, Yahya bin Adam dan Ishak sebagaimana yang diriwayatkan oleh Ibn Mas'ud melalui al-Sya'bi, wabak taun telah melanda Syam yang berlaku pada tahun yang sama dengan wabak yang melanda 'Amwas





yang menyebabkan ramai daripada kalangan ahli keluarga meninggal dunia. Ibn Mas'ud telah menulis kepada Umar al-Khattab r.a dan Umar telah membalas surat tersebut dengan memberikan pandangan bahawa mereka yang mati itu saling mewarisi harta antara satu sama lain.¹⁴

Mazhab Hanbali turut berhujah dengan satu riwayat lain daripada Ali dan Ibn Mas'ud bahawa setiap seseorang itu berhak untuk menerima pusaka daripada ahli keluarga yang mati bersama-samanya atas keyakinan bahawa semua orang yang ditimpa musibah kematian adalah hidup dan berhak untuk menerima pusaka. Soal siapa yang mati dahulu dan kemudian merupakan satu keraguan (syak) sahaja yang tidak boleh menjadi penghalang kepada keyakinan bahawa mereka sebenarnya hidup untuk saling mewarisi. Ini berasaskan kaedah ¹⁵:

“إن اليقين لا يزول بالشك”

Maksud:

Keyakinan tidak gugur dengan syak

Kaedah lain yang menjadi hujah kepada pandangan Mazhab Hanbali ialah:

“الأصل بقاء ما كان على ما كان”

Maksud:

Asal sesuatu perkara kekal sebagaimana keadaan asalnya

Menurut kaedah di atas, pada asalnya semua orang adalah hidup. Justeru, semua orang berhak mendapat harta pusaka dan saling mewarisi antara satu sama lain dengan syarat waris-warisi tidak berselisih faham tentang isu siapa mati dahulu dan kemudian sama ada disertakan dengan bukti atau sebaliknya.¹⁶

Pandangan Jumhur

Ibn Taymiyyah dalam kitab Majmu'ah al-Fatawa telah menukilkan pandangan Jumhur Fuqaha bahawa orang yang mati bersama-sama atau secara serentak tidak mewarisi harta antara satu dengan yang lain. Manakala Imam Ahmad berpendapat bahawa mereka saling mewarisi





harta.¹⁷ Dar al-Ifta' Mesir telah mengeluarkan fatwa bagi kes kematian serentak melibatkan ahli keluarga dengan menyatakan bahawa ahli keluarga berkenaan tidak mewarisi antara satu sama lain.

Bagi menyelesaikan pertikaian tentang kematian serentak, beberapa negara Islam seperti Mesir¹⁸ dan Syria¹⁹ telah mengkanunkan peruntukan mengenai pembahagian harta pusaka bagi kes kematian serentak dengan mengambil pandangan Jumah Fuqaha bahawa sekiranya dua anggota keluarga meninggal dunia secara serentak dan tidak dapat ditentukan siapa yang mati dahulu dan kemudian, maka salah seorang daripada mereka tidak akan mewarisi harta yang seorang lagi sama ada mereka meninggal dunia secara serentak dalam kejadian yang sama atau sebaliknya.

Sehingga hari ini, Malaysia masih belum mempunyai undang-undang bertulis tentang pentadbiran pusaka orang Islam. Undang-undang bertulis seperti Akta Pengagihan Pusaka 1958 serta Akta Wasiat 1959 tidak terpakai kepada orang yang beragama Islam. Oleh itu, Mahkamah Syariah (dan dalam sesetengah keadaan Mahkamah Sivil) semasa memutuskan kes-kes berkaitan pusaka orang Islam akan merujuk kepada hukum Syarak termasuk fatwa yang dikeluarkan oleh Jabatan Mufti Negeri.

Dalam konteks perundangan negara, Seksyen 2, Presumption of Survivorship Act 1950 memperuntukkan seperti berikut:

In all cases where two or more persons die in circumstances rendering it uncertain which of them survived the other or others, such deaths shall (subject to any order of the court) for all purposes affecting the title to property be presumed to have occurred in order of seniority and accordingly the younger shall be deemed to have survived the elder.

Pemakaian peruntukan di atas adalah bagi kes-kes yang melibatkan tuntutan harta yang tertakluk kepada perintah Mahkamah Sivil. Bagi kes tuntutan harta yang melibatkan ahli-ahli keluarga yang tidak dapat ditentukan siapa di antara mereka yang mati dahulu menerusi kaedah perubatan atau kaedah-kaedah lain, maka undang-undang memberi anggapan bahawa siapa yang lebih tua dari segi umur dianggap mati terlebih dahulu. Justeru, faktor usia merupakan kayu ukur yang diiktiraf oleh undang-undang sivil dalam kes kematian serentak bagi





menyelesaikan tuntutan-tuntutan yang melibatkan harta termasuk dalam pembahagian harta pusaka.

Jika diteliti, peruntukan yang terkandung dalam undang-undang sivil adalah tidak selaras dengan prinsip yang telah ditetapkan oleh Hukum Syarak. Oleh itu, terdapat keperluan bagi Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam mengeluarkan fatwa tentang hukum pewarisan bagi kes-kes kematian serentak yang melibatkan orang-orang beragama Islam sebagai rujukan kepada hakim-hakim di Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil dalam membuat keputusan yang menyentuh isu pembahagian harta pusaka.

Isu Kematian Serentak Datuk, Nenek, Bapa dan Ibu

Pembahagian harta pusaka bagi kes-kes yang melibatkan kematian ahli keluarga secara serentak dapat diselesaikan menerusi sistem faraid. Walau bagaimanapun, dalam kes kematian serentak yang melibatkan datuk, nenek, bapa dan ibu, persoalan yang mungkin timbul ialah cucu sama ada lelaki atau perempuan tidak dapat mewarisi harta datuk atau nenek yang mati bersama-sama bapa atau ibu mereka disebabkan terdinding oleh kehadiran bapa atau ibu saudara.

Dalam kes di atas, terdapat satu penyelesaian yang telah lama dibahaskan oleh para Fuqaha Islam dan telah dikuatkuasakan menerusi peruntukan undang-undang di beberapa negara Islam yang dikenali sebagai wasiat wajibah. Mesir misalnya, telah mengkanunkan peruntukan wasiat wajibah menerusi Perkara 76, Undang-Undang Wasiat No.71 Tahun 1946.

Selain itu, Dar al-Ifta' di Mesir juga telah mengeluarkan fatwa mengenai kes kematian serentak yang melibatkan datuk atau nenek yang mati secara serentak dengan anak lelaki atau anak perempuan mereka. Dalam situasi yang tidak dapat ditentukan siapa mati dahulu dan kemudian, Dar al-Ifta' mengeluarkan fatwa bahawa mereka tidak saling mewarisi harta antara satu sama lain. Pada ketika ini, cucu atau anak kepada anak lelaki atau perempuan berhak untuk menerima wasiat wajibah dengan mengambil bahagian faraid bapa atau ibu mereka pada kadar tidak melebihi 1/3 daripada harta pusaka datuk atau nenek.





Syeikh Jad al-Haq ketika ditanya tentang kes kematian serentak seorang lelaki bersama-sama anak lelaki dan anak lelaki kepada anak perempuannya dalam kejadian kebakaran telah memberikan pandangan berasaskan Perkara 3, Undang-Undang Pusaka Mesir No.77 Tahun 1943 yang juga merujuk kepada pandangan Jumah Fuqaha bahawa mereka semua tidak saling mewarisi harta antara satu sama lain. Manakala cucu yang mati bersama-sama berhak mendapat bahagian wasiat wajibah daripada harta pusaka datuknya tidak melebihi kadar 1/3 berdasarkan Perkara 76, Undang-Undang Wasiat Mesir 1946.²⁰

Dari aspek pembahagian pusaka, bahagian wasiat wajibah akan ditolak terlebih dahulu daripada keseluruhan harta pusaka, manakala baki akan dibahagikan kepada waris-waris yang lain berdasarkan prinsip faraid. Bagi cucu-cucu lelaki dan perempuan yang menerima wasiat wajibah, pembahagian mereka adalah menurut faraid iaitu seorang anak lelaki akan menerima bahagian menyamai dua orang anak perempuan.²¹

Di Malaysia, Selangor telah mendahului negeri-negeri lain dengan menggubal Enakmen Undang-Undang Wasiat Negeri Selangor 1999. Seksyen 27 Enakmen berkenaan secara spesifik telah memperuntukkan pemakaian prinsip wasiat wajibah seperti berikut:

- (1) Jika seseorang mati tanpa membuat apa-apa wasiat kepada cucunya daripada anak lelakinya yang telah mati terlebih dahulu daripadanya atau mati serentak dengannya, maka cucunya itu hendaklah berhak terhadap satu pertiga wasiat dan, sekiranya cucu itu diberi dengan kadar yang kurang dari satu pertiga, haknya hendaklah disempurnakan mengikut kadar wasiat wajibah yang diperuntukkan di bawah seksyen ini.
- (2) Kadar wasiat wajibah untuk kanak-kanak yang disebut dalam subseksyen hendaklah setakat kadar di mana ayahnya berhak daripada harta pusaka datuknya sekiranya diandaikan ayahnya itu mati selepas kematian datuknya.

Dengan syarat wasiat itu tidak melebihi satu pertiga daripada harta pusaka si mati.

- (3) Kanak-kanak tersebut hendaklah tidak berhak kepada wasiat sekiranya dia telah mewarisi daripada datuk atau neneknya,





mengikut mana berkenaan, atau datuk atau neneknya semasa hayatnya, dan tanpa menerima apa-apa balasan, telah membuat wasiat kepada mereka atau telah memberi kepada mereka harta yang bersamaan dengan apa yang mereka sepatutnya menerima menurut wasiat wajibah.

Dengan syarat sekiranya wasiat yang dibuat oleh datuk atau nenek itu kurang daripada bahagian yang sepatutnya dia berhak, haknya hendaklah ditambah sewajarnya dan jika bahagian tersebut adalah melebihi bahagian yang dia berhak, bahagian yang lebih itu hendaklah menjadi wasiat sukarela dengan tertakluk kepada persetujuan waris.

Berdasarkan peruntukan di atas, pemakaian konsep wasiat wajibah dapat diaplikasikan dalam dua situasi seperti berikut:

- a. Waris di peringkat cucu terhalang daripada menerima pusaka disebabkan oleh bapa atau ibu mereka mati terlebih dahulu daripada datuk atau nenek; dan
- b. Datuk atau nenek mati secara serentak bersama-sama bapa dan ibu cucu tersebut.

Setakat ini, Negeri Sembilan turut mengambil pendekatan yang sama dengan mewujudkan undang-undang khusus tentang wasiat orang Islam menerusi Enakmen Wasiat Negeri Sembilan 2004 dan seksyen 27 Enakmen berkenaan turut menyebut tentang peruntukan wasiat wajibah.

Perlu dinyatakan di sini bahawa terdapat perbezaan dari segi golongan yang berhak mendapat wasiat wajibah antara peruntukan di Mesir dan Malaysia. Undang-Undang Wasiat Wajibah Mesir memberi hak kepada anak kepada anak lelaki ke bawah dan anak kepada anak perempuan di peringkat pertama untuk mendapat wasiat wajibah manakala undang-undang wasiat wajibah di negeri Selangor dan Negeri Sembilan hanya memperuntukkan hak tersebut kepada anak kepada anak lelaki sahaja.





Keputusan Jawatankuasa Muzakarah Fatwa Kebangsaan

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Kali Ke-83 yang bersidang pada 22 – 24 Oktober 2008 di Kota Bharu, Kelantan telah memutuskan hukum pewarisan bagi kes kematian serentak seperti berikut:

“Setelah meneliti keterangan, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, Muzakarah memutuskan bahawa mana-mana ahli keluarga yang meninggal dunia secara serentak dalam kejadian yang sama atau sebaliknya dan tidak dapat ditentukan siapa yang mati terlebih dahulu bagi menentukan hak pewarisan, maka mereka tidak akan saling mewarisi antara satu sama lain kerana berdasarkan syarat-syarat pewarisan, waris (al-warith) hendaklah masih hidup semasa kematian orang yang mewariskan (al-muwarriith). Oleh itu, harta pusaka si mati akan dibahagikan kepada waris-waris yang hidup tanpa mengambil kira bahagian ahli keluarga yang mati bersamanya. Bagi merekodkan waktu kematian, perakuan pakar perubatan hendaklah diterima pakai dan dicatatkan dalam Sijil Kematian.”

Penutup

Kaedah pembahagian harta pusaka yang melibatkan kes kematian serentak dapat disimpulkan seperti berikut:

- a. Jumah Fuqaha yang terdiri daripada Mazhab Hanafi, Maliki dan Syafie telah bersepakat bahawa dalam kes kematian serentak yang melibatkan ahli-ahli keluarga, mereka tidak saling mewarisi antara satu sama lain.
- b. Mazhab Hanbali berpendapat bahawa ahli-ahli keluarga yang mati secara serentak adalah saling mewarisi harta antara satu sama lain.
- c. Dalam situasi atau kes di mana datuk atau nenek mati bersama-sama anak lelaki atau anak perempuan, maka waris di peringkat cucu berhak untuk mewarisi harta bukan sahaja harta peninggalan bapa atau ibu mereka, malah mereka juga berhak untuk mengambil bahagian bapa atau ibu mereka daripada harta pusaka datuk atau





nenek menerusi prinsip wasiat wajibah dengan kadar tidak melebihi $\frac{1}{3}$.

- d. Dari aspek pembahagian pusaka, bahagian wasiat wajibah akan ditolak terlebih dahulu daripada keseluruhan harta pusaka, manakala baki akan dibahagikan kepada waris-waris yang lain berdasarkan prinsip faraid. Bagi cucu-cucu lelaki dan perempuan yang menerima wasiat wajibah, pembahagian mereka adalah dengan menurut faraid iaitu seorang anak lelaki akan menerima bahagian dua orang anak perempuan.
- e. Terdapat perbezaan dari segi golongan yang berhak mendapat wasiat wajibah antara peruntukan undang-undang di Mesir dan Malaysia. Undang-Undang Wasiat Wajibah Mesir memberi hak kepada anak kepada anak lelaki sejauh-jauhnya dan anak kepada anak perempuan di peringkat pertama untuk mendapat wasiat wajibah manakala undang-undang wasiat wajibah di negeri Selangor dan Negeri Sembilan hanya memperuntukkan hak tersebut kepada anak kepada anak lelaki sahaja.





Nota hujung

1. Tafsir Pimpinan al-Rahman.
2. Tafsir Pimpinan al-Rahman.
3. Al-Syawkani, *Nayl al-Awtar*, kitab al-faraid, bab al-bada'ah bi zawil furudi wa i'ta' al-'asabah ma baqiya, jil. 6, hlm. 61-62, hadis no.1/ 2541.
4. Al-Syawkani, kitab al-faraid, bab imtana'a al-irthi bi ikhtilafi al-din wa hukm man aslama 'ala mirath qabla an yaqsima, j. 6, hlm. 80-81, hadis no. 1/2576.
5. Al-Syirbini, *Mughni al-Muhtaj*, Kitab al-Faraid, Jilid 3, hlm. 36; Lihat al-Fatawa Dar al-Ifta' al-Islamiyyah al-Misriyyah, Jilid 19, Fatwa Nombor 2313, hlm. 7029-7030.
6. Wahbah al-Zuhayli, *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*, Jil. 10, hlm. 7903; Muhammad Ali al-Sabuni, *al-Mawarith fi al-Syari'ah al-Islamiyyah fi Dawi'I al-Kitab wa al-Sunnah*, hlm. 213; Al-Sarakhsi, *al-Mabsut*, Jil. 29, hlm. 33-35, Al-Qurtubi, *Bidayah al-Mujtahid*, hlm. 172, Al-Syirbini, *Mughni al-Muhtaj*, Kitab al-Faraid, Jilid 3, hlm. 36.
7. Peperangan Yamamah telah dilancarkan oleh Abu Bakar al-Siddiq bagi memerangi golongan murtad yang diketuai oleh Musailamah al-Kazzab. Diriwayatkan dalam peperangan tersebut seramai 70 *huffaz* al-Quran telah terkorban.
8. Turut dibaca sebagai 'Imwas, lihat Dr. Jum'ah Muhammad Barraji, *Abkam al-Mirath fi al-Syari'ah al-Islamiyyah*, hlm. 735.
9. Ibid; Wahbah al-Zuhayli, hlm. 7903-7904.
10. Ibn Qudamah, *al-Mughni*, Jil. 9, hlm.. 187.
11. Talad ialah harta yang lama iaitu harta milik si mati yang akan diwariskan kepada orang yang mati bersamanya dan waris yang masih hidup.
12. Tarif ialah harta yang baru iaitu harta yang diwarisi oleh si mati daripada orang yang mati bersamanya yang hanya boleh diwariskan kepada waris yang masih hidup.
13. Abi Mas'ab Bilal bin Habsyi Tabari al-Jazairi, *Kasyfal-Ghawamid min Abkam al-Faraid*, hlm. 406.
14. Ibn Qudamah, *al-Mughni*, Jil. 9, hlm. 187.





15. Al-Sarakhsi, *al-Mabsut*, Jil. 30, hlm. 34; Wizarah al-Awqaf wa al-Syu'un al-Islamiyyah, *Al-Mawsu'ah al-Fiqhiyyah*, jil. 3, hlm. 80.
16. Abi Mus'ab, *Kasyf al-Ghawamid min Ahkam al-Faraid*, hlm. 406.
17. Ibn Taymiyyah, *Majmu'ah al-Fatawa*, Jil. 31, hlm. 205.
18. Perkara 3, Undang-Undang Pusaka Mesir No. 77, 1943.
19. Perkara 261, Undang-Undang Keluarga Syria 1953.
20. Syeikh Jad al-Haq, *Buhuth wa Fatawa Islamiyyah fi Qadaya Mu'asirah*, Jus.2, hlm. 491-492.
21. Jumhuriyyah Misr al-'Arabiyyah, Wizarah al' Adli Dar al-Ifta' al-Misriyyah, *Al-Fatawa al-Islamiyyah (Mujallid Khas bi al-Mawarith wa al-Wasaya)*, Jilid 23, hlm. 8402.





RUJUKAN

Tafsir Pimpinan al-Rahman.

Muhammad ibn Ali al-Syawkani (2001). *Nayl al-Awtar*, Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.

Muhammad ibn Ahmad al-Syirbini (1998). *Mughni al-Muhtaj*, Dar al-Ma'rifah: Beirut.

al-Fatawa *Dar al-Ifta' al-Islamiyyah* al-Misriyyah,

Wahbah al-Zuhayli (1997). *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*, Damsyik: Dar al-Fikr.

Muhammad Ali al-Sabuni (1989). *Al-Mawarith fi al-Syari'ah al-Islamiyyah fi Dau'i al-Kitab wa al-Sunnah*, Beirut: Dar al-Fikr.

Shamsuddin Muhammad ibn Ahmad (2001). *Al-Mabsut*, Beirut: Dar al-Kitab a-Ilmiyyah.

Muhammad bin Ahmad bin Muhammad bin Ahmad bin Rusyd al-Qurtubi (2000). *Bidayah al-Mujtahid*, Beirut: Dar al-Ma'rifah.

Jum'ah Muhammad Barraji (1980). *Ahkam al-Mirath fi al-Syari'ah al-Islamiyyah*, Beirut; Dar al-Fikr.

Muwaffaq al-Din 'Abd Allah ibn Ahmad Ibn Qudamah (1998). *Al-Mughni*, Beirut: Dar al-Fikr.

Abi Mas'ab Bilal bin Habsyi Tabari al-Jazairi (2002). *Kashf al-Ghawamid min Ahkam al-Faraid*, t.tp: Dar-al-Hijr.

Wizarah al-Awqaf wa al-Syu'un al-Islamiyyah (1994). *Al-Mawsu'ah al-Fiqhiyyah*, Kuwait: Dar al-Safwal littaba'ah wa al-Naysr wa-Tawzi'.

Taqiyyuddin Ahmad bin Taymiyyah (2001). *Majmu'ah al-Fatawa*, t.tp: Dar al-Wafa'.

Jad al-Haq Ali Jad al-Haq (1994). *Buhuth wa Fatawa Islamiyyah fi Qadaya Mu'asirah, Kaherah: Aal-Azhar al-Sharif, al-Amanah al-'Ammah lil-Lajnah al-'Ulya lil-Da'wah al-Islamiyyah*.

Jumhuriyyah Misr al-'Arabiyyah, Wizarah al-'Adli Dar al-Ifta' al-Misriyyah (1988). *Al-Fatawa al-Islamiyyah (Mujallid Khas bi al-Mawarith wa al-Wasaya)*, Kaherah: t.pt.





Instrumen Hibah : Analisis Hukum dan Aplikasi di Malaysia

MOHD ZAMRO MUDA

Abstrak

Hibah merupakan satu instrumen penting dalam perancangan harta menurut undang-undang Islam. Hibah ialah pemberian harta yang berlaku semasa hidup pemberi hibah, sedangkan wasiat ialah pemberian harta yang berlaku selepas kematian pewasiat. Terdapat tanggapan bahawa dengan melakukan hibah maka seseorang itu telah menyalahi ketetapan hukum faraid. Kertas ini bertujuan memberikan pendedahan tentang konsep hibah sebagaimana yang telah digariskan oleh hukum Syarak dengan memberi fokus kepada beberapa isu yang timbul kesan daripada pelaksanaan hibah. Selain itu, tumpuan turut diberikan terhadap pelaksanaan hibah di Malaysia dalam konteks perancangan harta. Metodologi yang digunakan ialah kajian perpustakaan dan analisis kes. Perbahasan mengenai hibah jelas menunjukkan bahawa ia merupakan satu instrumen yang sesuai untuk diaplikasikan pada masa sekarang dengan syarat ianya tidak bertentangan dengan hukum faraid sekiranya ia dilaksanakan mengikut ketetapan hukum Syarak. Pelaksanaan hukum hibah memerlukan satu undang-undang khusus. Dalam konteks Malaysia, perkara berkaitan hibah terletak dalam bidang kuasa negeri-negeri. Walau bagaimanapun, semua negeri di Malaysia tidak mempunyai undang-undang spesifik mengenai hibah. Oleh itu, semua negeri disaran untuk menggubal enakmen hibah masing-masing.





Hibah Instrument: Islamic Ruling Analysis and Its Application In Malaysia

Abstract

Hibah (gift inter vivos) is a vital instrument in Islamic wealth planning. Hibah means giving wealth voluntarily to particular parties, done during the donor's lifetime. There is a presumption that the practice of hibah might be against the faraid law (Islamic inheritance law). Therefore, the aim of this paper is to expose the concept of hibah as prescribed by Shariah Law by focusing on several injunction issues accrue due to the practice of this instrument. Furthermore, the discussion will focus on the implementation of hibah in Malaysia, in the context of wealth planning. Methodology used is library research and analyzing cases. The discussion revealed that the instrument of hibah is currently appropriate to be applied provided that it is not in contrast with the faraid law if the application is in accordance with Shariah Law. The implementation of this instrument needs specific law. In the Malaysian context, the matter of hibah is under the jurisdiction of the state government. Unfortunately, all states do not have laws of hibah, therefore, each state is recommended to enact its own law on hibah.

Pendahuluan

Hibah merupakan satu instrumen penting dalam perancangan harta menurut undang-undang Islam. Hibah ialah pemberian harta yang berlaku semasa hidup pemberi hibah, sedangkan wasiat ialah pemberian harta yang berlaku selepas kematian pewasiat. Instrumen ini digalakkan dalam Islam. Sekiranya ia dilakukan dengan betul dan selaras dengan kehendak Syarak maka ia boleh mengelakkan berlaku pertikaian dan perebutan harta di samping dapat membantu kaum kerabat yang memerlukan bantuan. Terdapat tanggapan bahawa dengan melakukan hibah maka seseorang itu telah menyalahi ketetapan hukum faraid. Tanggapan ini tidak tepat kerana instrumen ini juga sebenarnya diberi





fokus dan tempat yang tersendiri dalam Islam. Justeru kertas ini cuba mengupas isu-isu berkaitan dengan hibah dari segi hukum hakam dan aplikasinya di Malaysia.

Konsep Hibah dalam Islam

Hibah dari segi bahasa bermaksud pemberian, sama ada dalam bentuk ain atau selainnya. Ia merangkumi hadiah dan sedekah. Ketiga-tiga istilah ini mempunyai makna yang hampir sama. Perbezaannya adalah dari aspek tujuan pemberian itu; di mana sedekah ialah suatu pemberian yang bertujuan untuk mendapat pahala di akhirat dan ia biasanya daripada yang kaya kepada yang miskin; manakala hadiah pula ialah pemberian untuk memuliakan seseorang dan biasanya ia ada hubung kait dengan sesuatu perkara. Dengan ini dapat dirumuskan bahawa setiap sedekah dan hadiah ialah hibah, tetapi bukan semua hibah ialah sedekah dan hadiah.

Hibah pada istilah Syarak ialah suatu akad yang mengandungi pemberian milik oleh seseorang secara sukarela terhadap hartanya kepada seseorang yang lain pada masa hidupnya tanpa balasan (*'iwad*). Secara lebih khusus lagi, hibah ialah suatu akad pemberian milik ain harta daripada satu pihak kepada pihak yang lain tanpa balasan (*'iwad*) semasa hidup secara sukarela, bukan mengharapkan pahala di akhirat dan memuliakan seseorang, dengan menggunakan lafaz ijab dan qabul atau seumpamanya.

Berdasarkan definisi di atas, dapat disimpulkan ciri-ciri hibah adalah seperti berikut:

- i. Suatu akad pemberian milik harta kepada sesuatu pihak.
- ii. Harta yang boleh dihibah ialah ain harta, bukannya hutang atau manfaat.
- iii. Akad hibah dibuat tanpa mengenakan sebarang balasan (*'iwad*).
- iv. Akad hibah berkuat kuasa semasa hidup pemberi hibah.
- v. Ia dibuat secara sukarela tanpa paksaan.
- vi. Akad dibuat bukan bertujuan untuk mendapat pahala atau memuliakan seseorang tertentu.





Hukum dan Pensyariaan Hibah

Dari segi hukum, hibah ialah suatu amalan yang sunat dan digalakkan dalam Islam terutama sekali kepada kaum keluarga terdekat. Amalan ini adalah berdasarkan kepada Quran, Sunnah dan ijmak. Antara ayat al-Quran yang menggalakkan amalan hibah ialah sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

وَأَتُوا النِّسَاءَ صَدَقَاتِهِنَّ نَحْلَةً فَإِنْ طِبَّنَ لَكُمْ عَنْ شَيْءٍ مِنْهُ
نَفْسًا فَكُلُوهُ هَنِيئًا مَرِيئًا ﴿٤﴾

Maksud:

Kemudian jika mereka Dengan suka hatinya memberikan kepada kamu sebahagian dari maskahwinnya maka makanlah (gunakanlah) pemberian (yang halal) itu sebagai nikmat yang lazat, lagi baik kesudahannya.

(Surah al-Nisa', ayat 4)

لَيْسَ الْبِرَّ أَنْ تُولُوا وَجُوهَكُمْ قِبَلَ الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ وَلَكِنَّ
الْبِرَّ مَنْ ءَامَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَالْمَلَائِكَةِ وَالْكِتَابِ
وَالنَّبِيِّينَ وَءَاتَى الْمَالَ عَلَى حُبِّهِ ذَوِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ
وَالْمَسْكِينِ وَابْنَ السَّبِيلِ وَالسَّائِلِينَ وَفِي الرِّقَابِ وَأَقَامَ
الصَّلَاةَ وَءَاتَى الزَّكَاةَ وَالْمُوفُونَ بِعَهْدِهِمْ إِذَا عَاهَدُوا
وَالصَّابِرِينَ فِي الْبَأْسَاءِ وَالضَّرَّاءِ وَحِينَ الْبَأْسِ أُولَئِكَ الَّذِينَ
صَدَقُوا وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُتَّقُونَ ﴿١٧٧﴾

Maksud:

...dan mendermanya seseorang akan hartanya sedang ia menyayangnya, kepada kaum kerabat, dan anak-anak yatim





dan orang-orang miskin dan orang yang terlantar dalam perjalanan, dan kepada orang-orang yang meminta, dan untuk memerdekakan hamba-hamba abdi...¹

(Surah al-Baqarah, ayat 177)

Rukun Hibah dan Syaratnya

Sesuatu akad hibah tidak akan terbentuk melainkan setelah memenuhi rukun dan syarat seperti berikut:

i. Pemberi hibah (*al-wahib*)

Pemberi hibah hendaklah seorang yang berkeahlian seperti sempurna akal, baligh dan *rushd* (matang dan berkemampuan menguruskan harta). Pemberi hibah mestilah tuan punya barang yang dihibahkan. Oleh sebab pemilik harta mempunyai kuasa penuh ke atas hartanya, hibah boleh dibuat tanpa had kadar serta kepada sesiapa yang disukainya termasuk kepada orang bukan Islam, asalkan maksudnya tidak melanggar hukum Syarak.

ii. Penerima hibah (*al-mawhub lahu*)

Penerima hibah boleh terdiri daripada sesiapa sahaja asalkan mempunyai keupayaan memiliki harta sama ada mukalaf atau bukan mukalaf. Sekiranya penerima hibah bukan mukalaf seperti belum akil baligh atau kurang upaya, hibah boleh diberikan kepada walinya atau pemegang amanah bagi pihaknya. Penerima hibah mestilah menerima harta yang dihibahkan dan berkuasa memegangnya. Dengan kata lain, penguasaan dan kawalan terhadap harta mestilah diberikan kepada penerima hibah.

iii. Barang atau harta yang dihibahkan (*al-mawhub*)

Barang atau harta yang hendak dihibahkan itu perlu memenuhi syarat-syarat berikut:

- a. Ia hendaklah barang atau harta yang halal.
- b. Ia hendaklah sejenis barang atau harta yang mempunyai nilai di sisi Syarak.





- c. Barang atau harta itu milik pemberi hibah.
- d. Ia boleh diserahkan.
- e. Ia benar-benar wujud semasa dihibahkan. Contohnya, tidak sah hibah barang yang belum ada seperti menghibahkan anak lembu yang masih dalam kandungan atau hibah hasil padi tahun hadapan sedangkan masih belum berbuah dan sebagainya.
- f. Harta itu tidak bersambung dengan harta pemberi hibah yang tidak boleh dipisahkan seperti pokok-pokok, tanaman dan bangunan yang tidak termasuk tanah. Mengikut Mazhab Maliki, Syafie dan Hanbali, hibah terhadap harta yang berkongsi yang tidak boleh dibahagikan adalah sah hukumnya. Dalam Islam, barang yang masih bercagar (seperti rumah) boleh dihibahkan jika mendapat keizinan daripada penggadaai atau peminjam.

iv. **Sighah iaitu ijab dan qabul**

Sighah hibah merupakan lafaz atau perbuatan yang membawa makna pemberian dan penerimaan hibah. Ia tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- a. Ada persambungan dan persamaan antara ijab dan qabul.
- b. Tidak dikenakan syarat-syarat tertentu.
- c. Tidak disyaratkan dengan tempoh masa tertentu. Hibah yang disyaratkan dengan tempoh tertentu seperti yang berlaku dalam *al-umra* dan *al-ruqba* adalah sah hukumnya tetapi syarat tersebut adalah terbatal.

Antara contoh lafaz ijab secara terang (*sarih*) adalah seperti kata pemberi “*Aku berikan barang ini kepadamu*” atau secara *kinayah* seperti kata pemberi “*Aku telah menyerahkan hak milik kepadamu*” atau “*Aku jadikan barang ini untukmu*”. Sementara contoh lafaz qabul (penerimaan) pula ialah seperti “*aku terima*”, “*aku reda*” dan sebagainya.

Dalam Undang-Undang Islam, sesuatu hibah itu sudah sah dengan adanya *ijab* dan qabul dengan perkataan atau apa-apa cara yang membawa erti memberi milik harta tanpa balasan (*iwad*). Mengikut Mazhab Maliki dan Syafi, penerimaan (qabul) itu hendaklah diambil





kira dalam menentukan sah atau tidaknya sesuatu hibah. Sebaliknya, golongan Hanafi menganggap bahawa *ijab* sahaja sudah memadai untuk menentukan sahnya sesuatu hibah itu.

Penerimaan Barang (*al-qabd*) dalam Hibah

Istilah *al-qabd* (penerimaan barang) bermaksud mendapat sesuatu, menguasainya dan boleh melakukan *tasarruf* terhadap barang atau harta tersebut. Mengikut Mazhab Hanbali dan Maliki, penerimaan barang tidak disyaratkan dalam sesuatu hibah, malah memadai dengan akad semata-mata. Ini bererti apabila berlaku kematian salah seorang atau salah satu pihak sama ada pemberi hibah atau penerima hibah sebelum penyerahan barang, maka hibah itu tidak terbatal. Sebaliknya, mengikut Abu Hanifah dan Syafie, penerimaan barang merupakan salah satu daripada syarat sah hibah. Oleh itu, apabila berlaku kematian salah satu daripada dua pihak sebelum penyerahan barang, maka hibah itu terbatal.

Dalam Mazhab Syafii, *al-qabd* merupakan syarat *luzum*, ertinya akad hibah tidak sempurna dan tidak berkuat kuasa dengan *ijab* dan *qabul* semata-mata, kecuali selepas *al-qabd*. Sekiranya *al-qabd* tidak berlaku maka akad hibah merupakan akad yang tidak mengikat. Oleh itu, pemberi hibah berhak menarik balik hibah tersebut selama mana harta berkenaan berada dalam pemilikannya.

Bagi memastikan akad hibah itu sempurna dan menjadi satu akad yang mengikat, *al-qabd* tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- i. Mendapat kebenaran dan keizinan pemberi hibah secara *sarih*.
- ii. Harta yang dihibah tidak bercampur dengan harta lain.
- iii. Penerima hibah berkeahlian iaitu baligh dan berakal. Bagi kanak-kanak dan orang gila (atau tidak berkeahlian) maka walinya atau pemegang amanah boleh menerima harta hibah bagi pihaknya.

Cara penerimaan barang (*al-qabd*) adalah berbeza-beza mengikut jenis harta sama ada harta tak alih atau harta alih. Bagi harta tak alih, *al-qabd* boleh berlaku dengan cara mengosongkan harta itu, menguasai-





nya dan melakukan *tasarruf* terhadap harta tersebut seperti menyerahkan kunci dan seumpamanya. Manakala bagi harta alih pula, *al-qabd* boleh berlaku dengan cara mengambil harta itu, memindah atau mengasingkan harta tersebut dengan harta-harta lain.

Hukum Penarikan Balik atau Pembatalan Hibah

Apabila sempurna sesuatu akad hibah dengan memenuhi rukun dan syaratnya serta berlaku penyerahan dan penerimaan barang (*al-qabd*), maka harta itu menjadi milik penerima hibah sekalipun tanpa balasan (*iwad*). Namun demikian, adakah hibah berkenaan boleh ditarik balik selepas itu menjadi perselisihan di kalangan fuqaha seperti berikut:

- i. Menurut pendapat Mazhab Hanafi, pemberi hibah boleh tetapi makruh menarik balik hibah yang telah diberikan dan dia boleh memfasakhkan hibah tersebut walaupun telah berlaku penyerahan (*qabd*), kecuali jika hibah itu dibuat dengan balasan (*iwad*).
- ii. Menurut pendapat Mazhab Syafi, Hanbali dan sebahagian fuqahak Mazhab Maliki penarikan balik hibah boleh berlaku dengan semata-mata ijab dan qabul. Tetapi apabila disertakan dengan penyerahan dan penerimaan barang (*al-qabd*) maka hibah berkenaan tidak boleh ditarik balik kecuali hibah yang dibuat oleh bapa (termasuk juga ibu, datuk, nenek dan *usul* yang lain) kepada anak-anaknya selama mana harta itu tidak ada kaitan dengan orang lain.
- iii. Menurut pendapat Imam Ahmad dan Mazhab Zahiri, pemberi hibah tidak boleh (haram) menarik balik hibah yang telah dibuat kecuali hibah bapa (termasuk juga ibu, datuk, nenek dan *usul* yang lain) kepada anak-anaknya. Ini adalah berdasarkan hadis Rasulullah SAW :

وَحَدَّثَنَا إِسْحَاقُ بْنُ إِبْرَاهِيمَ أَخْبَرَنَا الْمَخْزُومِيُّ حَدَّثَنَا وَهَيْبٌ حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ طَاوُسٍ عَنْ أَبِيهِ عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ -صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ- قَالَ « الْعَائِدُ فِي هِبَتِهِ كَالْكَلْبِ يَقْيَى ثُمَّ يَعُودُ فِي قَيْئِهِ »².





Maksud:

Orang yang menarik balik hibahnya sama seperti anjing yang memakan balik muntahnya.

(Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim).

Secara umumnya, para fuqaha bersetuju tentang keharusan pembatalan hibah sekiranya ia dilakukan secara reda-meredai antara pemberi dan penerima hibah atau melalui keputusan hakim.

Sungguhpun Islam membenarkan penarikan balik hibah yang dibuat oleh bapa (termasuk juga ibu, datuk, nenek dan *usul* yang lain) kepada anak-anaknya, tetapi ia terikat dengan syarat bahawa harta tersebut masih lagi di dalam pemilikan anaknya (cucunya). Sekiranya harta itu terkeluar dari kekuasaan dan pemilikan anaknya (cucunya) seperti telah dijual, diwakaf atau dihibah kepada orang lain dan harta itu telah diterima oleh penerima hibah (orang lain), maka hibah berkenaan tidak boleh ditarik balik lagi.

Kadar Harta yang boleh Dihibah

Islam tidak menetapkan kadar atau had tertentu bagi harta yang hendak dihibahkan. Ini kerana harta yang hendak dihibahkan itu merupakan milik pemberi hibah, maka terpulanglah kepada pemberi hibah membuat pertimbangan terhadap kadar harta yang ingin dihibahkan. Walaupun begitu, Islam menggalakkan hibah diberikan secara adil, lebih-lebih lagi jika diberikan kepada anak-anak.

Jumhur ulamak (Hanafi, Maliki dan Syafie) berpendapat bahawa sunat menyamakan pemberian di antara anak-anak dan pemberian yang lebih kepada salah seorang daripada mereka adalah makruh hukumnya, walaupun pemberian itu sah. Bagi Abu Yusuf, melebihi pemberian kepada sebahagian daripada anak-anak adalah diharuskan jika ibu bapa tidak berniat menimbulkan bahaya kepada anak-anak yang lain. Sekiranya ibu bapa berniat sedemikian, maka menjadi kewajipan mereka menyamakan pemberian tersebut. Menurut Mazhab Hanbali, keadilan dalam pemberian hibah kepada anak-anak merupakan perkara yang wajib. Manakala menurut Imam Malik, tidak boleh memberi hibah semua harta kepada sesetengah anaknya dan tidak kepada yang lain.





Menurut pendapat Hanafi, Syafii, Maliki dan Abu Yusuf, cara pemberian harta yang adil kepada anak-anak semasa hayat adalah dengan cara menyamakan pemberian tersebut tanpa membezakan antara anak lelaki dan anak perempuan. Sebaliknya, golongan Hanbali dan Muhammad bin Hassan al-Shaybani berpendapat bahawa keadilan yang dikehendaki dalam pemberian adalah dengan mengikut kadar mereka dalam pembahagian harta pusaka, iaitu bahagian anak lelaki menyamai dua bahagian anak perempuan.

Hibah Pada Masa *Marad al-Mawt*

Perkataan *marad al-mawt* bermaksud sakit yang boleh menyebabkan kematian. Syarat-syarat berikut diperlukan bagi menentukan *marad al-mawt*, iaitu:

- i. penyakit itu yang menyebabkan kematian si mati,
- ii. penyakit itu menyebabkan kecemasan kematian dalam fikiran si mati, dan
- iii. terdapat tanda-tanda luar yang menunjukkan bahawa penyakit itu berat.

Dalam Perkara 1595 *Majallah al-Ahkam al-'Adliyyah*, istilah *marad al-mawt* bermaksud sakit yang kebanyakannya membawa kepada kematian, di mana sakit itu boleh melemahkan orang sakit daripada melihat masalah (kepentingan) di luar rumahnya jika dia seorang lelaki, dan melemahkannya daripada melihat masalah (kepentingan) di dalam rumahnya jika dia seorang perempuan. Pesakit itu mati dalam keadaan sedemikian sebelum berlalu masa satu tahun sama ada dia terlantar atas katil atau sebaliknya. Sekiranya keadaan sakit tersebut berterusan dan telah berlalu masa satu tahun, maka hukumnya sama seperti orang sihat, ertinya segala urusannya (*tasarruf*) sama seperti urusan orang sihat selagi sakit itu tidak terlalu berat dan tidak berubah keadaannya. Tetapi sekiranya penyakit itu bertambah berat dan keadaannya telah berubah dan dia mati dalam keadaan sedemikian, maka keadaan (daripada waktu berlaku perubahan sehingga kematiannya) sakit itu dianggap sebagai *marad al-mawt*.





Daripada definisi di atas, perkataan *marad al-mawt* mempunyai ciri-ciri berikut:

- i. sesuatu penyakit itu yang meyebabkan kematian.
- ii. kematian yang diakibatkan oleh sesuatu penyakit itu berlaku dalam masa satu tahun atau selepas masa satu tahun (dalam keadaan penyakit itu bertambah berat).
- iii. sesuatu penyakit itu boleh membuat seseorang pesakit itu lupa atau lalai tentang kepentingan yang bersifat keduniaan.

Hibah pada masa *marad al-mawt* ialah pemberian yang dibuat oleh seseorang yang sakit tenat yang boleh membawa kepada kematian. Dalam undang-undang Islam pemberian itu melibatkan dua jenis undang-undang iaitu undang-undang hibah dan wasiat. Sekiranya pemberi hibah menemui ajal berikutan dengan lafaz pemberian itu, maka pemberian itu samalah seperti pemberian melalui wasiat dan tertakluk kepada hukum wasiat iaitu:

- i. Pemberian itu tidak melebihi 1/3 daripada harta si mati, dan
- ii. Pemberian itu tidak diberikan kepada waris kecuali waris-warisan lain telah bersetuju.

Walau bagaimanapun, jika pemberi hibah itu hidup maka pemberian itu termasuk di dalam hukum hibah dan tertakluk kepada hukum pemberian semasa hidup iaitu penyerahan hak pemunyaan oleh pemberi hibah kepada penerima *hibah*.

Dalam *Majallah al-Ahkam al-'Adliyyah* juga ada diterangkan beberapa perkara yang berkaitan dengan hibah yang dibuat ketika *marad al-mawt*, antaranya:

- i. Apabila seseorang yang tidak mempunyai waris menghibahkan semua hartanya kepada seseorang pada masa *marad al-mawt*, kemudian pemberian itu diterima maka hibah itu hukumnya adalah sah (Perkara 877).
- ii. Apabila seseorang suami menghibahkan semua hartanya kepada isterinya atau sebaliknya pada masa *marad al-mawt* dan hibah itu telah diterima, sedangkan mereka tidak mempunyai waris lain,





- maka hibah itu juga hukumnya sah dan baitulmal tidak boleh campurtangan dalam harta peninggalannya (Perkara 878).
- iii. Apabila seseorang telah menghibahkan sesuatu harta kepada salah seorang daripada waris pada masa *marad al-mawt* dan selepas kematiannya waris-waris lain tidak bersetuju, maka hibah itu hukumnya tidak sah (Perkara 879).

Hibah Dalam Bentuk *al-'umra* dan *al-ruqba* (Hibah Bersyarat)

Al-'Umra bermaksud pemberian semasa tempoh hidup penerima hibah atau pemberi hibah dengan syarat harta tersebut dikembalikan setelah kematian penerima hibah. *Al-'Umra* juga bermaksud suatu pemberian yang bersifat sementara yang merujuk kepada hayat salah seorang sama ada pemberi hibah atau penerima hibah. Sekiranya penerima hibah meninggal dunia maka harta yang dihibahkan itu dikembalikan kepada pemberi hibah. Sebaliknya, jika pemberi hibah meninggal dunia maka harta hibah akan dikembalikan kepada waris pemberi hibah. Contoh lafaz hibah *al-'umra* adalah seperti pemberi hibah berkata: “*tanah ini aku berikan (hibahkan) kepada kamu semasa kamu hidup dan jika kamu mati maka harta itu kembali kepada aku jika aku masih hidup dan kepada waris aku jika aku telah mati*”.

Manakala *al-ruqba* pula ialah pemberian dengan syarat kematian salah satu pihak sama ada pemberi hibah atau penerima hibah sebagai syarat pemilikan kepada salah satu pihak yang hidup. *Al-Ruqba* juga bermaksud suatu pemberian bersyarat yang ditentukan oleh pemberi hibah, di mana harta hibah akan menjadi milik penerima hibah sekiranya pemberi hibah meninggal dunia. Tetapi jika penerima hibah meninggal dunia sebelum pemberi hibah maka harta hibah akan kembali kepada pemberi hibah. Contoh lafaz hibah *al-ruqba* adalah seperti pemberi hibah berkata: “*Tanah ini aku berikan kepada kamu sebagai ruqba dan jika kamu mati dulu maka harta itu kembali kepada aku dan jika aku mati dulu maka harta itu untuk kamu*”.

Para fuqaha sepakat tidak mengharuskan hibah yang disyaratkan pemilikannya akan terlaksana pada suatu tempoh masa yang akan datang. Majoriti ulamak berpendapat hibah yang bersifat sementara seperti hibah





'umra dan *ruqba* adalah sah tetapi syaratnya terbatal. Mereka berhujah bahawa jika syarat itu terpakai maka ia bertentangan dengan kehendak akad hibah itu sendiri. Rasulullah s.a.w bersabda yang bermaksud:

عَنْ أَبِي الزُّبَيْرِ عَنْ جَابِرٍ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ -صلى الله عليه وسلم-
« أَمْسِكُوا عَلَيْكُمْ أَمْوَالَكُمْ وَلَا تُفْسِدُوهَا فَإِنَّهُ مَنْ أَعْمَرَ عُمُرِي فَهِيَ لِلَّذِي
أَعْمَرَهَا حَيًّا وَمَيِّتًا وَلِعَقِبِهِ ».³

Maksud:

Peliharalah harta kamu dan janganlah kamu (menghibahkannya) secara 'umra kerana sesungguhnya sesiapa yang (menghibah) sesuatu secara 'umra, maka ia menjadi milik orang yang dihibahkan.

(Riwayat Muslim dan Abu Daud)

Sebahagian daripada fuqaha Maazhab Hanbali, Imam Malik, Imam al-Zuhri, Abu Thur dan fuqaha lain serta *qawl al-qadim* Imam Syafie berpendapat bahawa hibah 'umra adalah harus dan syaratnya sah jika tidak dinyatakan oleh pemberi hibah bahawa harta yang dihibahkan akan menjadi milik waris penerima hibah selepas kematian penerima hibah. Ini bermakna harta hibah akan kembali kepada pemberi hibah selepas kematian penerima hibah. Sementara pendapat lain pula mengambil pendekatan bahawa hibah yang bersifat sementara pada hakikatnya bukanlah hibah tetapi ia adalah 'ariyah (peminjaman).

Imam Abu Hanifah dan Imam Malik mengharuskan hibah 'umra tetapi tidak mengharuskan hibah *ruqba*. Pandangan mereka adalah dengan berpandukan kepada hadis Rasulullah SAW yang telah mengharuskan hibah 'umra dan membatalkan hibah *ruqba*. Namun hadis ini dikritik oleh Imam Ahmad kerana ia tidak diketahui kesahihannya. Mereka juga berpendapat bahawa hibah *ruqba* ialah hibah ta'liq ke atas sesuatu yang tidak jelas dari segi tempoh ia akan terlaksana.

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat dirumuskan bahawa antara isu penting yang membawa perbezaan pandangan di kalangan fuqaha tentang hibah 'umra dan hibah *ruqba* adalah tertumpu kepada unsur hibah yang bersifat sementara dan hibah sesuatu yang dita'liqkan





dengan hayat seseorang. Kedua-dua isu ini telah menimbulkan reaksi yang berbeza di kalangan fuqaha. Mazhab yang mengatakan hibah *'umra* dan hibah *ruqba* tidak diharuskan adalah dengan berpandukan kepada hadis Rasulullah SAW:

حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ الْمُثَنَّى وَمُحَمَّدُ بْنُ بَشَّارٍ قَالَا حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ جَعْفَرٍ حَدَّثَنَا شُعْبَةُ قَالَ سَمِعْتُ قَتَادَةَ يُحَدِّثُ عَنْ عَطَاءٍ عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ عَنِ النَّبِيِّ -صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ- قَالَ «الْعُمَرَى جَائِزَةٌ»⁴.

Maksud:

Janganlah kamu memberi (hibah) sama ada secara *'umra* atau *ruqba*.

(Riwayat Muslim)

Mazhab yang mengharuskan hibah *'umra* dan hibah *ruqba* pula berhujah dengan hadis:

حَدَّثَنَا إِسْحَاقُ بْنُ إِسْمَاعِيلَ حَدَّثَنَا سُفْيَانُ عَنْ ابْنِ جُرَيْجٍ عَنْ عَطَاءٍ عَنْ جَابِرِ أَنَّ النَّبِيَّ -صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ- قَالَ «لَا تُرْقِبُوا وَلَا تُعْمِرُوا فَمَنْ أُرْقِبَ شَيْئًا أَوْ أُعْمِرَ فَهُوَ لَوَرَثَتِهِ»⁵.

Maksud:

(Hibah) *'umra* dan *ruqba* adalah diharuskan bagi mereka.

Aplikasi Hibah di Malaysia

Di Malaysia, tiada peruntukan khusus tentang undang-undang hibah yang dikanunkan. Ini bermakna Dewan Perundangan Negeri dan Parlimen (bagi Wilayah-Wilayah Persekutuan) tidak pernah meluluskan statut khusus tentang hibah orang Islam untuk dilaksanakan di Mahkamah-Mahkamah Syariah. Setakat yang ada hanyalah peruntukan yang menjelaskan tentang bidang kuasa Mahkamah Syariah tentangnya termasuk dalam Butiran 1, Senarai II Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan bahawa:





“Kecuali mengenai Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, hukum Syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam, termasuk hukum Syarak yang berhubungan dengan mewarisi harta berwasiat dan tidak berwasiat, pertunangan, perkahwinan, perceraian, mas kahwin, nafkah, pengambilan anak angkat, taraf anak, penjagaan anak, pemberian, pembahagian harta dan amanah bukan khairat; Wakaf dan takrif serta peraturan mengenai amanah khairat dan khairat agama, pelantikan pemegang-pemegang amanah dan perbadanan bagi orang-orang mengenai pemberian agama dan khairat, yayasan, amanah, khairat dan yayasan khairat yang dijalankan, kesemuanya dalam Negeri; adat istiadat Melayu; Zakat, Fitrah dan Baitulmal atau hasil agama Islam yang seumpamanya; masjid atau mana-mana tempat sembahyang awam untuk orang Islam, mengadakan dan menghukum kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh orang yang menganut agama Islam terhadap rukun-rukun Islam, kecuali mengenai perkara-perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan; keanggotaan, penyusunan dan acara bagi mahkamah-mahkamah Syariah, yang akan mempunyai bidang kuasa hanya ke atas orang-orang yang menganut agama Islam dan hanya mengenai mana-mana perkara yang termasuk dalam perenggan ini, tetapi tidak mempunyai bidang kuasa mengenai kesalahan-kesalahan kecuali setakat yang diberi oleh undang-undang persekutuan; mengawal pengembangan iktikad dan kepercayaan antara orang-orang yang menganut agama Islam; menentukan perkara-perkara hukum Syarak dan iktikad dan adat istiadat Melayu”.

Peruntukan di atas menunjukkan bahawa hibah ialah sebahagian daripada perkara negeri yang diletakkan di bawah pentadbiran agama Islam di setiap negeri dan secara langsung ia terletak di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah. Sehubungan itu, Seksyen 46(2)(b)(v) dan (vi), Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 (Akta 505) memperuntukkan:





Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah-

- (b) Dalam bidang kuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding dalam mana semua pihak adalah orang Islam dan yang berhubungan dengan-
 - (v) wasiat atau alang semasa marad-al-maut seseorang si mati Islam;
 - (vi) alang semasa hidup, atau penyelesaian yang dibuat tanpa balasan yang memadai dengan wang atau nilai wang, oleh seseorang Islam;

Penggunaan perkataan “alang” yang dibuat semasa *marad al-mawt* atau semasa hidup dan “penyelesaian yang dibuat tanpa balasan” adalah merujuk kepada hibah atau pemberian. Penggunaan perkataan yang sama digunakan juga di negeri-negeri lain seperti Selangor, Melaka, Pulau Pinang, Johor, Perak, Kedah, Terengganu, Sabah dan Sarawak. Sementara itu, Negeri Sembilan menggunakan perkataan “hibah”, Pahang dan Perlis menggunakan perkataan “pemberian” dan Kelantan menggunakan perkataan “alang hayat”

Daripada peruntukan di atas, didapati pelaksanaan hibah bukan sahaja diperuntukkan dalam undang-undang di Malaysia semasa hidup pemberi hibah, malah hibah semasa *marad al-mawt* juga ada diperuntukkan. Kes-kes hibah di Mahkamah-mahkamah Syariah di Malaysia, selalunya melibatkan pengesahan hibah, pertikaian takat atau kadar hibah dan penarikan balik hibah.

Dalam kes *Harun bin Muda dan Lain-lain lwn. Mandak binti Mamat dan Lain-lain* [1999] XIII(I) JH 63, melibatkan kes pertikaian takat hibah yang dikemukakan oleh plaintif ke atas sebidang tanah. Tuntutan-tuntutan yang dibuat oleh plaintif antara lain, untuk mengesahkan bahawa tanah tersebut sebagai pemberian hibah si mati (Muda bin Tahir) kepada mereka. Di samping itu, tuntutan juga dibuat supaya mahkamah mensabitkan bahawa tanah itu menjadi milik sah plaintif-plaintif berdasarkan takat yang telah disebutkan. Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu telah memutuskan bahawa tuntutan plaintif-plaintif tentang takat keluasan masing-masing yang dinyatakan di atas tanah tersebut adalah benar dan berpuas hati atas kebenaran tuntutan





itu lalu memberikan keputusan bahawa telah sabit hibah si mati kepada plaintif-plaintif.

Dalam kes di atas juga, Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu berpendapat bahawa berlakunya hibah sungguhpun qabul berlaku secara perebutan iaitu selepas berlakunya ijab harta itu telah dimajukan atau diusahakan atau dimanfaatkan oleh defendan. Sebaliknya, dalam kes *Salmiah binti Che Mat lwn Zakaria bin Hashim* [2001] XIV JH 79 Mahkamah Rendah Syariah Bukit Mertajam Pulau Pinang berpendapat bahawa hibah tidak sah sungguhpun qabul kepada ijab sudah berlaku secara perbuatan. Dalam penghakiman kes ini, Mahkamah telah mengemukakan beberapa soalan. Isu pertama yang dibangkitkan ialah apakah dalam kes ini telah terlaksana dengan sempurna rukun-rukun hibah. Mahkamah mendapati bahawa rukun pemberi hibah, penerima hibah dan barang yang dihibahkan telah mencukupi syarat-syarat yang telah dikehendaki oleh hukum Syarak. Namun demikian, bagi rukun sighah pula Mahkamah mendapati bahawa ia belum terlaksana dan belum sempurna, yang berlaku hanyalah ijab daripada Che Mat sahaja dan tidak ada qabul daripada defendan sama ada secara lisan atau tulisan. Dengan demikian, Mahkamah berpendapat hibah Che Mat kepada defendan tidak sah oleh sebab rukun sighah belum terlaksana dan belum sempurna.

Dalam kes ini, jelas bahawa Mahkamah tidak mengiktiraf penggunaan dan pembangunan yang telah diusahakan ke atas tanah tersebut oleh defendan dengan mendirikan sebuah rumah sebagai qabul. Namun demikian, antara alasan lain Mahkamah tidak mengesahkan hibah tersebut adalah kerana penggunaan dan pembangunan yang diusahakan ke atas tanah tersebut dilakukan sebelum keizinan diberi oleh pemberi hibah. Ini kerana menurut pendapat mazhab Syafie dan Hanbali, syarat pengambilan barang/harta yang dihibahkan adalah dengan keizinan pemberi hibah.

Sementara dalam kes *Eshah binti Abdullah dan Lima Yang Lain lwn Che Aminah binti Abdul Razak dan Dua Yang Lain* [2004] XVIII(I) JH 47, yang timbul ialah isu adakah qabul disyaratkan secara terang dan jelas selepas pemberian atau cukup dengan *qarinah-qarinah* lain yang membuktikan adanya penerimaan. Dalam kes ini, pemberi hibah





telah meninggal dunia dan tidak ada penarikan balik hibah. Hibah tersebut juga telah disaksikan oleh saksi-saksi, namun bangunan yang dipertikaikan sebagai harta hibah masih didaftarkan atas nama si mati. Mahkamah Rayuan Syariah Terengganu telah menerima rayuan yang dibuat oleh perayu-perayu berdasarkan kepada qarinah penerimaan daripada penerima, di mana ketiga-tiga penerima hibah mengaku bahawa mereka telah menerima hasil sewaan bangunan tersebut semasa hayat si mati. Apa yang menarik dalam kes ini ialah pandangan Mahkamah Rayuan Syariah Terengganu iaitu:

“Diandaikan jika pemberian tersebut telah bertukar kepada nama penerima-penerima, kemungkinan kes ini tidak lagi perlu dibawa kepada mahkamah, kerana segala-galanya telah jelas dan tercatat dalam dokumen”.

Berdasarkan keterangan kes-kes di atas dan banyak lagi kes yang lain, sesuatu hibah boleh dicabar di Mahkamah Syariah, tidak kira sama ada ia dibuat secara lisan atau bertulis oleh individu atau peguam. Bagaimanapun, ia hanya boleh dicabar atau dipertikaikan dari sudut sahnya mengikut hukum Syarak atau ada waris yang tidak bersetuju dengan kandungan hibah itu selepas kematian pemberi hibah.

Kini dengan adanya muncul pelbagai agensi yang terlibat dalam soal penulisan hibah maka dengan itu timbul pula pelbagai cara yang dilakukan oleh agensi-agensi berkenaan dalam memperkembangkan ruang lingkup hibah seperti *trust* hibah. *Trust* hibah ialah kacukan antara hibah dan amanah. Ia ialah pemberian harta oleh seseorang atas dasar kasih sayang yang berlaku ijab dan qabul pada masa hayat pemberi hibah. Harta hibah tersebut akan dipegang oleh pemegang amanah dan diserahkan kepada penerima selepas kematian pemberi hibah atau menurut persetujuan pihak-pihak berkenaan. Begitu juga dengan hibah yang dibuat oleh pemberi hibah untuk memastikan dia masih menguasai hartanya tersebut kerana dia khuatir mungkin penerima akan mengabaikannya apabila semua harta telah dihibahkan. Maka dalam hal ini pemberi hibah telah membuat satu perjanjian asing di luar akad yang memberi hak kepada pemberi mengurus dan mengguna harta tersebut sehinggalah dia meninggal dunia.





Apa yang dinyatakan di atas adalah lebih hampir dengan apa yang dikatakan hibah *'umra* dan hibah *ruqba*. Dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan kali ke-56 pada 5 Oktober 2000; Jawatankuasa tersebut memutuskan bahawa peletakan syarat adalah dibenarkan antara pemberi dan penerima hibah setelah berlaku ijab dan qabul. Begitu juga dengan keputusan Majlis Penasihat Syariah (MPS) Suruhanjaya Sekuriti dalam mesyuarat ke-44 pada 15 Januari 2003 menerima pakai prinsip hibah *ruqba* sebagai asas Syariah dalam pelaksanaan borang akaun hibah untuk transaksi yang melibatkan akaun bersama tabung unit amanah terutamanya akaun yang dipegang oleh orang Islam.

Penutup

Dari perbincangan di atas, jelas menunjukkan bahawa suatu undang-undang yang khusus berkaitan dengan pemberian hibah dan pentadbirannya amatlah diperlukan. Dengan adanya undang-undang yang khusus, ia dapat mengurangkan kekeliruan dan dapat menegakkan kewibawaan Mahkamah Syariah dan mengukuhkan kredibilitinya dalam masyarakat apabila memutuskan soal yang berkaitan dengan hibah. Di samping itu, pada masa yang sama, ia boleh menjadi panduan kepada masyarakat yang ingin membuat hibah secara peribadi agar hibah yang dibuat itu menjadi lebih sempurna, atau dengan kata lain, masyarakat dapat menguruskan hartanya dengan cara yang lebih teratur dan kemas.





Nota hujung

1. Kertas kerja ini dibentangkan pada Konvensyen Faraid dan Hibah Kebangsaan 2008, anjuran JAKIM pada 7 Ogos 2008 bertempat di Dewan Serbaguna, Masjid Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur.
2. Tafsir Pimpinan al-Rahman
3. Sahih Muslim, bab tahrim uju' fi sadaqah, hlm. 64, hadis no. 4261.
4. *Sunan Muslim, kitab al-Hibat*, hadis no. 4196.
5. *Sahih Muslim*, kitab al-hibat, hadis no. 4202.
6. Sunan Abi Daud, bab man qala fih wa li'aqibihi, hadis no. 3556.





Rujukan

Al-Quran al-Karim.

Abdul Monir Yaacob. 1999. Wasiat: konsep dan perundangan. Dlm. Abdul Monir Yaacob & Mohd. Fauzi Mustaffa (pnyt.). *Pentadbiran harta menurut Islam*, hlm. 75 – 97. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).

Ahmad Hidayat Buang (pnyt.). 2005. *Mahkamah Syariah di Malaysia: pencapaian dan cabaran*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 (Akta 505).

al-Alusi, Shihab al-Din Muhammad. 1410H/1990. *Ruh al-ma'ani fi tafsir al-Quran al-ʿAzim wa al-sabʿ al-mathaniy*. Jil. 1. Beirut: Dar al-Turath al-ʿArabi.

Badran Abu al-ʿAynayn Badran. 1985. *al-Mawarith wa al-wasiyyah wa al-hibbah fi al-sharʿah al-islamiyyah wa al-qanun*. Misr: Muassasah Shabab al-Jamiʿah al-Iskandariyyah.

Ibn Qudamah, Abu Muhammad ʿAbd Allah ibn Ahmad. t.th. *al-Mughni*. Jil. 6. Beirut: Dar al-Kutb al-ʿIlmiyyah.

Jurnal Hukum. 2004. Jld XVII(I). Putrajaya: Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.

Jurnal Hukum. 2004. Jld XVIII(I). Putrajaya: Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.

Jurnal Hukum. 2006. Jld. XXI(II). Putrajaya: Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.

Keputusan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti. 2006. Ed. ke-2. Kuala Lumpur: Suruhanjaya Sekuriti.

al-Kurdiy, Ahmad al-Hajiyy. 1418H/1998. *al-Ahwal al-shakhsiyyah*. Damshiq: Manshurat Jamiʿah Damshiq.

Mahamad Arifin et al. 2007. *Pentadbiran undang-undang Islam di Malaysia*. Jld. 12. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Md. Akhir Haji Yaacob (Penterjemah). 2002. *al-Ahkam al-ʿAdliyah – Undang-undang sivil Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.





- Mohd NoorAizan Md Idrus. 2007. Rukun, syarat sah hibah mengikut hukum Syarak. *Berita Harian*, 3 Oktober.
- Mohd NoorAizan Md Idrus. 2007. Hibah secara bertulis boleh elak salah faham antara waris. *Berita Harian*, 24 Oktober.
- Mohd. Ridzuan Awang. 2003. Pelaksanaan harta hibah. Dlm. Mohamad Zaini Yahaya et al. (pnyt.). *Isu Syariah dan Undang-undang Siri* 12, hlm. 89 – 105. Bangi: Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Zamro Muda & Mohd. Ridzuan Awang. 2006. *Undang-undang pusaka Islam: pelaksanaan di Malaysia*. Bangi: Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, UKM.
- Mohd Zamro Muda & Sureizai Arshad. 2006. Pengurusan dan tuntutan harta pusaka besar (biasa) orang Islam di Malaysia. *Prosiding Seminar Kebangsaan Pengurusan Harta dalam Islam*, hlm. 113-130. Anjuran Bersama Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, UKM dan Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah pada 8 & 9 Ogos 2006.
- Mohd Zamro Muda et al. 2008. *Pengantar undang-undang dan pentadbiran pusaka, wasiat dan wakaf orang Islam di Malaysia*. Bangi: Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, UKM.
- Mustofa al-Khin, Mustofa al-Bugho & Ali al-Syarbaji. 2003. *Kitab Fikah Mazhab Syafie*. Terj. Jld 5 . Kuala Lumpur Pustaka Salam Sdn Bhd.
- Muhammad Ramiz Abd al-Fattah al-Azizi. 2003. *al-Mirath wa al-wasiyyah*. Jordan: Dar al-Furqan li al-Nashr wa al-Tawzi^c.
- Muhammad al-Zuhayli. 2001. *al-Fara'id wa al-mawarith wa al-wasaya*. Beirut: Dar al-Kalam al-Tayyib.
- Mustofa al-Khin, Mustofa al-Bugho & Ali al-Syarbaji. 2003. *Kitab Fikah Mazhab Syafie*. Terj. Jld 5 . Kuala Lumpur Pustaka Salam Sdn Bhd.
- Mustofa al-Khin, Mustofa al-Bugho & Ali al-Syarbaji. 2004. *Kitab Fikah Mazhab Syafie*. Terj. Jld 6 . Kuala Lumpur Pustaka Salam Sdn Bhd.
- Nor Adila Mohd Noor. 2007. Teori dan praktis pentadbiran harta wasiat di mahkamah: perbandingan antara undang-undang Islam dan Sivil. Disertasi Sarjana, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Perlembagaan Persekutuan.





- Prosiding konvensyen perwarisan harta Islam 2007*. Kuala Lumpur: Amanah Raya Berhad.
- Ridzuan Awang. 1994. *Undang-undang tanah Islam: pendekatan perbandingan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Mashitoh Mahamood. 2006. Bidang kuasa pentadbiran harta pusaka di Malaysia: perspektif perundangan Syariah dan Sivil. Prosiding Seminar Kebangsaan Pengurusan Harta dalam Islam, hlm.113-130. Anjuran Bersama Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, UKM dan Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah pada 8 & 9 Ogos 2006.
- Siti Mashitoh Mahamood (pnyt.). 2006. *Harta amanah orang Islam di Malaysia: perspektif undang-undang dan pentadbiran*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- al-Sayyid Sabiq. t.th. *Fiqh al-sunnah*. Jil. 3. Kaherah: Maktabah Dar al-Turath.
- al-Siba'î, Mustafa. 1417H/1997. *Sharh qanun al-ahwal al-shaksiyyah*. Jil. 2. Damshiq: Maktabat al-Islami.
- Wahbah al-Zuhayli. 1989. *al-fiqh al-Islami wa adillatuh*. Juz. 5 & 8. Damsyiq: Dar al-Fikr.

